

Jilid III
Bil. 40



Hari Rabu
6hb November, 1985

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

PENGUMUMAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA:

Cuti Yang Berhormat Tuan Patrick Anek Uren—Kebenaran [Ruangan 6409]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 6409]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1986 [Ruangan 6453]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1986 [Ruangan 6453]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.U., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).

Yang Berhormat Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

„ Menteri Luar Negeri, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Pengangkutan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., D.G.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Pelajaran, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

„ Menteri Penerangan, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).

„ Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).

- Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri Kesihatan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J., S.M.J. (Rengam).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Pertanian, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO MOHAMED KHALIL BIN YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., JP. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN-, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, A.M.K. (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' Oo GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU, B.S.K. (Keningau).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, A.M.P., A.M.K. (Hilir Perak).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, S.M.P., A.M.N. (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' LEE KJM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikei).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN Au How CHEONG, K.M.N., A.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN AWANG BIN JABAR, A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- „ DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ TAN SRI DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, P.M.N. D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAHAROM BIN HAJI BAKAR (Padang Terap).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).

Yang Berhormat DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
,, TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
,, DR CHEN MAN HIN (Seremban).
,, DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).
,, TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
,, DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
,, DATUK EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.N.B.S., P.B.S. (Saratok).
,, DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupa).
,, TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
,, TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
,, TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
,, TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
,, DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.MJ. (Ulu Padas).
,, TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
,, TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
,, DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
,, TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
,, TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
,, TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
,, DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
,, TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
,, TUAN KADOH BIN AGUNDONG (Ulu Padas).
,, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
,, TUAN KAN YAU FA (Tawau).
,, TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
,, TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
,, TUAN MARK KODING (Kinabalu).
,, DR KOH TSU KOON (Tanjong).
,, DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
,, TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).

- Yang Berhormat DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- „ DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).
- „ TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- „ DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.U., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T. (Matang).
- „ DATO HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- „ DATO MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- „ TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ DATO DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ TUAN OMAR BIN ABDULLAH (Tampin),
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).

- Yang Berhormat DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K.,
A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N.,
P.J.K. (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M.
(Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik
Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).
- „ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir
Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).
- „ TUAN YEW Foo WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA HAJJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S.,
K.M.N. (Tanjong Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIANPENYATARASMPARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pemberita-pemberita:

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Rabu, 6hb November, 1985

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

**PENGUMUMAN
 TIMBALAN
 YANG DI-PERTUA**

Cuti Yang Berhormat Patrick Anek Uren—Kebenaran

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Dewan ini iaitu pada menjalankan kuasa-kuasa yang telah diberikan kepada saya mengikut ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini pada 25-4-1961, saya telah membenarkan cuti daripada menghadiri mesyuarat di bawah Perkara 52 Perlembagaan Persekutuan kepada Yang Berhormat Tuan Patrick Anek Uren, Ahli bagi kawasan Mas Gading dari 14hb November, 1985 hingga 6hb Disember, 1985.

**JAWAPAN-JAWAPAN
 MULUT BAGI
 PERTANYAAN-
 PERTANYAAN**

RANCANGAN PARIT BAGAN DATOH

1. Tuan Yahya bin Haji Zakaria minta Menteri Pertanian menerangkan kenapakah Rancangan Parit-Memarit Kawasan Parlimen Bagan Datoh, yang

telah diluluskan di dalam Rancangan Malaysia Keempat, yang dibiayai oleh ADB tidak terlaksana dengan sepenuhnya.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Luhah Wan); Tuan Yang di-Pertua, rancangan saluran Bagan Datoh adalah suatu projek sambungan yang meliputi kawasan yang luas sebanyak 24,500 hektar yang ditanam dengan kelapa serta koko ditanam sebagai tanaman sampingan di sebahagian besar kawasan tersebut.

Jumlah kos projek yang diluluskan bagi Rancangan Malaysia Keempat adalah \$14 juta dan pelaksanaan projek adalah secara berperingkat-peringkat.

Kelewatan lebih kurang 18 bulan telah dialami kerana masalah bantahan dari tuan-tuan tanah semasa proses pengambilan tanah untuk rizab bagi pembinaan semula sistem parit-memarit dan juga kerana masalah peruntukan yang perlu dihadkan memandangkan keadaan ekonomi yang meleset.

Projek ini akan bersambung dalam Rancangan Malaysia Kelima dan skop projek akan diperbesarkan untuk memasukkan kerja-kerja menyelamatkan sebahagian kawasan dan ban pantai dari masalah hakisan yang sedang berlaku akibat pukulan ombak laut. Jumlah kos projek yang baru dianggarkan akan meningkat kepada \$30.5 juta.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya

kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, dalam jawapan beliau sebentar tadi ada menerangkan bahawa projek ini telah lewat selama 18 bulan untuk menjaga kepentingan 24,500 hektar tanah kelapa dan koko. Saya ingin tahu adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa dengan sebab kelewatan tersebut telah memusnahkan anak-anak ataupun benih-benih anak-anak koko yang mendapat subsidi Jabatan Pertanian dalam rangka pemulihan dan tanaman semula di atas tanah tersebut?

Jika sedar, adakah Kementerian Pertanian sementara menunggu projek ADB seterusnya dilaksanakan mendapat kerjasama daripada pihak Jabatan Parit dan Talian (JPT) untuk menyelenggara dan membersihkan dan mengawal parit-parit supaya air hujan tidak bertakung yang menyebabkan kerugian berjuta-juta ringgit di atas projek Kerajaan dalam membantu pekebun kecil?

Tuan Luhah Wan: Tuan Yang di-Pertua, kita akan mengambil perhatian di atas cadangan Ahli Yang Berhormat itu.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat Dr Leo Michael Toyad.

[Soalan No. 2 Yang Berhormat Dr Leo Michael Toyad tidak hadir]

JAMBATAN PULAU PINANG— PEMBELIAN KERAJAAN NEGERI

3. **Tuan Seow Hun Khim** minta Menteri Kerja Raya menyatakan sama ada beliau sedar Kerajaan Negeri Pulau Pinang berniat dan berkemampuan membeli Jambatan Pulau Pinang; jika ya, bilakah Kerajaan Persekutuan akan memindahkan hak jambatan ini kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang; jika tidak, apakah sebab-sebab dan pertimbangan Kerajaan Persekutuan enggan berbuat demikian.

Menteri Kerjaraya (Dato S. Samy Vellu); Tuan Yang di-Pertua, saya memang sedar bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang berniat untuk membeli Jambatan Pulau Pinang dan Kerajaan Persekutuan pun telah bersetuju pada prinsipnya untuk menyerahkan jambatan itu dengan syarat Kerajaan Negeri itu membayar balik jumlah kos jambatan termasuk kos pinjaman yang dianggarkan sebanyak \$1.2 billion.

Persetujuan dengan syarat itu telah pun disampaikan dan terpulanglah kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mempertimbangkannya.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, adakah benar bahawa mengikut kadar toll yang ada ditetapkan dan bila dibandingkan dengan jumlah pinjaman, tambah bunga bahawa pertu lebih daripada 100 tahun, walaupun bukan 120 tahun, barulah pinjaman, tambah bunga boleh habis dibayar balik dan adakah pemindahan beban itu daripada Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang siapakah yang akan untung, adakah Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri Pulau Pinang?

Dato S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, untuk jawapan kepada soalan Ahli Yang Berhormat itu, jawapan yang pertama, apa yang telah dikatakan oleh Ahli yang Berhormat itu benar.

Kita tidaktah boleh kutip apa yang kita belanjakan atas jambatan itu atau untuk membayar balik faedah yang kita bayar kepada agensi-agensi pinjaman.

Yang kedua, pada masa sekarang saya berharap Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang untung sebab mereka tidak bayar semua bayaran telah dibayar oleh Kerajaan Persekutuan tetapi apa yang kita kutip tidaklah

mencukupi untuk memenuhi semua perbelanjaan yang berlaku di dalam pembinaan jambatan itu.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan kepada jawapan sahaja, bukan soalan tambahan yang baru, bahawa pemindahan beban ini yang dibincangkan oleh kedua-dua pihak apabila berlaku siapa yang untung, Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri? Itulah soalan asal saya.

Timbalan Yang di-Pertua: Adakah Yang Berhormat hendak tambah apa-apa?

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, jikalau ini berlaku saya harap Kerajaan Negeri akan untung.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Soalan saya ialah kutipan tol adalah sangat penting walaupun ianya tidak cukup untuk membayar balik tetapi ia menyumbang kepada sebahagian besar untuk membayar faedah kepada pinjaman. Soalan saya ialah keselamatan, bagaimanakah pihak Kerajaan akan mengambil langkah-langkah efektif untuk menjaga keselamatan supaya orang-orang tidak jatuh di bawah jambatan ini, juga untuk mencegah Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam untuk mengugut keselamatan kakitangan dengan sesuka hati?

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua

Timbalan Yang di-Pertua: Saya harapsoalan Yang Berhormat.

Dato' S. Samy Vellu: Soalan itu lain daripada soalan asal.

PERMIT KERJA RAKYAT MALAYSIA DI SINGAPURA

4. Tuan Quah Wee Liam minta Menteri Luar Negeri menyatakan memandag bahawa ramai rakyat

Malaysia bekerja di negeri Singapura, persahabatan Singapura dan negara kita selalunya baik:

- (a) adakah benarnya Kerajaan Singapura sekarang tidak akan membaharui Permit Kerja kepada rakyat Malaysia yang bekerja di Singapura; dan
- (b) jika benar, mengapakah Kerajaan Singapura mengambil tindakan ini terhadap rakyat Malaysia sedangkan Kerajaan Singapura masih menggunakan pekerja-pekerja dari lain-lain negeri.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Singapura telah membuat satu pengumuman pada 29hb Mei, 1985 yang lalu mengenai cadangan untuk menamatkan Skim Permit Kerja Harian, dengan izin, Day Work Permit Scheme. Penamatan skim ini adalah selaras dengan dasar jangka panjang Kerajaan Singapura untuk mengurangkan penggantungannya kepada pekerja-pekerja asing yang tidak mahir menjelang tahun 1991.

Skim Permit Kerja Harian ini dilancarkan dalam bulan Mei, 1978 bertujuan untuk membolehkan pengusaha-pengusaha mengatasi masalah kekurangan tenaga kerja secara sementara. Kebanyakan pekerja-pekerja di bawah skim ini bekerja dengan industri-industri pembuatan di sekitar kawasan Woodlands, Sembawang dan Kranji. Di bawah skim ini, pekerja-pekerja asing dibenarkan tinggal di Singapura selama 48 jam dan mereka dikehendaki keluar dari Singapura sekurangnya selama 8 jam sebelum dibenarkan masuk semula. Adalah dianggarkan kira-kira sejumlah 10,000 ke 12,000 pekerja-pekerja dari Malaysia terlibat di bawah skim ini.

Semenjak bulan Januari 1985, Kementerian Buruh Singapura tidak lagi mengeluarkan permit-permit baru. Bagaimanapun, mereka yang masih mempunyai permit yang sah yang dikeluarkan selama tempoh dua tahun akan terus dibenarkan bekerja sehingga permit mereka tamat. Di samping itu, pelaksanaan dasar ini bukanlah terlalu ketat, sebaliknya pembaharuan permit akan terus diberikan secara selektif selagi ada keperluan untuk tenaga pekerja-pekerja asing.

Bagaimanapun, Kerajaan Singapura memberi jaminan bahawa tempoh pelaksanaan menjelang tahun 1991 telah mengambil kira masalah sosial yang akan diadapt oleh Malaysia akibat kepulangan beramai-ramai pekerja-pekerja tersebut ke Malaysia. Jaminan ini telah diberikan oleh Encik S. Rajaratnam, Timbalan Perdana Menteri Kedua Singapura ketika itu, semasa lawatan beliau ke Malaysia pada bulan November, 1984.

PENAGIH DADAH DALAM ANGKATAN TENTERA

5. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Pertahanan menyatakan betapa seriuskah masalah penagihan dadah dalam Angkatan Tentera dan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk memperbaiki keadaan tersebut.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha): Tuan Yang di-Pertua, masalah penagihan dadah di dalam Angkatan Tentera tidaklah serius seperti yang difikirkan. Bilangan kes-kes dadah yang telah dikesan atau ditangkap di kalangan anggota-anggota tentera semenjak tahun 1980 sehingga September 1985 adalah seramai 1,380 orang.

Walaupun gejala penyalahgunaan dadah masih tidak menggugat keutuhan Angkatan Tentera namun Kementerian Pertahanan sentiasa

mempertingkatkan langkah-langkah pencegahan seperti menambahkan aktiviti-aktiviti seperti ceramah-ceramah anti-dadah diikuti dengan kursus-kursus pendek anti-dadah. Langkah-langkah lain seperti mengadakan pemeriksaan air kencing secara mengejut di pasukan-pasukan dan pemeriksaan rapi semasa mengrekrut serta sepanjang masa latihan asas dijalankan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat, bagi tiap-tiap penagih yang dikesan, ada berapa lagi yang tidak dikesan? Yang kedua, kalau tidak begitu serius, mengapa pihak Kementerian mengadakan Pusat Pemulihan yang besar untuk memulihkan penagih-penagih ini dan Pusat ini adakah ala Pusat Serenti di Tampin?

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tuan Yang di-Pertua, kalau dibandingkan dengan penagih-penagih dadah peringkat nasional, saya beri statistik:

Tahun	Penningkat Nasional	Angkatan Tentera	Peratus
1982 ..	77,686	436	0.6%
1983 .	92,310	683	0.7%
1984 ..	104,225	1,260	1.2%

Untuk menjawab soalan kedua, sebenarnya Pusat Tahanan Sementara Anti-Dadah di Batu Cantonment yang memulakan operasi bulan Ogos ini ialah bukan untuk mengduplikasikan Pusat-pusat Penagih atau Pusat Serenti seperti yang dijalankan oleh pihak PEMADAM. Di sini kita hanya hendak memisahkan penagih dadah daripada pesalah-pesalah berkenaan dengan undang-undang tentera. Kita berharap dengan adanya rawatan diberi di Pusat ini, mereka kelak dapat dihantar ke Pusat-pusat Serenti biasa.

Wan Ibrahim bin Wan Abdullah: Soalan tambahan, daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri

tadi ada menyebutkan bahawa lebih daripada 1,000 anggota tentera yang telah terlibat dengan penagihan dadah. Saya percaya angka 1,000 orang ini kalau dilihat pada keadaan orang ramai, ia belumlah begitu serius tetapi yang terjadi dalam Angkatan Tentera yang menjaga keselamatan dalam negara ini, saya kita ia adalah satu hal yang amat serius. Jadi saya ingin mendapat penjelasan bagaimanakah perkiraan pihak Kementerian Pertahanan yang menyebabkan Kementerian Pertahanan menganggap ini bukan satu hal yang serius?

Soalan yang kedua, adakah di antara Angkatan Tentera kita yang menjadi pengedar selain daripada menjadi penagih dadah?

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan kedua dahulu, setakat ini kita tidak mempunyai bukti yang penagih-penagih dadah dalam Angkatan Tentera menjadi pengedar, tidak ada bilangan yang dapat disahkan mereka menjadi pengedar dadah.

Untuk menjawab soalan pertama, kita berasa bahawa dari segi bilangan yang menjadi penagih dadah jika dibandingkan dengan bilangan anggota Angkatan Tentera seluruhnya, maka ini satu peratus yang kecil. Walaupun demikian, kita tidak mahu bahawa perkara ini merebak, berjangkit kepada mereka yang masih lagi tidak menjadi penagih dadah atau penyalahgunaan dadah dalam Angkatan Tentera.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Penagih-penagih dadah terdiri daripada askar-askar kita yang dapat dikesan, adakah dibuang mereka, dipecat daripada menjadi askar ataupun diterima lagi. Maknanya diubut, dipulih kemudian diterima lagi. Dan apabila dicitrma bagaimana perkhidmatan mereka? Adakah

perkhidmatan mereka itu nampak kurang daripada sebelum mereka menjadi penagih ataupun tidak kurang?

Kedua, tentera ada mempunyai undang-undang sendiri. Adakah dikenakan undang-undang kepada penagih-penagih dadah yang terdiri daripada askar-askar. Adakah dikenakan hukuman sebagaimana hukuman yang ada di mahkamah-mahkamah lain ataupun khas di Mahkamah Tentera?

Dato Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Pada dua tiga tahun yang dahulu selalunya jikalau kita mendapati penagih dadah dalam Angkatan Tentera, anggota tersebut, mengikut peraturan Majlis Angkatan Tentera, dibuang kerja. Tetapi sekarang dengan adanya Pusat Tahanan Sementara Anti Dadah di Batu Cantonment, kita dengan scdaya upaya memberi rawatan kepada penagih-penagih dadah dan selepas rawatan itu kita serahkan mereka kepada pihak PEMADAM sebelum mereka dibuang kerja.

Peringkat kedua soalnya?

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Kedua, hukuman yang dikenakan kepada yang terlibat dengan dadah, adakah undang-undang itu dikenakan sama ataupun di dalam Undang-undang Militari?

Timbalan Yang di-Pertua: Adakah Undang-undang Tentera yang berasingan berkenaan dengan perkara bersabit dengan penyalahgunaan dadah.

Dato Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya mengikut Undang-undang Tentera, mereka terpaksa dibuang kerja. Tetapi sebelum kita mengambil tindakan tersebut kita memberi laporan kepada

pihak polis dan polis akan membuat seperti kes-kes biasa di bawah Undang-undang sivil.

Tuan Hassan bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, daripada jumlah 1,000 orang lebih tentera kita yang menjadi penagih dadah itu, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri daripada kalangan manakah yang menjadi penagih dadah itu daripada tentera kita, yang bujang ataupun yang sudah kahwin?

Kedua, adakah juga di antara penagih dadah ini terdiri daripada pegawai-pegawai tentera yang berpangkat?

Dato Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mempunyai statistik yang menunjukkan bahawa penagih-penagih dadah ini bujang atau kahwin. Saya telah difahamkan kebanyakan mereka bujang dan ada juga yang berkahwin yang terlibat menjadi penagih dadah di dalam Angkatan Tentera.

Bilangan pegawai tidak banyak hanya tiga empat orang yang didapati di dalam Angkatan Tentera, iaitu yang dapat dikesan.

DEFINISI PROJEK MEWAH

6. **Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) banyak di antara Rakyat Malaysia yang masih keliru apakah takrit yang sebenar ertikata pengenalan yang dikatakan PROJEK MEWAH, projek yang seperti manakah yang dinamakan projek mewah dan seperti manakah pula yang boleh dinamakan projek tidak mewah, adakah projek mewah yang dimaksudkan ertinya memandangkan kepada satu-satu projek yang memakan belanja besar, atau bagaimana; dan

- (b) kenapakah sering berlaku projek Kerajaan yang dijalankan pembinaan didapati lambat dan payah untuk mendapat pembayaran yang ianya sepatutnya disegerakan, dengan kelambatan yang tersebut membawakan pemborong yang berkenaan menjadi rugi kerana pusingannya terbantut dan apakah pandangan Kerajaan dalam perkara ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Mohamed Khalil bin Yaakob): Tuan Yang di-Pertua, bagi soalan (a), sehingga masa ini Kerajaan tidak mempunyai definisi teknikal bagi projek-projek mewah dan membazir. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua projek-projek pembangunan yang telah dikenalpasti dan diluluskan oleh Kerajaan adalah projek-projek yang dianggap perlu dan penting bagi kehidupan rakyat dan negara.

- (b) Kerajaan memang sedar bahawa kadang kala terdapat kelewatan di kalangan agensi-agensi Kerajaan di dalam membuat pembayaran kemajuan kepada kontraktor. Lazimnya kelewatan ini adalah disebabkan oleh proses untuk mengesahkan bahawa kerja-kerja telah disiapkan oleh kontraktor mengikut apa yang telah ditetapkan di dalam kontrak. Dokumen-dokumen tuntutan yang tidak lengkap atau tuntutan yang salah dari kontraktor juga akan melewati proses pembayaran ini.

Walau bagaimanapun untuk membantu kontraktor-kontraktor dalam hal ini Kerajaan telah menetapkan supaya pendahuluan sebanyak 70% daripada sesuatu tuntutan itu diberi kepada kontraktor sementara menunggu tuntutan

kemajuannya diproses. Tempoh selama sebulan telah juga ditetapkan untuk memproses tuntutan-tuntutan ini.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri berkata bahawa tiada satu projek bangunan yang diluluskan oleh Kerajaan jatuh di bawah istilah projek mewah. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa jawapan ini bercanggah dengan apa yang Yang Amat Berhormat Timbalan Menteri berkata di New York di mana di dalam satu ucapan beliau ada mengaku bahawa selepas pemerintahan 2M, pada awal-awalnya ada projek-projek yang mewah dan sekarang perlulah satu sikap yang baru, satu pendekatan yang baru.

Kedua, adakah Dayabumi dianggap sebagai satu projek mewah yang sebenarnya tidak perlu belanja yang begitu banyak?

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan saya tadi saya mengatakan kita tidak mempunyai definisi teknikal. Jadi panggilan-panggilan sama ada satu projek itu mewah atau tidak ini merupakan, dengan izin, description kepada satu-satu projek.

Keduanya, sama ada projek Dayabumi itu dianggap sebagai projek mewah, dari segi perkiraan Kerajaan, projek Dayabumi ini tidak dianggap projek mewah oleh kerana kalau dibandingkan dengan keuntungan daripada pengalaman dan teknologi pembinaan yang didapati oleh pihak Kerajaan dan juga pihak swasta melalui pembinaan projek ini, maka lebih keuntungan daripada kerugian. Dengan itu adalah tidak benar sekiranya projek Dayabumi ini dianggapkan sebagai projek mewah.

Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, mengikut kata Yang Berhormat

Menteri, Kerajaan tidak menetapkan satu definisi teknikal berkenaan dengan projek mewah. Tetapi tidakkah benar bahawa dalam keadaan ekonomi meleset yang dihadapi oleh negara sekarang, Kerajaan tidak menggalakkan malah tidak mahu projek-projek mewah dilaksanakan terutamanya oleh Kementerian-kementerian, jabatan-jabatan dan juga agensi-agensi Kerajaan? Yang saya hendak tahu, adakah tidak dalam keadaan sekarang ini Kerajaan mengambil sesuatu langkah untuk mengesan rancangan-rancangan yang akan dijalankan oleh jabatan-jabatan terutamanya agensi-agensi Kerajaan dan juga Kerajaan-kerajaan Negeri berhubung dengan projek-projek mewah ini?

Saya juga hendak bertanya berhubung dengan itu, oleh kerana saya mendapat tahu ada projek-projek yang ditangguhkan kerana keadaan kemelisisitan ekonomi, adakah tidak setengah-setengah projek yang ditangguhkan ini ada hubungannya dengan apa yang dikatakan dianggap sebagai projek mewah?

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, memang Kerajaan mengesan tiap-tiap perancangan mana-mana projek. Bahkan dalam menimbangkan program dan projek-projek pembangunan yang hendak dilaksanakan itu Kerajaan sentiasa berhati-hati dan mengkaji dengan teliti kesesuaian projek-projek tersebut. Keutamaan diberi kepada program dan projek yang memberi sumbangan kepada pertumbuhan ekonomi, pencapaian objektif-objektif Dasar Ekonomi Baru serta memberi manfaat kepada rakyat jelata sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Dari segi jawapan yang kedua, sama ada kita menangguhkan sesuatu projek, ini kita membuat perkiraan sama ada projek itu perlu diberi

priority. Dan priority ini diasaskan kepada kemampuan kewangan yang ada.

Jadi, dalam hal ini setelah kita meneliti memang terdapat projek-projek yang ditangguhkan oleh sebab mungkin sesuatu projek itu kita tidak dapat membuat peruntukkan dalam masa sekarang dan juga projek itu mungkin memberi kepentingan secara jangka panjang sahaja.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan tadi, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri sebutkan beberapa sebab yang mengakibatkan kelewatan dalam bayaran kepada tuntutan kontraktor di dalam pelaksanaan projek Kerajaan. Dan, Tuan Yang di-Pertua, dalam Laporan PAC yang baru-baru ini dibentangkan kita diberitahu ada 37 sebab-sebab yang menyebabkan kelewatan bayaran itu.

Soalan saya ialah sama ada kemungkinan wujud bahawa punca yang penting dalam kelewatan ini ialah kemungkinan rasuah, dan apakah langkah yang akan diambil oleh pihak Kerajaan supaya mempercepatkan proses untuk memproses tuntutan kontraktor supaya setiap kes kelewatan dalam pembayaran itu harus dianggap sebagai kes rasuah yang mungkin.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, dalam kajian kita tidak langsung ada menimbulkan sebab wujudnya kelewatan ini oleh kerana rasuah. Saya telah menceritakan tadi sebab sebenarnya kenapa projek-projek ini dibayar lewat. Dan untuk mempercepatkan tuntutan itu tidak semestinya kita memutuskan perkara-perkara yang melibatkan rasuah, kalau rasuah tidak jadi langsung sebagai satu faktor mengenai kelewatan.

AKTA PENYELARASAN PERINDUSTRIAN—SEMAKAN

7. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada Kementeriannya sedang menyemak semula Akta Penyelarasan Perindustrian dan Akta Galakan Pelaburan dengan pandangan untuk membuat perubahan yang perlu supaya selaras dengan keperluan untuk menggalak pelaburan dan pertumbuhan ekonomi negara. Apakah kemajuan yang telah dibuat setakat ini dalam kajian semula itu.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Tuan Yang di-Pertua, cadangan untuk meminda Akta Galakan Pelaburan 1968 telah pun diumumkan oleh Menteri Kewangan semasa membentangkan Belanjawan 1986 di Dewan ini pada 25hb Oktober yang lepas.

Cadangan untuk meminda Akta Penyelarasan Perindustrian 1975 sedang disemak oleh Kementerian saya dan ini berdasarkan kepada pandangan-pandangan serta nasihat-nasihat yang telah kami terima daripada badan-badan swasta termasuk Dewan Perniagaan dan juga Persatuan Pekilang-pekilang Malaysia dan juga selepas menerima nasihat daripada Majlis Penasihat Perindustrian.

Saya rasa apabila semakan itu siap nanti ianya akan dapat dilaksanakan seberapa awal yang boleh.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, dapatkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan membayangkan di sini tentang rangka pindaan kepada Akta ICA ini. Dan yang kedua ialah sama ada pihak Kementerian yang berkenaan ada menimbang tentang paras pengecualian \$250,000 sebagai modal

untuk syarikat-syarikat pembuatan akan dinaikkan kesuatu paras yang lebih realistik.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, segalagalanya sedang diberi pertimbangan supaya dapat melegakan sedikit hati para pembuat di dalam negara ini. Saya berharap Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar bersabarlah sedikit.

Tuan Hassan bin Haji Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Mulia Menteri tentang kejayaan yang telah dicapai oleh pihak Kementerian Perdagangan khususnya untuk menarik pelabur-pelabur terutama pelabur-pelabur asing ke dalam negara kita dan kita Malaysia banyak menghantar misi-misi perdagangan ke luar negeri. Secara kasar sejauh ini berapa banyak kejayaan-kejayaan yang telah dicapai oleh pihak Malaysia dalam mendapatkan pelabur-pelabur asing menanam modalnya ke dalam negara kita.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Rantau Panjang itu berlainan daripada tajuk asal yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar. Walau bagaimanapun saya suka menjelaskan di sini bahawa pertumbuhan ekonomi sebagaimana yang dapat kita lihat dan rasai sehingga sekarang ini membayangkan bahawa pelaburan dari luar negeri telah pun dapat menyumbang terhadap pembangunan ini. Dan nyata sekali bahawa dengan kemasukan pelaburan dengan begitu banyak hasil daripada penghantaran misi-misi perdagangan dan pelaburan ke luar negeri telah dapat memberi banyak faedah kepada kita sekalian.

BUKU RUJUKAN BAHASA MALAYSIA

8. Dato Jamaluddin bin Haji Suhaimi minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah tindakan yang sedang dilakukan bagi mengatasi kekurangan buku-buku rujukan Bahasa Malaysia, di Universiti-universitiknya.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Dr Ling Liong Sik): Tuan Yang di-Pertua, untuk mengatasi kekurangan buku-buku rujukan Bahasa Malaysia di universiti-universiti kita, Dewan Bahasa dan Pustaka telah mengambil langkah-langkah yang berikut:

- (i) meningkatkan pengetahuan dan kepakaran editor-editor dengan mendedahkan mereka kepada kursus-kursus jangka pendek dan jangka panjang di dalam dan di luar negeri;
- (ii) membimbing tenaga luar, iaitu pensyarah universiti, pensyarah maktab dan guru dalam bidang penulisan, penterjemahan dan penilaian buku pengajian tinggi.

Usaha Dewan Bahasa dan Pustaka ini beransur-ansur mendatangkan hasil untuk membantu memperbanyakkan lagi buku-buku rujukan dalam Bahasa Malaysia.

Dalam usaha untuk memperbanyakkan lagi penerbitan buku-buku pengajian tinggi, Dewan Bahasa dan Pustaka adalah dibantu oleh Jawatankuasa Penerbitan Pengajian Tinggi yang terdiri daripada penerbit-penerbit universiti tempatan dan institusi pengajian tinggi dan beberapa buah penerbit swasta bagi menerbitkan buku-buku berkenaan. Gabungan semua tenaga penerbit ini dianggar dapat menerbitkan 50 hingga 100 tajuk setahun.

Wan Ibrahim bin Wan Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meminta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita

tahu sejak tahun 1983 pihak Kerajaan telah menetapkan Bahasa Malaysia adalah dijadikan bahasa pengantar utama di pusat-pusat pengajian tinggi kita di Malaysia. Saya ingin minta penjelasan sehingga ini sebanyak manakah atau berapa peratuskah buku-buku yang dipergunakan oleh pusat-pusat pengajian tinggi di Malaysia ini yang menggunakan Bahasa Malaysia.

Timbalan Yang di-Pertua: Itu terkeluar sedikit daripada soalan asal dan ada kemungkinan Yang Berhormat tidak mempunyai butir-butir berkenaan.

Dato' Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, saya minta notis.

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bahawa ejaan Bahasa Malaysia dengan ejaan bahasa Indonesia telah hampir sama. Adakah Kerajaan bercadang ataupun telah membuat melaksanakan buku-buku Indonesia itu dipakai oleh universiti-universiti atau pusat-pusat pengajian tinggi di negara kita ini.

Dato' Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, saluran ini untuk mendapat buku-buku di dalam Bahasa Malaysia telah disemak beberapa tahun dahulu tetapi berkenaan perkara ini, kita sedang menghadapi beberapa masalah iaitu kebanyakan buku-buku di pusat pengajian tinggi, Bahasa Indonesia masih lagi menggunakan istilah-istilah yang tidak dipersetujui, dan bahasa-bahasa biasa juga susah difahami oleh pelajar-pelajar kita seperti perkataan "bisa" adalah mengerti "boleh". Apabila orang Indonesia berkata, "saya bisa berbuat kerja itu" Dia bermakna, "saya boleh membuat kerja itu". Apabila dia bercakap Bahasa Malaysia sama ada ucapan atau berbual, tetapi bahasa Indonesia ia

bererti gaya, oleh kerana itu susahlah kita menerima semua buku-buku bahasa Indonesia.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menerangkan setelah beberapa usaha dibuat menerusi Dewan Bahasa dan Pustaka dan pihak-pihak yang lain dianggarkan dapat menghasilkan di antara 50 sehingga 100 tajuk setahun.

Saya ingin tahu tajuk yang sebanyak itu, sebanyak manakah pula dapat menampung keperluan buku pelajar-pelajar di Pusat-pusat Pengajian Tinggi?

Yang kedua, selain daripada usaha-usaha yang ada, adakah Kerajaan bercadang untuk membentuk sebuah Jawatankuasa Penterjemah buku-buku yang bermutu tinggi dari berbagai-bagai bahasa yang dianggotai oleh ahli-ahli bijak pandai supaya dapat menampung keperluan yang kian mendesak.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan pertama, berapa banyak buku rujukan untuk menampung pengetahuan yang dicari, saya rasa mustahak hendak jawab soalan itu Yang Berhormat.

Dato Dr Ling Liong Sik: Saya juga bersetuju itu mustahil, (*Ketawa*)

Soalan yang kedua

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: 50 atau 100 tajuk itu berapa peratus keperluan dapat dipenuhi sama ada 10%, 20% mana mustahil? (*Ketawa*)

Dato Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, ilmu pengetahuan atau bidang pengetahuan di dalam dunia ini sedang membangun dengan pesat dan tiap-tiap hari pun ada buku-buku baru yang diterbitkan di seluruh dunia dan saya bersetuju adalah mustahil.

SAHAM DALAM SYARIKAT HARTA TANAH

9. Tuan Ng Cheng Kuai minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) apakah beliau sedar bahawa secara tidak langsung cukai sebanyak 10% ke atas pemindahan saham-saham bagi syarikat-syarikat yang ditafsirkan berharta tanah (land-based) telah menjejaskan suasana pasaran perniagaan; dan
- (b) apakah cukai ini akan dimansuhkan. Jika tidak, apakah tindakan-tindakan yang akan diambil untuk mengurangkan kesan-kesan buruknya terhadap suasana pasaran perniagaan.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato Dr Tan Tiong Hong); Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab kedua-dua soalan ini secara ringkas, saya suka memaklumkan bahawa dalam Belanjawan 1986, Menteri Kewangan telah mengemukakan beberapa pindaan ke atas Akta ini untuk menentukan supaya cukai ini dilaksanakan dengan cara yang tidak menghalang pemindahan syer-syer dalam syarikat-syarikat yang ditafsirkan berharta tanah. Tetapi Kerajaan tidak akan menghapuskan cukai ini kerana ianya perlu bukan sahaja sebagai sumber hasil tetapi juga untuk mengelakkan pelarian cukai di bawah Cukai Keuntungan Harta Tanah.

Tuan Ng Cheng Kuai: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan terdapatnya kekeliruan di kalangan usahawan mengenai cara penaksiran cukai pemindahan syer, adakah pihak Kementerian Kewangan akan menetapkan cara pencukaian berasaskan kepada keuntungan

dengan izin, profit dari pemindahan syer dan bukan berasaskan gross valuenya?

Soalan yang kedua, adakah jumlah yang dipungut oleh Kerajaan semenjak wujudnya cukai pemindahan syer berbanding dengan anggaran hasil Kerajaan darinya?

Dato Dr Tan Tiong Hong: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat tadi pun telah dimaklumkan Akta Cukai (Pindaan) syer ini, apabila dikemukakan di sidang Belanjawan 1985 ini adalah setengah-setengahnya daripada sungutan ini adalah berasas dan oleh sebab itu beberapa pindaan ke atas cukai ini pun telah dibuat dan dengan pindaan-pindaan ini dapatlah Akta ini dilaksanakan dengan adil dan untuk pengetahuan Yang Berhormat pindaan-pindaan ini jika sesuatu syarikat mengeluarkan syer baru, tetapi bukan untuk menjual tanah, pengeluaran syer baru ini tidak dikenakan cukai.

Untuk hotel-hotel yang mempunyai tanah kemudahan rekreasi, tompangan tentulah juga tidak dianggap sebagai mempunyai tanah berlebihan.

Pada syarikat yang mempunyai tanah di kawasan perindustrian juga tidak dianggap syarikat tanah dan juga syarikat-syarikat yang tidak mempunyai tanah yang lebih daripada 20% syer mengandungi dalam syarikat itu tidaklah juga perlu membayar cukai ke atas pindaan Akta ini.

Berkenaan hasil yang dikutip sampai hari ini, saya perlukan notis.

KES JENAYAH BAGI PENDATANG INDONESIA

10. Tuan Mamat Ghazalee bin Abd. Rahman minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapa kes-kes jenayah yang melibatkan pendatang-pendatang

haram Indonesia. Adakah terbukti penglibatan mereka dalam kejadian-kejadian dan sendiket-sendiket kecurian yang sedang merebak dan berleluasa yang menjadi ketakutan rakyat di Terengganu sekarang.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan kes jenayah yang dilakukan ataupun disyaki dilakukan oleh pendatang-pendatang haram Indonesia di negeri Terengganu adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Jenayah</i>
1983	: 3 kes (pecah rumah dan curi).
1984	: 2 kes (samun tanpa bersenjata) dan 4 kes (pecah rumah dan curi malam hari).
1985	: 3 kes (pecah rumah dan curi (sehingga malam hari). bulan Jun

Kebanyakan jenayah yang dilakukan oleh pendatang haram Indonesia tidak dilakukan secara sendiket, tetapi oleh kumpulan-kumpulan kecil yang mengandungi 2 hingga 4 orang dan bergerak secara bersendirian.

Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, stastik memang mengelirukan. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, maksud saya dalam soal ini bukan berapa yang ditangkap di Terengganu, tetapi

Timbalan Yang di-Pertua: Barangkali soalnya tidak jelas.

Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman: Yang saya kehendaki itu angka bagi negara. Ini yang pertama; dan

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan apa yang dikatakan sebagai sendiket kecurian berlaku di Terengganu baru-baru ini yang

dikatakan membabitkan pendatang-pendatang haram daripada Indonesia. Yang saya hendak tahu itu adakah orang-orang Indonesia itu terbabit, bukan saya katakan sama ada secara sendiket ataupun tidak, sama ada orang Indonesia itu terbabit, oleh kerana rakyat di sana gemar mengatakan terdapat kegiatan di kalangan orang-orang yang datang secara haram daripada Indonesia ini menjalankan gerakan mencuri di seluruh daerah Kuala Terengganu.

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah saya menjawab tadi, mengikut angka yang dalam simpanan Polis tidak terdapat kes-kes yang dilakukan oleh pendatang-pendatang haram Indonesia di Terengganu yang boleh membimbangkan. Jadi, saya berharap pihak Ahli Yang Berhormat sendiri akan meredakan keadaan ini dengan menceritakan bahawa tidak perlu dikhuatiri kerana pihak Polis mengawal keadaan ini.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mengemukakan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri suatu kebimbangan yang di

Timbalan Yang di-Pertua: Kemuka kebimbangan, tak boleh Yang Berhormat. Kemuka soalan, boleh!

Tuan Alias bin Md. Ali: Tidak, berbangkit daripada kegiatan yang dikatakan dibuat oleh pendatang-pendatang haram. Orang-orang di kawasan Kuala Terengganu dan sekitarnya, termasuk juga kawasan saya, heboh mengatakan pendatang-pendatang haram dari Indonesia ini menggunakan ilmu-ilmu ghaib, sedang mereka melakukan kegiatan mencuri, mereka boleh menjelma menjadi kucing dan menjadi lembu sehingga ada cerita yang mengatakan kucing telah dibunuh, diburu waktu malam dan ada lembu yang telah dibunuh oleh orang kampung beramai-ramai pada

ketika hendak menangkap pencuri-pencuri. Sama ada Kementerian Yang Berhormat sedar bahawa kebimbangan ini telah menyebabkan orang-orang kampung sekarang ini berjaga malam mengambil giliran mengawal kampung masing-masing dan ini merupakan satu masalah yang amat berat. Kalau beliau sedar, apakah tindakan yang diambil oleh pihak Kementerian, yang pertama untuk menghapuskan sangkaan orang ramai bahawa penjelmaan menjadi kucing dan menjadi lembu itu adalah satu perkara yang karut. Yang keduanya, apakah jaminan pihak Kementerian, khususnya Polis bahawa keselamatan di dalam kampung-kampung adakah terkawal dan sebenarnya orang kampung tak perlu berjaga malam membuat giliran untuk mengawal kampung masing-masing.

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, memanglah sebenarnya keadaan keselamatan di negeri Terengganu, bahkan di seluruh negara terkawal. Saya meminta Ahli Yang Berhormat juga merayu kepada mereka supaya jangan berasa takut kerana pihak Polis dan juga lam-lain Pasukan Keselamatan mengawal keadaan keselamatan di negara kita.

Tentang perkara yang karut yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, saya akan arahkan pihak Polis dengan kerjasama Jabatan Haiwan untuk menyasat perkara itu (*Ketawa*).

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri ada kata bahawa keadaan keselamatan terkawal bukan sahaja di Terengganu tetapi di seluruh negara dan beliau ada menyuruh rakyat jangan bimbang. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa kata-kata sahaja tidak ada apa-apa erti dan berguna kepada rakyat yang mereka atau jiran-jiran mereka menjadi mangsa kegiatan jenayah

pendatang-pendatang haram dan hakikat di mana bukan sahaja di Terengganu, tetapi di banyak negeri, khususnya di Johor di mana rakyat terpaksa mengadakan "vigilante corps" atau berjaga giliran malam, menunjukkan bahawa rakyat sudah hilang kepercayaan kepada kebolehan Polis untuk menjaga keselamatan, Bolehkah Kementerian yang berkenaan, khususnya dalam perkara ini mengadakan satu sikap yang baru oleh kerana ini satu perkara yang sangat serius, khususnya di mana bukan sahaja di Johor, sekarang kita dengar di Terengganu dan lain-lain negeri rakyat perlu terpaksa mengadakan "vigilante corps" untuk kawal dengan sendiri keselamatan.

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, memanglah tidak dinafikan bahawa kejadian jenayah berlaku di negara kita, bahkan berlaku di semua negara di seluruh dunia, tetapi kita tidak harus berasa takut-takut scolah-olah macam jenayah ini berlaku di tiap-tiap jalan raya dan tiap-tiap kampung di seluruh negara. Kita mempunyai pegawai-pegawai keselamatan terdiri daripada anggota Pasukan Polis, Rela dan lain-lain lagi. Dengan tertubuhnya pasukan sukarela yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, Kerajaan mengucapkan syabas dan memohon kerjasama daripada pihak orang ramai supaya menubuhkan lebih banyak lagi pasukan-pasukan yang sedemikian rupa untuk menjaga keselamatan kita. Memang walaupun negara kita aman, sentosa selalu, kita harus berjaga-jaga. Saya bukanlah bercakap sahaja, saya tahu dan berasa yakin bahawa Pasukan Keselamatan kita menjalankan tugas dengan cemerlang sekali.

PARTI POLITIK YANG MENGAMALKAN PERKAUMAN

11. Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad minta Perdana Menteri menyatakan adakah beliau sedar

bahawa akhir-akhir ini terdapat parti-parti yang mengamalkan perkauman; seperti parti pembangkang yang menggunakan isu kaum dan mencari perkara-perkara sensstif untuk membakar semangat perkauman mereka, demi untuk mencapai kepentingan diri dan matlamat parti mereka agar api yang mereka mainkan itu tidak akan membakar diri mereka dan negara seluruhnya.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob:

Tuan Yang di-Pertua, perbuatan parti-parti politik yang isu perkauman atau yang mengamalkan tindakan yang berupa perkauman, untuk mendapatkan sokongan pengundi-pengundi atau untuk menutup kelemahan-kelemahan yang wujud dalam parti itu sendiri, bukanlah satu perkara baru. Perbuatan-perbuatan ini bukan sahaja tidak bertanggungjawab, tetapi boleh menghakis usaha-usaha Kerajaan ke arah pembentukan sebuah masyarakat dan negara yang bersatupadu.

Di sini ingin saya tegaskan bahawa pihak-pihak yang melakukan perbuatan-perbuatan seumpama ini, yang kononnya berlandaskan amalan-amalan kebebasan berpolitik dalam negara demokrasi berparlimen, telah lupa atau sengaja tidak mahu mengakui hakikat bahawa perbuatan-perbuatan mereka itu pada akhirnya akan menghancurkan kebebasan politik dan demokrasi itu sendiri. Perbuatan-perbuatan seumpama ini adalah negatif dan jahat dan tidak ada sebab mengapa rakyat yang taat-setia kepada negara ini melakukannya. Kerajaan tetap bertegas dalam menghadapi perkembangan-perkembangan seumpama ini dan akan terus mengawasinya.

Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri adakah beliau sedar bahawa Deklarasi

Persatuan Cina 1985 ini merupakan deklarasi yang retak menanti belah kepada perpaduan negara dan boleh menebalkan lagi perasaan perkauman kerana orang Melayu tidak akan buta dengan desakan-desakan yang melampau dan juga permintaan-permintaan yang melebihi juga, sebagaimana apa yang dimonopoli oleh mereka sekarang ini.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob:

Tuan Yang di-Pertua, saya memang sedar adanya beberapa tafsiran yang dibuat mengenai deklarasi yang disebutkan tadi.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria:

Tuan Yang di-Pertua, saya suka bertanya kepada Yang Berhormat Menteri walaupun dalam jawapannya tadi mengatakan perkara yang dibuat oleh pemimpin-pemimpin parti Pembangkang ini sudah lama, tetapi adakah beliau sedar bahawa dua perkara yang ditimbulkan oleh parti Pembangkang ini adalah melanggar Perlembagaan negara. Yang pertama, ada pemimpin parti Pembangkang hendak menghilangkan atau menghapuskan hak-hak istimewa orang Melayu yang tercatat di dalam Perlembagaan Negara. Satu lagi, parti Pembangkang cuba untuk menghapuskan perkataan "bumiputera" di dalam Perlembagaan Negara kita. Jadi, kedua-dua perkara ini boleh membangkitkan semangat peperangan di antara orang Melayu dan orang yang bukan bumiputera. Kejadian ini telah berlaku pada 13 Mei. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar jika tidak diambil tindakan undang-undang, maka negara ini akan hancur, maka tentera akan memerintah negara Malaysia yang demokrasi.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob:

Tuan Yang di-Pertua, kita sedar akan implikasi-implikasi yang mungkin timbul dan dengan itu Kerajaan

sentiasa mengesan segala perkembangan yang mungkin timbul akibat

Timbalan Yang di-Pertua: Saya minta Yang Berhormat jangan jawab bahagian terakhir soalan tadi. Silakan, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa mereka yang sebenarnya, dengan izin, "culprit" besar mengamalkan politik perkauman ialah parti-parti politik dalam Barisan Nasional dan ahli-ahli politik dalam Barisan Nasional, khususnya semacam Yang Berhormat dari Pasir Puteh. Apa tindakan Yang Berhormat Menteri akan ambil supaya amalan ini diberhentikan?

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, soalan asal ini dibuat secara umum dan siapa yang makan cili, dialah yang merasa pedas (*Ketawa*).

HUTANG LAPUK PADA LLN

12. Tuan Wan Ibrahim bin Wan Abdullah minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan berapa jumlah hutang lapuk yang ditanggung oleh tiap-tiap Kementerian pada LLN hingga 31-12-1984.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Haji Abdul Rahim bin Abu Bakar): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah hutang yang ditanggung oleh tiap-tiap Kementerian termasuk agensi-agensi Kerajaan dengan pihak LLN sehingga 31hb Disember, 1984 ialah sebanyak \$42,053,833.45. Jumlah ini ialah merupakan tunggakan hutang-hutang semenjak dari tahun 1972 lagi.

Saya minta maaf kepada Ahli Yang Berhormat yang bertanya kerana untuk menyenaraikan tiap-tiap Kementerian agak terlalu panjang, ada

17 Kementerian yang terhutang, 40 jabatan Kerajaan dan 37 badan berkanun kesemuanya berjumlah \$42 juta yang saya sebutkan tadi.

Timbalan Yang di-Pertua: Kalau begitu simpan dahululah.

Tuan Yew Foo Weng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Timbalan Menteri berkenaan, apa tindakan yang dijalankan oleh pihak Kementerian untuk mendapat balik hutang yang begitu besar dari Kementerian yang disebutkan tadi?

Tuan Haji Abdul Rahim bin Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, sementara waktu itu kita telah pun mengambil daya usaha untuk mengatasi masalah ini yang diusahakan oleh Kementerian dan LLN ini dengan dua langkah iaitu pertama membawa perkara ini keperhatian mesyuarat perhubungan antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan serta juga mesyuarat Ketua-ketua Setiausaha.

Kedua, satu unit khas telah pun ditubuhkan di Perbendaharaan untuk membantu LLN mengutip hutang berkenaan. Sekarang ini unit khas tersebut telah pun berpindah ke MAMPU, Jabatan Perdana Menteri bagi membolehkan unit ini berfungsi dengan lebih berkesan lagi.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi menyatakan bahawa \$42.5 juta merupakan hutang tunggakan yang tidak dapat dibayar. Ini adalah satu jumlah yang agak besar. Ingin saya bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri daripada jumlah ini berapa peratus atau berapa jumlahnya, kalau ada angkanya, yang melebihi masa lima tahun yang sudah dianggap hutang lapuk dan daripada jumlah ini berapa pula yang boleh dianggap yang patut di "write off" atau dibatalkan?

Soalan kedua adakah selain daripada tindakan-tindakan melalui cara pentadbiran yang dihuraikan oleh Yang Berhormat tadi, adakah pihak LLN bercadang untuk mengambil tindakan undang-undang termasuk membawa jabatan-jabatan Kerajaan ini ke mahkamah jika dianggap perlu dan adakah proses mengambil tindakan undang-undang ini boleh dilakukan menurut undang-undang yang ada sekarang?

Tuan Haji Abdul Rahim bin Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, bagi soalan pertama agak detail sedikit, saya mohon notis. Kedua, setakat hari ini kita belum lagi memikirkan cara-cara lain untuk mendapatkan hutang ini, yang saya sebutkan itu sahaja yang kita berusaha.

Tuan Abdul Rahman bin Suliman: Soalan tambahan. Daripada Kementerian-kementerian yang disenaraikan tadi dan jabatan yang disebutkan tadi, adakah Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos juga mempunyai hutang kepada LLN?

Yang kedua, Kementerian dan jabatan yang manakah yang paling banyak sekali hutangnya, dan yang ketiga bilakah agaknya keseluruhan hutang-hutang itu akan dapat dijelaskan mengikut cadangan unit k h a s

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kalau mengambil terlalu banyak masa, tidak ada masa hendak menjawab nanti.

Tuan Abdul Rahman bin Suliman: Bilakah boleh dikutip hutang yang disebutkan tadi?

Tuan Haji Abdul Rahim bin Abu Bakar: Pertama mengikut apa yang dilaporkan kepada saya, alhamdulillah Kementerian saya tidak ada berhutang langsung—selamat ya!

Soalan yang kedua, bila hendak kutip hutang, hendak habiskan hutang ini, saya rasa tidak dapat hendak saya jawab—kita berusaha terus sehingga satu ketika kita merasakan tindakan-tindakan lain boleh diusahakan.

Timbalan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 2, 13 hingga 19 adalah diberi di bawah ini]

PENYAKIT MALARIA DI SARAWAK

2. Dr Leo Michael Toyad minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) bilangan pesakit-pesakit Malaria di Sarawak pada tahun 1984 dan pertengahan tahun 1985;
- (b) di kawasan manakah banyaknya pesakit-pesakit ini; dan
- (c) apakah langkah-langkah yang terus dijalankan mengatasi penyakit ini di Sarawak.

Menteri Kesihatan (Dato Chin Hon Ngian):

- (a) Bilangan pesakit yang disahkan mengidap penyakit malaria di Sarawak untuk tahun 1984 ialah 1,012 orang manakala untuk tahun 1985 ini hingga 15hb September ialah 657 orang sahaja.
- (b) Di antara tujuh bahagian dalam negeri Sarawak, tiga bahagian berikut mencatatkan bilangan kes terbanyak sekali iaitu—

Bahagian I, II dan VII untuk tahun 1984. Keadaan yang serupa berlaku pada tahun ini.

- (c) Berikut adalah langkah-langkah yang sedang diusahakan untuk mengatasi penyakit ini—

- (i) Semburan 6 bulan sekali di Bahagian I, II dan

Bahagian V iaitu kawasan yang bersempadan Kalimantan dan Sabah.

- (ii) Memesatkan semburan fokal di Bahagian VII termasuk mengenakan pengambilan darah beramai-ramai dan pembahagian ubatan beramai-ramai.
- (iii) Menyebarkan Pelajaran Kesihatan di semua Bahagian.
- (iv) Mendapatkan penyertaan masyarakat dalam kawasan mataria dengan memberi ubatan pencegah malaria apabila penduduk melawat kawasan yang bersempadan Kalimantan dan Sabah.
- (v) Menyasiat dan mengubati semua kes malaria.
- (vi) Memperkenalkan dan memperluaskan pendekatan Penjagaan Kesihatan Asas dalam kawasan Malaria.

KEMELESETAN EKONOMI

13. Tuan V. Govindaraj minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar, kebanyakan ahli-ahli Ekonomi di dalam dan di luar negara berpendapat, bahawa kemelesetan Ekonomi Negara adalah berpunca dari dasar dan polisi Kerajaan yang mengamalkan konsep yang memberi penekanan terhadap partisipasi kaum bumiputera dalam sektor perladangan, perindustrian dan perniagaan, memandangkan ini, bagi membaiki

taraf ekonomi negara kita minta pihak Kerajaan mengubah sedikit polisi penekanan ini.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob:

Kerajaan tidak sedar adanya pendapat kebanyakan ahli-ahli ekonomi seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Adalah tidak benar bahawa penekanan terhadap penyertaan Bumiputera dalam ekonomi negara telah membawa kepada kemelesetan ekonomi. Sekiranya terdapat pendapat ini ia adalah dibuat berasaskan kepada pemikiran dan analisa yang sempit serta kurang penelitian. Ianya juga merupakan kegagalan memahami asas-asas ekonomi terutamanya tentang pertalian antara ekonomi negara dengan ekonomi dunia. Sukalah saya menekankan di sini bahawa kemelesetan ekonomi yang melanda negara kita sejak beberapa tahun kebelakangan ini adalah disebabkan oleh faktor-faktor yang di luar kawalan kita sendiri. Sesungguhnya kemelesetan ekonomi yang kita alami ketika ini juga sedang dialami oleh negara-negara lain di dunia. Oleh itu negara kita yatig terbuka kepada aliran perdagangan dunia sudah pasti tidak dapat mengelakkan diri dari kesan-kesan kemelesetan ekonomi dunia.

Penekanan dan sokongan yang telah dan sedang diberi oleh Kerajaan bagi menggalakkan penyertaan kaum bumiputera dengan lebih giat dalam sektor-sektor seperti perladangan, perindustrian dan perniagaan adalah selaras dengan hasrat DEB yang telah diterima oleh semua kaum di negara ini. Bantuan yang sedang diberi kepada Bumiputera khususnya menerusi peranan yang dimainkan oleh agensi-agensi amanah adalah semata-mata untuk mencapai matlamat keseimbangan ekonomi di antara kaum supaya tiap-tiap kaum di negara ini mendapat peluang saksama dalam proses pembangunan ekonomi negara.

**PERJANJIAN PERDAGANGAN
MALAYSIA—CHINA**

14. Tuan Peter Chin Gan Oon minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada satu perjanjian perdagangan dengan China akan diperundingkan dalam masa bagi cadangan lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Negeri China untuk memperbaiki kerjasama "bilateral" ekonomik di antara negara kita dan bolehkah beliau menerangkan atas apakah beliau berharap akan diperkenalkan dalam perjanjian perdagangan itu untuk menguntungkan pedagang-pedagang kami.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Saya ingin memaklumkan di dalam Dewan yang mulia ini bahawa cadangan untuk mengadakan Perjanjian Perdagangan antara Malaysia dan Republik Rakyat China (RRC) adalah di antara beberapa perkara penting yang akan dibincangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa lawatan beliau ke RRC pada penghujung bulan November ini. Perkara ini masih lagi di peringkat perundingan oleh pegawai-pegawai antara kedua-dua negara. Melalui perundingan ini diharap akan merintis jalan ke arah memperbaiki dan meningkatkan lagi hubungan serta kerjasama ekonomi dan perdagangan dua hala secara terus antara kedua-dua negara.

Untuk makluman, di dalam perundingan perjanjian perdagangan ini, Malaysia akan menekankan kepentingan menggalakkan hubungan perdagangan secara terus di antara kedua-dua buah negara. Ini adalah selaras dengan pendirian Malaysia supaya perdagangan dijalankan secara terus dan bukan melalui negara ketiga.

**AHLI PARLIMEN/NEGERI
DAP MELAWAT CHINA**

15. Tuan Chan Kok Kit minta Menteri Dalam Negeri menyatakan keputusannya berhubung dengan permohonan yang dibuat oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang pada 29 Ogos 1985 yang memohon kebenaran bagi sebuah rombongan Ahli-ahli Parlimen dan Dewan Negeri DAP melawat Negeri China dalam bulan Disember 1985/Januari 1986.

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Saya telah menyiasat perkara ini dengan teliti dan mendapati bahawa permohonan yang dikatakan dibuat oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang pada 29-8-85 bagi membolehkan beliau serta rombongan Ahli-ahli Parlimen dan Dewan Undangan Negeri DAP melawat Negeri China dalam bulan Disember 1985/Januari 1986, belum lagi diterima oleh Kementerian Dalam Negeri atau Jabatan Imigresen. Dengan demikian, pertimbangan tidaklah dapat dibuat lagi.

INDUSTRI KECIL

16. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) rancangan-rancangan yang telah disediakan untuk mengembangkan industri kecil;
- (b) apakah insentif-insentif yang akan diberikan untuk menggalakkan usahawan-usahawan industri kecil ini;
- (c) apakah taraf industri kecil ini di dalam Pelan Induk Industri;
- (d) langkah-langkah yang telah dibuat untuk memansuhkan sebarang penghalang-penghalang terhadap pengembangan industri kecil;

- (e) bilangan industri kecil yang telah didaftarkan berbanding dengan industri besar bagi setiap kawasan perindustrian dan juga bentuk industri kecil yang terdaftar;
- (f) apakah sumbangan kepada:
- (i) Eksport negara kasar;
 - (ii) sektor pembuatan; dan
 - (iii) pengimportan.
- yang dihasilkan oleh industri kecil bagi tahun-tahun 1980, 1981, 1982, 1983, 1984 dan 1985;
- (g) bilangan dan luas kawasan perindustrian khas untuk industri ringan serta infrastruktur dan kemudahan asas yang telah dicadangkan;
- (h) apakah sumbangan industri ringan kepada pemindahan teknologi tempatan. Apakah pihak Kementerian bercadang untuk melatih para pekerja kilang dalam industri ringan.

Tengku Tan Sri Razalieggh Hamzah:

- (a) Dalam usaha membangunkan perusahaan kecil - ini Kementerian saya dengan kerjasama lain-lain agensi Kerajaan telah menyediakan beberapa rancangan dan kemudahan seperti berikut:
- (i) *Kemudahan Kewangan*
 Satu skim pinjaman untuk membangunkan perusahaan kecil telah dilaksanakan melalui pembiayaan Kerajaan dan pinjaman daripada Bank Dunia yang berjumlah sebanyak \$230 juta. Selain dari itu pinjaman-pinjaman kepada perusahaan kecil juga disediakan oleh institusi-institusi kewangan Kerajaan seperti

Bank Pembangunan Malaysia Bhd., MIDF, MARA. Bank Pertanian Malaysia dan bank-bank perdagangan melalui Perbadanan Jaminan Kredit (CGC).

(ii) *Kemudahan Infrastruktur*

Dari segi infrastruktur. Kementerian saya telah mengadakan dua skim iaitu skim Kilang Bimbingan dan kilang yang sama ada untuk dijual atau disewakan kepada pengusaha-pengusaha di atas kadar yang lebih rendah dari kadar biasa.

(iii) *Kemudahan Teknikal dan Teknologi*

Dari segi teknikal dan teknologi pengusaha-pengusaha kecil boleh mendapatkan khidmat nasihat dan bantuan dari agensi-agensi teknikal seperti MARDI, SIRIM, FRI dan sebagainya. Di samping itu Kementerian saya telah pun menubuhkan Pusat Pamiran dan Rujukan Teknologi untuk membantu perusahaan kecil mendapatkan maklumat berhubung dengan teknologi yang kemaskini khususnya mengenai projek yang boleh diceburi dan berpotensi.

(iv) *Kemudahan Pengurusan dan Latihan*

Bantuan-bantuan di- bidang pengurusan

dan latihan adalah disediakan oleh agensi-agensi seperti Pusat Daya Pengeluaran Negara dan Pusat Pembangunan Usahawan (MEDEC) di ITM, di samping latihan-latihan khusus yang disediakan oleh agensi-agensi teknikal untuk usahawan-usahawan kecil.

\$100,000 atau kos upah sebanyak \$20,000 setahun.

Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa selain dari itu, perusahaan kecil juga telah diberi beberapa galakkan baru iaitu sepertimana yang telah diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam ucapan Belanjawan 1986 pada 25hb Oktober yang baru lalu.

(v) *Kemudahan Pasaran*

Kerajaan juga cuba membantu pengusahapengusaha kecil memasarkan keluaran-keluaran mereka melalui "sub-contracting" yang mana sekarang Kementerian saya adalah di dalam proses untuk mengenalpasti barangan-barangan yang sesuai. Selain dari itu, pemasaran adalah juga dibuat melalui Skim Pembelian Kerajaan dan juga saluran-saluran pemasaran yang disediakan oleh PERNAS EDAR Sdn. Bhd. dan BESTA Sdn. Bhd.

(b) Di antara galakan-galakan yang diberi untuk menggalakkan perusahaan kecil negara ini ialah:

- (i) potongan perbelanjaan penubuhan syarikat;
- (ii) potongan cukai pembangunan;
- (iii) potongan dari duti stem; dan
- (iv) pengecualian cukai jualan tertakluk kepada jumlah maksima

(c) Untuk makluman Yang Berhormat, saya ingin menyatakan bahawa Pelan Induk Perindustrian tidak meliputi industri kecil secara khusus, memandangkan kajian-kajian mengenai industri kecil telah pun dijalankan oleh Bank Dunia dan Bank Pertanian Malaysia sebelum itu. Walau bagaimanapun Pelan Induk Perindustrian ada mengenalpasti beberapa projek perindustrian yang juga sesuai untuk dijalankan secara kecil. Pengesyoran-pengesyoran mengenai dasar-dasar seperti galakan, kemudahan dan lain-lain jua melibatkan pembangunan industri secara keseluruhan termasuk industri kecil.

(d) Di antara langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi halangan-halangan terhadap perkembangan perusahaan kecil ialah:

- (i) Mengecualikan perusahaan kecil dari dilesenkan di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian;
- (ii) Mengecualikan cagaran bagi separuh dari jumlah pinjaman bank yang dibuat melalui Syarikat Jaminan Kredit (CGC):

- (iii) Mensyaratkan bank-bank memberi pinjaman kepada pengusaha-pengusaha kecil, iaitu sebanyak 12% dari jumlah peruntukan pinjaman yang disediakan oleh sesebuah bank itu;

Oleh kerana industri kecil ini dikecualikan daripada dilesenkan di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian, maka rekod bilangan keseluruhannya tidak ada di Kementerian saya. Walau bagaimanapun mengikut kajian yang dibuat oleh Jabatan Perangkaan, dalam tahun 1981 terdapat sebanyak 15,068 buah perusahaan kecil di Semenanjung Malaysia yang merangkumi bidang-bidang seperti berikut:

(i) Makanan ..	2,913 buah
(ij) Berasaskan kayu	2,592 buah
(iii) Kejuruteraan ..	4,586 buah
(iv) Bahan Binaan	617 buah
(v) Lain-lain ..	4,360 buah
JUMLAH ..	<u>15,068 buah</u>

- (f) Dukacita dimaklumkan bahawa Kementerian saya tidak mempunyai makluman mengenai sumbangan perusahaan kecil kepada:

- (i) Eksport negara kasar;
- (ii) sektor pembuatan;
- (iii) pengimportan;

- (g) Mengikut maklumat yang ada di Kementerian saya, terdapat sebanyak 46 kawasan perusahaan kecil di seluruh negara dengan luasnya dianggarkan sebanyak 2,258.8 hektar dan jumlah unit kilang sebanyak 998.

- (h) Mengenai sumbangan industri ringan kepada pemindahan teknologi tempatan, soalan ini adalah tidak jelas. Jika apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat ialah pemindahan teknologi tempatan kepada industri ringan atau pengusaha kecil, di sini suka saya nyatakan bahawa ini memang berlaku. Misalnya dalam industri pembuatan makanan, barang-barang yang berasaskan kayu dan rotan dan sebagainya apa-apa teknik atau teknologi yang didapati hasil dari kajian agensi-agensi kerajaan seperti MARDI, Institut Penyelidikan Perhutanan, SIRIM dan sebagainya adalah disalurkan kepada pengusaha-pengusaha atau bakal-bakal pengusaha untuk digunakan.

KADAR INFLASI

17. Tuan Fung Ket Wing minta Perdana Menteri menyatakan apakah kadar inflasi di Malaysia sejak kenaikan gaji kakitangan-kakitangan kerajaan yang terakhir sekali sehingga sekarang dan mengapakah kerajaan tidak bersedia membayar gaji kakitangan-kakitangan kerajaan mengikut kadar inflasi dan bagaimanakah Kerajaan bercadang untuk meninggikan taraf hidup kakitangan Kerajaan khasnya mereka yang berada dalam kumpulan IMG.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Berdasarkan kepada Index Harga Pengguna (CPI) kadar inflasi di Semenanjung Malaysia semenjak tahun 1980 hingga bulan Julai 1985 telah naik sebanyak 26.4%.

Pihak pekerja telah mengemukakan memorandum mereka untuk kenaikan gaji yang telah didasarkan antara lain kepada kenaikan Index Harga Pengguna (CPI). Kerajaan telah menimbangkan memorandum itu

dengan penuh teliti dan telah mendapati bahawa dalam keadaan ekonomi negara sekarang Kerajaan tidak mampu memenuhi semua tuntutan pihak pekerja itu. Kerajaan telah membuat anggaran kasar tentang implikasi kewangan sekiranya tuntutan ini diterima. Tuntutan-tuntutan ini akan mengakibatkan pertambahan perbelanjaan Kerajaan sebanyak kira-kira \$3.02 ribu juta.

Sungguhpun demikian Kerajaan telah juga mengambil pertimbangan tentang kedudukan kakitangan awam dalam Kumpulan "C" dan "D" dan telah mengambil keputusan untuk memberi sedikit kenaikan gaji kepada mereka yang tergulung dalam kumpuan yang berpendapatan rendah dalam sektor awam, iaitu tambahan gaji maksima sebanyak \$35.00 sebulan bagi mereka bergaji permulaan di antara \$250.00 hingga \$670.00 sebulan. Tambahan ini walaupun kecil, dipercayai akan dapat meringankan sedikit tanggungan perbelanjaan yang perlu, seperti perbelanjaan sekolah anak-anak.

PENYAKIT AIDS

18. Dr Chen Man Hin minta Menteri Kesihatan menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk mengesan penyakit AIDS di kalangan penduduk-penduduk kita yang kecenderongan mengidap penyakit tersebut, sama ada semua penderma darah, contoh-contoh darah dan plasma diuji untuk mengelak kemungkinan penerima-penerima darah mengidap penyakit tersebut.

Dato' Chin Hon Ngian: Kementerian Kesihatan sedang menjalankan kajian darah untuk mengesan AIDS di kalangan penderma darah dan mereka dalam golongan berisiko tinggi. Kajian ini yang meliputi 6,000 contoh darah dari pelbagai golongan, telah bermula pada bulan Julai 1985 dan akan tamat pada akhir bulan Disember 1985. Kementerian Kesihatan akan

menggunakan maklumat yang akan didapati daripada kajian ini untuk membuat keputusan sama ada semua penderma-penderma darah dan contoh-contoh darah perlu diuji untuk mengelakkan berlakunya penyakit AIDS.

Sementara itu Kementerian adalah berwaspada dan sedang mengelak dari mengambil darah dari golongan yang nampaknya dalam golongan risiko tinggi terhadap penyakit AIDS.

Pembelian plasma, khasnya untuk kegunaan pesakit haemophilia, telah pun dibuat melalui satu kontraktor pusat sahaja dan semua plasma yang digunakan adalah bebas daripada kuman atau virus sebab plasma-plasma itu telah pun di "heat treated" oleh pembuat-pembuat untuk membunuh apa-apa kuman atau virus yang mungkin terdapat di dalamnya.

KEMASUKAN PENDATANG HARAM

19. Dr Koh Tsu Koon minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah langkah-langkah tambahan yang sedang diambil bagi mengawal kemasukan pendatang-pendatang haram ke dalam negara kita. Adakah sebarang tindakan diambil bagi mendakwa di mahkamah ajen-ajen yang terlibat dalam membawa pendatang-pendatang haram sebagai buruh murah, justeru itu melanggar undang-undang buruh. Jika tidak, mengapa.

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Kerajaan memberi perhatian serius kepada kemasukan pendatang haram ke negara ini dan mengambil tindakan tegas mengikut undang-undang bagi mengatasinya dengan cara menangkap, mendakwa serta mengusir keluar mereka yang dikesan. Untuk mencapai matlamat ini, Kerajaan mengadakan kawalan rapi di pintu-pintu masuk resmi di seluruh negara serta mengadakan rondaan di kawasan pengairan Malaysia serta sempadan

daratan. Namun demikian, tindakan-tindakan ini tidak dapat menghasilkan kejayaan sepenuhnya kerana negara" ini yang luas dan sempadan daratan yang panjang serta berbukit-bukau menyulitkan kawalan.

Kerajaan akan mengambil tindakan mengikut Akta Imigresen ke atas sesiapa yang terlibat dengan kemasukan pendatang haram ke negara ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1986

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang" (5hb November, 1985).

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1986

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Usul yang berikut dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari \$8,857,740,400 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1986, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud

Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1986 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 28 tahun 1985, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut". (5hb November, 1985).

Perbahasan disambung semula.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya menjemput Ahli Yang Berhormat dari Tanjong menyambung ucapan. Yang Berhormat masih ada 24 minit baki daripada semalam.

3.34ptg.

Dr Koh Tsu Koon (Tanjong): Tuan Yang di-Pertua, pada petang semalam saya mencadangkan supaya kos melapas ataupun opportunity cost dalam bentuk bunga ataupun faedah tahunan harus dianggarkan bagi segala pelaburan dalam sektor awam khususnya OBA sepertimana diamalkan dalam sektor swasta. Ini adalah bertujuan untuk menyedarkan pihak Kerajaan termasuk pegawai-pegawai terhadap ongkos tahunan yang sebenarnya. Di samping itu langkah ini diharap dapat mencegah pihak awam daripada membazir ataupun melaburkan dalam projek yang tidak menguntungkan sama ada dari segi kewangan ataupun objektif-objektif sosial. Ini adalah penting kerana sebenarnya pada pendapat saya pada tempoh 10 tahun kebelakangan ini negara kita telah mengalami zaman kemewahan dan juga zaman kemelesetan.

Pada zaman kemewahan iaitu pada tahun 1976 hingga 1981 kita terlalu membazir ataupun, dengan izin, "over-extended and overspent" tetapi pada zaman kemelesetan iaitu dari tahun 1982 hingga sekarang kita pula harus berjimat cermat, dengan izin, "tighten the belt". Sebenarnya apa yang harus

kita lakukan kalau mengikut idealnya ialah Kerajaan berjimat sedikit pada waktu mewah atau maju iaitu, dengan izin, "save for rainy days" dan sebaliknya Kerajaan patutlah berbelanja sedikit banyak lagi pada zaman meleset untuk memberangsangkan ekonomi pada amnya serta melaksanakan projek-projek bagi kepentingan ramai seperti perumahan kos rendah dan kos sederhana kerana ongkos pembinaan yang rendah pada zaman kemelesetan ini.

Tuan Yang di-Pertua, maka pada kesimpulannya kita haruslah belajar dari pengalaman ini barulah kita dapat menghadapi cabaran-cabaran masa hadapan seumpama yang kita telah alami setakat ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ingin saya beralih ke satu isu yang agak hangat sekarang iaitu cadangan sekolah integrasi yang telah menimbulkan bantahan yang kuat dari masyarakat Tionghua pada dua bulan kebelakangan ini. Beberapa orang ahli Dewan ini telah menyuarakan pandangan dan perasaan mereka. Saya tidak berhasrat untuk mengulangi hujah-hujah yang telah dikemukakan ataupun membalas apa-apa hujah yang lain. Saya cuma akan cuba menerangkan secara objektif, jujur dan terbuka sebab-sebab mengapa masyarakat Cina merasa begitu hangat terhadap cadangan tersebut dengan harapan bahawa Ahli-ahli dalam Dewan ini dan juga pihak Kerajaan dapat memahami asas perasaan ini dan selanjutnya bersama-sama mengambil langkah-langkah yang positif untuk menyelesaikan kontroversi ini selaras dengan kehendak-kehendak rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, masyarakat Tionghua pada amnya merasa sangat khuatir, takut, tidak selamat dan tidak puas hati terhadap keadaan sekarang dan masa hadapan pelajaran Cina di semua peringkat. Mereka merasa bahawa mereka telah membuat banyak

pengorbanan dan mengalami banyak penderitaan. Sejak tahun 60an sekolah-sekolah menengah Cina tidak lagi diberi bantuan oleh Kerajaan dan harus ditanggung oleh masyarakat Tionghua sendiri kalau tidak berubah menjadi sekolah-sekolah "contorming" iaitu sekolah yang mengubah bahasa pengantar kepada bahasa Inggeris dan selanjutnya ke bahasa Malaysia.

Apabila tawaran "conforming" dibuat, Kerajaan pada masa itu pernah menjamin bahawa bahasa Cina dan Sastera Tionghua akan diperuntukkan masa sebanyak 1/3 daripada jadual waktu biasa sekolah conforming itu. Akan tetapi jaminan ini tidak ditunaikan.

Bahasa Cina hanya ketinggalan dua atau tiga period seminggu sahaja sekarang. Di sekolah-sekolah menengah kebangsaan pula kelas POL kalau ada sering diajar pada waktu petang selepas sekolah atau pada hari Sabtu. Peruntukan guru POL tidak mencukupi dan murid-murid yang beminat untuk mengambil POL selalu menghadapi sikap yang kurang positif dari pihak pentadbir sekolah serta rintangan-rintangan yang lain.

Di peringkat sekolah rendah sungguhpun SRJJC dan SRJKT masih di bawah tanggungan Kementerian Pelajaran dari segi pembayaran gaji guru dan bekalan-bekalan tetapi tidak diberi layanan yang adil dan saksama dalam hal pembangunan dan pembekalan guru kalau dibandingkan dengan sekolah kebangsaan ataupun sekolah rendah kebangsaan. Kebanyakan bangunan SRJJC dibina dan dibiayai oleh dermaan dan usaha masyarakat Tionghua sendiri tanpa bantuan Kerajaan, kalau ada pun sedikit sahaja. SRJJC menghadapi kekurangan guru yang amat serius kerana pengambilan guru-guru pelatih bagi sekolah-sekolah ini sangat tidak mencukupi.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun pemimpin-pemimpin negara kita dari semasa ke semasa telah memberi jaminan bahawa SRJK(C) dan SRJK(T) akan dibenarkan berterusan atas kehendak masyarakat Tionghua dan India. Fasal 21 (2) dalam Akta Pelajaran 1961 yang memberi kuasa kepada Menteri untuk mengubah SRJK(C) dan SRJK(T) ini menjadi sekolah kebangsaan pada bila-bila masa beliau fikir sesuai masih terus menjadi satu ancaman yang menimbulkan perasaan tidak selamat di kalangan masyarakat Tionghua dan India kerana tidak terjamin bahawa pada satu ketika nanti di bawah pimpinan yang lain atau dalam keadaan yang berubah fasal ini tidak akan digunakan. Sejak tahun 1960 Kerajaan pada amnya enggan membina atau membenarkan masyarakat membina sekolah-sekolah SRJK(C) yang baharu sungguhpun terdapat banyak permintaan dari masyarakat. Tambahan pula terdapat banyak aduan terhadap tindakan dan sikap setengah-setengah pegawai yang "over-zealous" yang seolah-olah menyekat perkembangan sekolah Cina secara langsung atau tidak. Maka bagi masyarakat Tionghua adalah nyata bahawa pelajaran Cina bukan sahaja tidak diberi keutamaan ataupun perlindungan tetapi sebaliknya menghadapi rintangan dan ancaman. Pandangan dan perasaan ini menjadi lebih tegak apabila terdapat pemimpin-pemimpin politik dan akademik yang tertentu dari semasa ke semasa mencadangkan secara langsung atau tidak supaya SRJK(C) diubahkan menjadi sekolah kebangsaan ataupun menuduhkan bahawa kewujudan SRJK(C) dan SRJK(T) ialah asas penghalang kepada integrasi nasional.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu kita sejujurnya tidak dapat menafikan bahawa penekanan yang keterlaluan ke atas pembahagian rakyat kita ke dalam golongan bumiputera dan bukan bumiputera

sudah mendatangkan kesan-kesan negatif yang tertentu terhadap sistem pelajaran kita dan juga terhadap perpaduan di kalangan murid-murid. Sebagai seorang pendidik saya telah memerhatikan dengan mata saya sendiri bagaimana bagi murid-murid berbilang kaum di sebuah sekolah rendah dan sekolah menengah rendah yang sama yang pada mulanya bergaul dan berkawan rapat tetapi perhubungan mereka telah menjadi semakin tegang apabila sampai ke peringkat menengah atas kerana di peringkat itu mereka disedarkan dari semasa ke semasa bahawa "saya adalah bukan bumiputera, kamu adalah bumiputera" atau sebaliknya "saya adalah bumiputera, kamu adalah bukan bumiputera". Ketegangan ini sampailah ke kemuncak di peringkat Tingkatan VI dan universiti di mana persaingan tempat dipertandingkan mengikut garisan ataupun barisan kaum, maka segala usaha untuk memupuk perpaduan di peringkat rendah atau menengah sudah ditiadakan (negated) apabila sampai ke tahap yang lebih tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, ini tidak bermakna bahawa kita tidak harus berusaha langsung di peringkat rendah dan menengah. Apa yang saya maksudkan di sini ialah selagi adanya pembahagian yang tegak seumpama ini serta faktor-faktor negatif yang lain termasuk sistem politik perkauman maka segala usaha yang kita ambil dalam sekolah tidak akan membawa kesan-kesan positif yang besar bahkan kesan-kesan ini mungkin akan ditiadakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya bercadang untuk terus membincangkan secara terperinci kesan-kesan negatif yang timbul dari sistem kuota yang telah dilaksanakan di institusi-institusi pelajaran tinggi terhadap semua pelajar iaitu bukan bumiputera dan bumiputera sebagai satu penjelasan lanjut terhadap hujah

saya di atas dan juga sebagai satu lanjutan kepada ucapan saya pada bulan Mac ini. Akan tetapi oleh kerana kesuntukan masa saya akan menanggungkan sehingga bahasan atas Belanjawan Kementerian Pelajaran. Apa yang saya ingin tegaskan di sini, Tuan Yang di-Pertua, ialah apabila saya membangkitkan isu bumiputera dan bukan bumiputera dan isu sistem kuota, saya tidak berhasrat untuk berpolitik, lebih-lebih lagi berpolitik perkauman. Dalam pertimbangan saya, saya sejujurnya memang akan mengambil kira perasaan, keadaan dan kepentingan semua kaum serta kepentingan jangka panjang negara dan semua rakyat termasuk perlunya untuk membantu mereka yang tersekat dari kawasan-kawasan yang mundur di luar bandar. Pendirian saya ini, Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya telah diketahui oleh beberapa orang rakan saya dalam Dewan ini kerana sering ada perbincangan yang mendalam. Maka memadailah bagi saya mengatakan di sini untuk tujuan perbincangan pada hari ini bahawa penekanan yang keterlaluan ke atas bumiputera dan bukan bumiputera serta penyelewengan dari Dasar Ekonomi Baru telah menambahkan lagi perasaan tidak selamat di kalangan orang Tionghua apabila dipandang bersama-sama dengan kesulitan-kesulitan dan masalah-masalah yang dihadapi di peringkat pelajaran rendah dan pelajaran menengah.

Tuan Yang di-Pertua, akibat dari pengalaman dan latar belakang sejarah ini wujudlah satu perasaan terkepong (siege mentality) di kalangan masyarakat Tionghua, terutamanya terhadap isu pelajaran. Wujud juga satu "credibility gap" atau "credibility crisis" terhadap Kerajaan pada keseluruhannya. Dalam suasana yang demikian sebarang cadangan baharu yang akan atau mungkin mengubah susunan yang sedia ada akan disyaki dan dipandang dengan reservation, sungguhpun satu cadangan ini

mungkin mempunyai merit ataupun kebaikan yang tertentu dari segi konsep ataupun teorinya. Begitulah reaksi masyarakat Tionghua terhadap KBSR pada tahun 1982, kalau masih ingat kita, kerana ianya mengandungi aspek-aspek penyelewengan tertentu dalam cadangan asalnya.

Begitu juga reaksi sekarang terhadap cadangan baru ini. Apa lagi bagi kali ini kekurangan maklumat yang lengkap dan tiadanya perundingan yang mencukupi dengan pihak-pihak yang berkenaan serta tafsiran yang berbeza-beza di kalangan pegawai-pegawai pelajaran yang tertentu pada peringkat mulanya, maka timbullah banyak persoalan.

Misalnya adakah cadangan ini akan menjejaskan penggunaan bahasa pengantar di sekolah-sekolah masing-masing? Apakah batasan cadangan ini, adakah ianya akan terus meliputi matapelajaran-matapelajaran seperti muzik, lukisan dan sebagainya? Bagaimanakah dengan perhimpunan mingguan yang sedang diadakan di tiap-tiap sekolah? Apakah kuasa pentadbiran sekolah masing-masing akan dikurangkan? Bagaimanakah dengan kedudukan peranan dan kuasa jemaah majlis pengurus sekolah yang sedia ada sekarang? Adakah badan penyalarsan yang dicadangkan itu akan berfungsi atas prinsip "consensus", dengan izin, iaitu persetujuan sebulat suara dan bukan secara paksaan oleh pihak Jabatan Pelajaran ataupun pihak sekolah yang terbesar itu?

Tambahan pula ramai orang tertanya-tanya sekiranya cadangan ini hanya akan meliputi kegiatan-kegiatan luar darjah tambahan seperti permainan bola sepak atau bola takraw dan pingpong bersama-sama sukan dan sebagainya seperti yang pernah diterangkan oleh pihak Kerajaan, kenapa konsep ini dipanggil sekolah integrasi? Istilah ini tidak dapat dielakkan daripada membawa

makna atau tujuan muktamad seolah-olah untuk mencantumkan sekolah-sekolah berbagai aliran itu secara fizikal dan melalui pentadbiran di bawah satu bumbung dan di dalam satu kawasan yang sama. Dengan percantuman sedemikian maka amat dikhuatiri bahawa corak sifat dasar sekolah rendah Cina dan penggunaan bahasa Cina sebagai bahasa pengantar akan dikikis sedikit demi sedikit dan seterusnya diubah sama sekali akibat daripada tekanan pentadbiran yang mungkin akan timbul dari susunan percantuman itu dan juga dari pegawai-pegawai yang over-zealous iaitu yang keterlaluan dan melampau dalam pelaksanaan dasar.

Tuan Yang di-Pertua, perasaan khuatir dan takut ini memang mempunyai asasnya kalau kita benar-benar memahami latar belakang sejarah perkembangan pelajaran Cina dan masalah-masalah yang dihadapi serta, dengan izin, "state of mind" masyarakat Tionghua sekarang seperti yang telah saya huraikan tadi. Saya berharap Kerajaan akan mengambil berat dengan sikap bersimpati, perasaan curiga dan takut ini. Dalam suasana demikian sebarang langkah atau aspek-aspek sesuatu cadangan baru yang mungkin atau dianggap akan menjejaskan kedudukan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil itu tidak patut dilaksanakan. Apa gunanya kalau ianya akan menimbulkan ketegangan, tentangan dan perasaan tidak puas hati yang sudah tentu bukanlah tujuan utama dalam apa-apa rancangan yang bertujuan ikhlas untuk memupuk integrasi dan perpaduan.

Untuk menjamin sesuatu projek itu berjaya penerimaan dan penyertaan dari semua pihak yang terlibat adalah sangat penting. Perundingan consensus amatlah diperlukan. Tidak bermakna dan berfaedah sekiranya sesuatu itu harus dipaksa. Adalah lebih baik dan sesuai, Tuan Yang di-Pertua, sekiranya pihak Kementerian menggalakkan

kegiatan-kegiatan pergaulan dan sosial secara tambahan melalui sukan dan sebagainya di antara sekolah-sekolah berbagai aliran di dalam sesuatu daerah yang sama tanpa menyentuh jadual waktu dan semua kegiatan yang biasa yang sedia ada. Kegiatan-kegiatan tambahan seumpama ini janganlah dipaksa dengan arahan tegak dari atas tetapi harus digalakkan untuk menimbulkan inisiatif serta minat yang sebenarnya. Setiap aktiviti hanya boleh dilaksanakan selepas perundingan yang jujur dan persetujuan yang lengkap di antara guru-guru, para ibubapa dan khasnya jemaah-jemaah pengurus sekolah yang berkenaan dengan mengambil kira keadaan-keadaan khas sesuatu tempat itu. Dengan demikian semua pihak akan merasa mereka untung dari pengalaman tambahan itu tanpa kerugian atau kehilangan apa-apa yang sedia ada.

Pada pendapat saya kaedah atau pendekatan seperti ini sungguhpun mungkin akan berkembang atau maju beransur-ansur adalah jauh lebih berkesan dan kesannya lebih berkekalan daripada arahan-arahan secara paksaan. Dalam hal memupuk perpaduan, Tuan Yang di-Pertua, seperti juga dalam hal cinta kasih, kita tidak boleh tergesa-gesa terutamanya kerana sudah wujudnya ketegangan dan polarisasi yang tertentu akibat dari faktor-faktor sejarah dan perkembangan politik perkauman.

Kita memerlukan masa untuk memupuk, dengan izin, mutual confidence and trust. Saya penuh keyakinan bahawa semangat perpaduan yang muncul dari proses semula jadi dan galakan yang jujur dalam satu suasana dan keadaan yang adil dan saksama tanpa terlalu menekankan perbezaan bumiputera dan bukan bumiputera akan merupakan perpaduan yang lebih bermakna. Bukanlah ini sesuatu yang

kita ingini, satu langkah konkrit ke arah integrasi yang benar, Tuan Yang di-Pertua?

Dari perbincangan tersebut izinkanlah saya membuat satu kesimpulan secara umum. Saya berpendapat bahawa negara kita sekarang sudah sampai ke satu persimpangan. Kita telah mencapai kejayaan sosio ekonomi yang agak cemerlang yang dapat kita semua banggakan. Dalam tempoh 15 tahun kebelakangan ini Kerajaan telah mengambil langkah-langkah giat untuk cuba mengatasi ketidak-seimbangan yang wujud di kalangan rakyat melalui pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru dan sebagainya. Maka tidak dapat kita nafikan bahawa kejayaan yang tertentu telah kita capai untuk menyusun semula masyarakat dan membasmi kemiskinan. Namun demikian tidak dapat kita nafikan juga bahawa kesan-kesan yang negatif telah pun timbul oleh kerana semua projek tak kira betapa baik projek itu memang ada kesan-kesan positif dan kesan-kesan negatif. Maka kita haruslah menghadapi kesan-kesan negatif ini dan berusaha untuk menyelesaikannya atau sekurang-kurangnya mengurangkan kesan-kesan negatifnya terhadap ekonomi dan perpaduan negara.

Sebagai Ahli-ahli Parlimen dan pemimpin-pemimpin masyarakat, tanggungjawab yang dipikul oleh kita adalah jauh lebih berat daripada orang-orang lain. Kita haruslah bersikap positif dan mempunyai satu perspektif Malaysia iaitu berfikir dan bertindak sebagai rakyat Malaysia seperti yang dinasihatkan oleh Perdana Menteri kita. Kita harus juga optimis dan bersyukur kerana semua kaum di Malaysia iaitu bangsa Malaysia adalah bangsa yang resourceful and gentle, dengan izin, dan bukan yang ganas. Maka saya percaya bahawa satu penyelesaian bukan sahaja bagi isu

sekolah integrasi tetapi bagi masalah-masalah yang lebih besar dapat diikhtiarkan dan dimajukan demi kepentingan negara.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan yang dibentangkan oleh Menteri Kewangan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Ulu Nerus.

4.00 *ptg.*

Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman (Ulu Nerus): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: 30 minit, Yang Berhormat.

Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, di dalam perbahasan Belanjawan kali ini, Ahli-ahli Dewan telah membangkitkan banyak perkara tentang negara, tentang sosio-ekonomi, berbagai-bagai golongan rakyat dan juga tentang juga soal-soal politik. Tetapi di dalam perhatian saya nampaknya tidak banyak Ahli-ahli yang menyentuh tentang masalah-masalah nelayan, satu golongan rakyat yang agak besar juga di dalam negara kita ini. Oleh yang demikian itu, Tuan Yang di-Pertua, biarlah saya menumpukan ucapan saya kepada persoalan-persoalan dan masalah-masalah mereka memandangkan pada masa ini terdapat beberapa masalah yang sememangnya wajar dan patut disebutkan di sini.

Perkara pertama yang saya hendak sentuhkan ialah tentang cadangan Kerajaan hendak mengadakan kerjasama dan usaha sama dengan pihak Thailand bagi meneroka sumber-sumber perikanan di perairan kita yang rata-rata mendapat tentangan daripada kaum nelayan. Cadangan ini agak menghairankan saya kerana yang saya faham sesuatu rancangan Kerajaan sepatutnya adalah bagi faedah rakyat

dan yang boleh diterima oleh rakyat. Tetapi rancangan yang hendak dijalankan ini nampaknya adalah sebaliknya.

Pada pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua, jika kita hendak tingkatkan hasil tangkapan ikan kita, hendak meneroka sumber-sumber kekayaan kita, kita sendirilah yang patut berbuat demikian dan bukan orang lain, kecuali kalau kita benar-benar tidak mampu berbuat demikian. Lagi pula, Tuan Yang di-Pertua, dasar kita sepatutnya hendaklah memastikan bahawa kekayaan kita adalah untuk rakyat kita sendiri dan bukan untuk diterokai atau dikongsi dengan orang lain, lebih-lebih lagi sumber-sumber yang bersifat depleting, dengan izin, seperti sumber perikanan ini. Kita janganlah lupa bahawa semasa penjajahan dahulu, kekayaan kita telah dipungah untuk menampung kekayaan orang lain. Ini cukup sebagai pengajaran dan jangan sekarang kita sendiri yang menyerahkan kekayaan kita kepada orang lain.

Tuan Yang di-Pertua, tentang alasan bahawa rancangan usahasama dengan pihak Thailand ini dapat membantu kita memindahkan teknologi penangkapan ikan moden kepada nelayan-nelayan kita, saya hendak bertanya, teknologi apakah yang kita maksud itu? Adakah teknologi itu berupa teknologi perusahaan berat seperti industri kereta, industri petroleum atau teknologi angkasa lepas?

Tuan Yang di-Pertua, teknologi menangkap ikan moden bukanlah sebenarnya terlalu mahal, terlalu complicated dan sophisticated sangat yang tidak dapat kita beli atau pelajari bagi memperolehi dan menguasainya. Apa yang diperlukan ialah bot-bot besar atau kapal-kapal yang boleh kita beli dari luar ataupun kita bina di negara ini sendiri kerana kita sebenarnya mempunyai banyak limbungan-limbungan kapal. Alat-alat

kelengkapannya boleh juga kita beli dan nelayan-nelayan kita boleh dilatih mengendalikannya dengan mudah jika kita mempunyai program latihan yang sistematik lagi pula, teknologi perikanan bukanlah teknologi yang dirahsiakan sangat oleh negara-negara tertentu. Ianya boleh kita pelajari melalui program kerjasama bilateral dengan setengah-setengah negara, asalkan kita ada rancangan latihan praktikal untuk melatih nelayan-nelayan kita.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam usaha untuk memodenkan penangkapan ikan di negara ini, kita sepatutnya mempunyai perancangan yang teliti terlebih dahulu untuk membolehkan pemodal dan nelayan-nelayan kita menyediakan diri mereka ke arah ini, walaupun ini akan mengambil masa setahun, dua tahun lagi. Apa yang perlu dilakukan di peringkat pertama ini sepatutnya ialah bagi kita merencana dan meningkatkan usaha-usaha serta strategi-strategi penggalakan ke arah pelaburan di dalam kegiatan menangkap ikan secara moden di laut jauh seperti merangka skim-skim insentif yang sesuai dan mengadakan rancangan-rancangan latihan secara praktikal di negara-negara yang maju di dalam bidang perikanan. Peluang-peluang patutlah diberikan kepada pemodal-pemodal dan nelayan-nelayan kita sendiri untuk membuktikan kebolehan dan kemampuan mereka di dalam bidang ini.

Dengan hal yang demikian itu saya berharap sangatlah, Tuan Yang di-Pertua, bahawa Kerajaan akan dapat menimbang semula ura-ura hendak mengadakan kerjasama dan usahasama dengan pihak Thailand ini. Saya berpendapat nelayan-nelayan kita pada masa ini memang telah bersedia untuk menerokai perairan jauh iaitu kita untuk menjadi nelayan yang moden menggunakan alat-alat kelengkapan yang moden. Tuan Yang

di-Pertua, nelayan-nelayan kita sebenarnya telahpun lama menerokai ke laut jauh di perairan kita ini walaupun setengah-setengah orang berpendapat dengan adanya berlaku pencerobohan nelayan-nelayan asing ke perairan kita, sebenarnya laut jauh kita pada masa ini hanya diterokai oleh nelayan-nelayan asing.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya menaruh keyakinan terhadap kecenderungan dan keupayaan nelayan-nelayan kita sendiri memelopori penerokaan penangkapan ikan laut jauh kita. Nelayan-nelayan ini sekarang telah pun menangkap ikan di perairan lebih daripada 30 kilometer daripada pantai dan mereka pada masa ini sedang membina bot-bot yang lebih besar melalui skim kredit yang dilancarkan oleh MAJUIKAN dalam tahun 1984 dahulu. Bila bot-bot ini telah disiapkan bilangan bot-bot besar yang mampu ke laut jauh sudah pasti akan bertambah dalam sedikit masa bagi mencapai objektif kita untuk meneroka sumber-sumber perikanan kita di laut jauh. Mereka inilah nanti yang boleh kita harapkan untuk membina sektor perikanan kita mengesan sumber-sumber kekayaan perikanan kita dan menjadi benteng kepada kedua-duanya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin membangkitkan soal penarikan subsidi diesel kepada nelayan-nelayan kita tidak lama dahulu yang telah menyelamatkan perbelanjaan Kerajaan sebanyak \$52 juta setahun sekira-kiranya. Keputusan Kerajaan pada masa itu ialah supaya wang yang diselamatkan itu hendaklah dibelanjakan balik bagi melaksanakan program-program yang boleh mendatangkan faedah kepada nelayan-nelayan. Sepanjang pengetahuan saya sehingga ini keputusan ini belum lagi dilaksanakan dan wang yang diselamatkan dari penarikan subsidi diesel ini belum lagi diserahkan

kepada nelayan-nelayan melalui program-program yang khusus. Mengapakah perkara ini berlaku, tidaklah dapat saya pastikan. Tetapi kemungkinan besar perkara ini telah dilupai oleh pihak yang berkenaan. Kementerian Pertanian sepatutnyalah memandang berat akan soal ini dan memastikan agar wang yang sepatutnya menjadi hak nelayan ini diperolehi untuk faedah-faedah mereka.

Perkara yang ketiganya, Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya menyentuh juga masalah bekalan dan harga pukot yang dihadapi oleh nelayan-nelayan. Nelayan-nelayan mengadu mereka menghadapi masalah tidak mendapat bekalan pukot cukup dan terpaksa membayar harga pukot yang lebih mahal daripada kilang pukot tempatan berbanding dengan pukot-pukot sejenis yang diimport daripada luar negeri. Untuk mendapat bekalan, mereka terpaksa menunggu lama kerana satu-satunya kilang dalam negeri yang mendapat perlindungan daripada Kerajaan tidak dapat memenuhi permintaan mereka.

Apa yang menjadi masalah ialah bahawa nampaknya kilang tempatan ini telah menggunakan sepenuhnya kesempatan perlindungan yang diberikan oleh Kerajaan untuk memonopoli pasaran pukot di negara ini tanpa mengira kepentingan nelayan-nelayan ini. Apa yang menghairankan saya, Tuan Yang di-Pertua, ialah tentang sekatan yang dikenakan oleh Kerajaan terhadap import pukot sebagai langkah melindungi kilang ini. Pengimport pengimport tidak dapat membawa masuk pukot-pukot yang lebih tinggi mutunya tetapi lebih murah harganya tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran daripada kilang ini. Syarat ini sudah tentulah digunakan dengan sepenuhnya oleh kilang tersebut untuk menyekat sebarang persaringan terhadap mereka menyebabkan

timbulnya keadaan dan masalah yang saya bangkitkan itu. Masalah dan keadaan ini perlu diatasi segera oleh Kerajaan demi untuk menjaga kepentingan nelayan-nelayan. Bagi memastikan bekalan pukot yang cukup dan harganya yang competitive, saya meminta supaya lesen-lesen import pukot daripada luar negeri dapat dikeluarkan dan syarat yang berkehendakkan pengimport-pengimport mendapat kebenaran daripada kilang yang berkenaan dibatalkan. Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sepatutnya janganlah terlalu mengutamakan soal perlindungan kepada industri tempatan yang kebetulannya lianya sebuah kilang sehingga kepentingan-kepentingan rakyat terjejas.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, perlu juga saya meyentuh tentang pencerobohan nelayan-nelayan asing khususnya dari Thailand ke perairan kita yang nampaknya berlaku dengan agak berleluasa dan sudahpun berlarutan. Masalah-masalah yang ditimbulkan oleh mereka adalah jelas. Selain daripada mencerooboh kedaulatan negara, mereka juga mengancam keselamatan dan kehidupan nelayan-nelayan kita. Akibatnya kita kehabisan sumber-sumber perikanan. Nelayan-nelayan kita menghadapi kerugian kerana mereka terpaksa bersaringan dengan orang asing yang meneroka sumber-sumber perikanan kita secara haram dan kerana alat-alat menangkap ikan mereka, harta benda mereka dimusnahkan semahu-mahunya oleh nelayan-nelayan asing ini.

Apa yang menjadi persoalan saya ialah mengapakah masalah pencerobohan nelayan-nelayan Thailand ini tidak mampu di atasi oleh kita sebagai sebuah negara berdaulat? Adakah kerana kita tidak mempunyai keupayaan mempertahankan kedaulatan kita sendiri atau apakah kerana kita tidak pandang berat

masalah ini kerana kita tidak mengutamakan sangat soal kebajikan nelayan-nelayan kita kerana kita ada perkara-perkara lain yang lebih dipentingkan?

Saya sedar perairan kita adalah luas dan sukar untuk diselidikan. Saya juga sedar kita tidak mempunyai banyak kapal-kapal ronda tetapi pada pandangan saya itu bukan masalahnya. Masalahnya ialah kegagalan kita sendiri memberikan keutamaan dan mengadakan strategi-strategi pertahanan perairan kita yang bersungguh-sungguh dan berkesan kerana kita gagal memobilisasikan kapal-kapal ronda dan kapal-kapal perang kita ke perairan yang strategik dan yang menjadi punca masalah.

Perairan Pantai Timur Semenanjung kita adalah satu perairan yang strategik kerana ia merupakan pintu masuk penting ke perairan kita. Kita patut memobilisasikan angkatan pertahanan laut kita bagi mengawal perairan ini tetapi nampaknya ini tidak kita lakukan dan itulah sebabnya masalah ini jadi berlarutan. Kitahnya "react", dengan izin, apabila timbul masalah tetapi kawalan sepanjang masa tidak dilakukan. Itulah sebabnya kita tidak pernah berjaya mengatasi masalah ini.

Oleh yang demikian itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mengesyorkan lagi supaya strategi dan rancangan pertahanan perairan kita hendaklah dikaji semula dan supaya soal pertahanan dan kawalan perairan kita di Pantai Timur Semenanjung diutamakan dan dipentingkan.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh masalah-masalah nelayan ini, saya juga suka merabangkitkan soal Pulau Bidong dalam kawasan saya yang digunakan sebagai pusat penempatan pendatang-pendatang haram Vietnam dan yang mendatangkan berbagai-bagai masalah kepada nelayan-nelayan tempatan. Sudah 10 tahun sekarang ini Pulau Bidong digunakan sebagai pusat

penempatan pendatang-pendatang haram Vietnam ke negara ini. Setiap kali saya membangkitkan perkara ini, setiap kali saya mendapat jawapan yang stereo-type daripada Kerajaan iaitu masalah pendatang haram itu tidak akan dapat diselesaikan selagi mereka itu tidak dapat diambil sepenuhnya oleh negara-negara ketiga.

Sepuluh tahun, Tuan Yang di-Pertua, adalah satu tempoh masa yang lama. Ini bererti sudah 10 tahun Pulau Bidong dan perairannya tidak dapat digunakan lagi oleh nelayan-nelayan tempatan sebagai tempat berlindung dari ribut taufan dan sebagai sumber rezeki. Selama 10 tahun itu mata pencarian mereka telah terjejas dengan teruknya kerana mereka tidak lagi dapat menimba rezeki di perairan Pulau Bidong yang kaya dengan sumber ikan dan lain-lain sumber laut.

Semasa masalah pendatang haram berada di kemuncaknya yang menjadi masalah antarabangsa, nelayan-nelayan itu faham bahawa penggunaan Pulau Bidong adalah tidak dapat dielakkan dan mereka sanggup berkorban demi kepentingan Kerajaan dan demi kepentingan pendatang-pendatang haram Vietnam di atas pertimbangan-pertimbangan peri kemanusiaan. Tetapi sekarang ini setelah lebih 10 tahun tamat perang Vietnam, nelayan-nelayan kita tidak faham lagi mengapakah Pulau Bidong masih menjadi pusat penempatan pendatang-pendatang haram itu dan Pulau Bidong belum dapat dikembalikan kepada mereka.

Mereka mempersoalkan dasar dan sikap Kerajaan yang masih terus menerima pendatang-pendatang haram Vietnam dengan tangan terbuka, mereka bukan lagi mangsa perang. Mereka mempersoalkan mengapakah kita melindungi pendatang-pendatang haram Vietnam sedangkan kita bertindak keras ke atas pendatang-pendatang haram dari Indonesia. Mereka keliru dengan dasar

dan sikap Kerajaan yang begini, lebih-lebih lagi mereka rasa tidak sabar kerana ianya menjejaskan kehidupan mereka.

Mereka merasakan dan mengatakan Kerajaan lebih mementingkan kepentingan rakyat asing, kepentingan pendatang-pendatang haram daripada kepentingan-kepentingan mereka. Mereka menjadi lebih sensitif, Tuan Yang di-Pertua, lebih tidak sabar, lebih marah dan lebih keciwa lagi apabila pandatang-pendatang haram itu seringkali menimbulkan ancaman kepada keselamatan dan nyawa mereka setelah kerap kali peristiwa buruk berlaku di mana pendatang-pendatang haram telah menyerang nelayan-nelayan tempatan.

Dahulu seorang teman mereka telah hilang, dipercayai diserang oleh pendatang haram. Baru-baru ini pula seorang lagi telah diserang oleh tiga orang pendatang hatam dan dihumbankan ke dalam laut dan botnya hilang dibawa lari. Sampai sekarang bot dan penyerang-penyerang tersebut tidak dapat dikesan.

Semua ini, Tuan Yang di-Pertua, menyebabkan nelayan-nelayan tempatan menuntut supaya pusat penempatan pendatang-pendatang haram Vietnam di Pulau Bidong itu ditutup. Saya sendiri turut tidak faham mengapakah Kerajaan bersikap begitu tidak sensitif terhadap hasrat dan tuntutan nelayan-nelayan kita itu? Adakah atau sebenarnya masalah ini terlalu sukar untuk diatasi atau adakah kerana kita tidak mahu pasang telinga dan lebih suka untuk memekakkan telinga kita terhadap rungutan-rungutan mereka?

Tuan Yang di-Pertua, sudah sampai masanya kita melakukan sesuatu yang positif terhadap masalah penempatan pendatang-pendatang haram di Pulau Bidong itu kerana masalah ini telah terlalu berlarutan. Pulau Bidong telah

terlalu lama menjadi masalah sosio-ekonomi rakyat dan menjadi liabiliti kepada politik kerajaan. Kita telah terlalu lama bertolak ansur dengan pihak Bangsa-bangsa Bersatu dan negara-negara ketiga dan kerana sikap kita yang terlalu bertolak ansur ini, nampaknya pihak-pihak yang berkenaan telah mengambil kesempatan ke atas kita.

Kita hendaklah mengubah dasar kita terhadap pendatang-pendatang haram itu daripada dasar menerima kepada dasar menolak. Dahulu kita terima mereka kerana mereka pelarian perang tetapi perang Vietnam telah tamat 10 tahun dahulu, mereka bukan lagi pelarian perang tetapi mereka merupakan pendatang haram. Tindakan keras patut kita ambil kepada pendatang haram yang baru yang mencero bohi perairan kita. Bot-bot dan kapal-kapal ronda kita sepatutnya diarah untuk mengusir mereka dari perairan kita atau ditunda ke perairan antarabangsa supaya mereka mencari perlindungan di negara-negara lain.

Bagi pendatang-pendatang haram yang masih ada di negara ini, khususnya di Pulau Bidong, kita perlu memberikan tempoh kepada Suruhanjaya Pelarian Bangsa-bangsa Bersatu untuk menempatkan mereka di negara-negara ketiga dalam jangka masa yang sesingkat-singkatnya. Sebagai langkah awal, semua pendatang-pendatang haram yang ditempatkan di Pulau Bidong hendaklah dipindahkan ke pusat penempatan sementara di Sungai Besi dan Pulau Bidong hendaklah ditutup sebagai pusat penempatan. Dengan cara ini barulah masalah Pulau Bidong dan masalah kebanjiran berterusan pendatang-pendatang haram Vietnam ke negara ini dapat di atasi.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi masalah yang dihadapi oleh kaum nelayan ialah soal kemasukan ikan

daripada negara-negara asing, khususnya dari Thailand ke negara ini yang memberi kesan yang buruk kepada hasil tangkapan nelayan-nelayan tempatan. Kemasukan ikan daripada luar ke negara ini sama ada secara sah ataupun secara haram telah menjejaskan harga dan pasaran ikan tempatan yang menyebabkan tangkapan ikan tempatan kehilangan pasaran dan jatuh harga.

Saya dapat tahu import ikan negara kita daripada Thailand adalah berjumlah lebih kurang \$500 juta setahun, tidak termasuk ikan-ikan yang di bawa masuk secara seludup. Ini bererti \$500 juta nilai ikan tempatan hilang pasaran akibat daripada import itu dan ini adalah satu nilai yang besar, satu kehilangan dan kerugian yang besar kepada nelayan kita.

Apa yang lebih mendukacitakan lagi, Tuan Yang di-Pertua, ialah bila berlaku kebanjiran ikan dari Thailand ke negara kita ini yang bolehlah dianggap sebagai "dumping", dengan izin. Ini menyebabkan hasil-hasil tangkapan ikan tempatan hilang pasaran dan mengalami kejatuhan harga yang teruk. Apa yang menjadi pelik kepada saya, Tuan Yang di-Pertua, mengapakah negara kita mempunyai dasar yang agak liberal ataupun mengamalkan perniagaan yang liberal berhubung dengan import ikan ke negara ini sekalipun kita sedar ianya menjejaskan kepentingan nelayan dan rakyat kita. Mengapakah kita membenarkan import pada masa-masa tertentu sedangkan kita tahu nelayan-nelayan kita boleh membekalkan keperluan negara.

Bagi menyelesaikan masalah ini, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap dapat Kerajaan mengambil beberapa langkah yang berkesan. Saya berharap pertamanya penguatkuasaan hendaklah ditingkatkan untuk menyekat sama sekali kemasukan secara haram atau penyeludupan ikan daripada Thailand ke negara kita.

Yang kedua, saya mintalah supaya Kerajaan menyekat sama sekali, terutama pada masa-masa tertentu import ikan daripada Thailand ke negara kita, kecuali pada musim tengkujuh bila mana tangkapan ikan di negara ini jatuh. Jika ini tidak dapat dilakukan, maka elok jika kita mengenakan duti import yang tinggi terhadap import ikan daripada luar supaya importnya tidak digalakkan.

Tuan Yang di-Pertua, kita sebenarnya bukan sahaja menghadapi masalah pasaran dan kejatuhan harga ikan basah, malah bagi ikan kering juga. Sejak beberapa tahun yang lalu pasaran dan harga ikan kering di negara ini telah jatuh, malahan harga ikan kering, terutamanya beberapa jenis ikan kering gred rendah telah jatuh ke paras yang tidak ekonomik lagi. Saya diberi tahu ini ialah disebabkan oleh kemasukan ikan kering daripada luar dan juga kerana hilangnya pasaran ikan kering kita di luar negeri.

Kesan kejatuhan harga ikan kering ini adalah agak meluas kerana ia bukan sahaja telah menjejaskan ekonomi dan perusahaan pengusaha-pengusaha ikan kering malahan juga nelayan-nelayan kerana tangkapan mereka telah tidak mendapat pasaran yang baik dan tangkapan terpaksa dibuang, dimusnahkan begitu sahaja. Soal pasaran dan pemasaran ikan itu perlu diteliti oleh Kerajaan demi menjaga kepentingan pengusaha-pengusaha ikan kering dan nelayan-nelayan. Selain daripada langkah-langkah memperbaiki pemasaran dan menyekat kemasukan ikan kering daripada luar, kita perlu menggalakkan eksport ikan kering kita ke luar negeri dan bagi tujuan ini saya mencadangkan supaya Kerajaan menurunkan lagi duti eksport ikan-ikan kering supaya ikan-ikan kering kita akan lebih kompetitif di pasaran luar.

Pelik juga, Tuan Yang di-Pertua, dalam soal industri ikan kering ini bagaimana Singapura sebagai sebuah negara yang kita ketahui tidaklah mempunyai perusahaan menangkap ikan yang penting dapat mengatasi negara kita dalam perniagaan ikan kering antarabangsa di mana negara tersebut adalah merupakan pengeksport ikan kering yang utama di rantau ini.

Tuan Yang di-Pertua, memang telah banyak program-program dan perbelanjaan yang telah dicurahkan oleh Kerajaan untuk membantu kaum nelayan di negara ini, tetapi nampaknya usaha-usaha kita belum lagi mendatangkan kesan menyeluruh dan maksima ke atas sosio-ekonomi mereka. Saya faham kita menghadapi banyak masalah-masalah dan halangan-halangan di dalam usaha-usaha ini, setengah-setengahnya berpunca dari nelayan-nelayan sendiri.

Apa yang saya tekankan di sini bukanlah satu kritikan terhadap usaha-usaha yang telah kita lakukan itu kerana usaha-usaha ini sebenarnya telah membawa banyak juga kesan positif dan kebaikan kepada nelayan-nelayan. Yang telah saya tekankan ialah tentang masalah-masalah yang dihadapi oleh nelayan-nelayan iaitu isu-isu yang dihadapi oleh mereka dari dalam dan luar negeri. Apa yang saya hendak tekankan ialah sambil kita melaksanakan program-program pembangunan dan pembelaan terhadap nelayan-nelayan, kita perlu juga menyelesaikan masalah-masalah dan isu-isu tersebut supaya pembelaan kita ke atas komuniti nelayan-nelayan akan lebih berkesan dan mereka merasakan lebih terbela dan program-program kita sendiri akan jadi lebih berkesan.

Apa ertinya kita mempunyai sumber ikan yang banyak di laut jauh jika sumber-sumber ini hendak dibenarkan diterokai oleh orang lain. Bagaimana

kita hendak menggalakkan nelayan-nelayan kita menerokat perikanan laut jauh jika keselamatan mereka diancam oleh nelayan-nelayan asing kerana kita tidak dapat mengawal dengan berkesan perairan kita. Apa ertinya kita menggalakkan produktiviti jika pasaran ikan di dalam negeri terancam kerana kemasukan ikan dari luar yang berleluasa. Inilah di antara beberapa paradox yang telah lama wujud dan menjadi masalah kepada nelayan-nelayan kita selama ini. Semua masaiah-masalah ini memerlukan perhatian segera Kerajaan dan kita hendaklah segera menyelesaikannya demi kepentingan nelayan-nelayan kita dan negara sendiri. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kinta.

4.22 *ptg.*

Tuan Lim Liang Seng (Kinta): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk turut menyertai dalam membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 1986 yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini pada 25hb Oktober, 1985 yang lalu serta memberi sedikit sebanyak pandangan saya mengenai beberapa perkara yang terkandung di dalam Ucapan Belanjawan Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Kewangan telah memberitahu Dewan ini bahawa keadaan ekonomi dunia masih tidak menggalakkan dan ini seterusnya telah menjejaskan sedikit sebanyak prestasi ekonomi negara. Tidak guna kita menyalahkan keadaan ekonomi dunia sahaja, lebih penting kita mencari jalan keluar bagi mengatasi kemelesetan yang telah sekian lama ini kita menghadapi.

Yang Berhormat Menteri Kewangan telah membentangkan satu Belanjawan 1986 yang mempunyai

strategi bertujuan untuk memperkukuhkan usaha-usaha memperbaiki imbalan pembayaran dan belanjawan yang lebih ketat ke atas perbelanjaan sektor awam dan mempergiatkan usaha bagi menggalakkan kegiatan sektor swasta. Berasaskan kepada strategi Belanjawan 1986 ini, Yang Berhormat Menteri telah memberitahu Dewan ini bahawa ekonomi Malaysia dijangka berkembang dengan kadar 6% berbanding dengan kadar 5.2% dalam tahun 1985 dan juga 7.6% pada tahun 1984. Pakar-pakar ekonomi berpendapat ramalan prospek pertumbuhan ekonomi negara pada kadar 6% itu tidak keterlaluan optimistik. Dengan perkataan lain, ianya boleh dicapai.

Nampaknya Belanjawan 1986 ini telah banyak memenuhi permintaan-permintaan dan rayuan-rayuan sektor swasta. Adalah didapati juga strategi-strategi yang terkandung dalam Belanjawan ini bertujuan untuk mendorong sektor swasta supaya bergerak pantas sebagaimana diharapkan kali ini. Tujuan Kerajaan adalah jelas iaitu untuk mengalihkan injin pertumbuhan kepada sektor swasta.

Tuan Yang di-Pertua, demi untuk mencapai tujuan strategi Belanjawan yang pertama, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk mengawal dengan ketat perbelanjaan mengurus. Di antara iangkah-langkah itu ialah pembekuan pengisian jawatan-jawatan kosong dan pengwujudan jawatan-jawatan baru. Yang kedua, mengurangkan bilangan anggota perkhidmatan awam dengan melalui pelaksanaan Dasar Penswastaan. Peningkatan daya pengeluaran dan kecekapan pengurusan sektor awam.

Saya mengalu-alukan langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan. Bagaimanapun, saya berharap dalam melaksanakan Dasar

Penswastan, keputusan dan tawaran kepada setiap kes permohonan dari pihak berminat itu bukan sahaja akan berdasarkan pertimbangan yang kurang berunsur politik akan tetapi sebaliknya rakyat dari semua keturunan akan diberi peluang yang sama berasaskan merit dan keupayaan setiap kes berkenaan,

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengalu-alukan langkah Kerajaan untuk mengenakan bahawa aturcara kawalan dan pengurusan kewangan bagi perbelanjaan Kerajaan dan juga Agensi-agensi di Luar Belanjawan (OBA) sepatutnya tidak berbeza. Saya juga menyokong langkah yang diambil untuk mengurangkan peruntukan pembangunan Agensi-agensi di Luar Belanjawan sebanyak \$2 billion dalam tahun 1986. Ini adalah selaras dengan usaha-usaha mengawal perbelanjaan.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan percaya dan saya kira sudah tentu ini ada asasnya, terdapat jumlah wang yang agak besar tersimpan di luar negeri yang dimiliki oleh rakyat Malaysia. Untuk menggalakkan lebih banyak lagi wang ini dibawa balik ke Malaysia supaya ia dapat membantu kewangan kita serta dapat memberikan sumber tambahan bagi membiayai projek-projek pembangunan di negara kita, Kerajaan telah mengambil langkah yang bijaksana dengan memberi pengecualian cukai dan amnesti. Saya menyokong penuh langkah Kerajaan ini meskipun adalah terlalu awal untuk mengatakan sama ada langkah ini berkesan dan akan menerima sambutan yang baik dan menggalakkan.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan patut diberi pujian kerana telah menunjukkan sikap sensitif dan responsif kepada kesulitan pengusaha-pengusaha pusat-pusat perkhidmatan seperti restoran. Rintihan dan sungutan mereka ini telah kedengaran dan diterima baik oleh Kerajaan.

Cukai Perkhidmatan 10% tahun lalu sekarang telah dikurangkan kepada 5%. Saya mengalu-alukan langkah Kerajaan ini padahal langkah ini adalah di antara langkah-langkah galakan yang telah diambil oleh Kerajaan untuk menggalak dan mempergiatkan lagi pertumbuhan industri pelancongan, Kerajaan berharap hasil langkah-langkah ini akan membantu memperbaiki Akaun Tak Ketara di dalam imbalan pembayaran negara.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Kewangan telah mengatakan bahawa pasaran saham kita adalah perlu diperkukuhkan dan dipermodenkan. Beliau telah bercadang persyarikatan broker-broker saham sebagai langkah untuk mencapai tujuan ini dan ianya akan dilaksanakan dari bulan April 1986. Sehubungan dengan ini, ingin saya menarik perhatian Yang Berhormat Menteri tentang salah satu kelemahan dalam sistem pasaran saham kita pada sekarang ini di mana perlindungan yang diberi kepada pelabur-pelabur kecil dalam pembelian saham amatlah tidak memuaskan. Saya telah menerima sungutan dari orang ramai yang merupakan pelabur kecil tentang masalah sijil-sijil syer yang palsu. Apabila seseorang pelabur kecil memperolehi dari brokernya suatu sijil syer yang kemudiannya didapati palsu, apa yang mengejutkan dan mendukacitakannya ialah broker berkenaan tidak menggantikan sijil syer yang palsu itu dengan satu sijil syer yang sah dengan segera. Pada setiap kali pelabur kecil yang malang itu terpaksa menunggu lama dan ada yang selama 2 atau 3 tahun. Cuma ketika penyiasatan ataupun kes perbicaraan sudah selesai barulah dapat beliau diberi sijil syer yang sah sebagai gantian. Dalam keadaan demikian pelabur-pelabur kecil telah tertanyanya di manakah perlindungan mereka dalam pembelian syer di firma-firma broker saham.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, dalam Ucapan Belanjawan Yang Berhormat Menteri Kewangan, beberapa perkara telah disentuh. Saya ingin menyentuh satu perkara yang tertinggal disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam Ucapan Belanjawannya iaitu Belia dan Pembangunan Aktiviti-aktiviti Belia. Seperti mana kita sedia maklum, belia merupakan satu bilangan besar dari penduduk-penduduk negara kita. Adalah dianggarkan seramai 30% hingga 40% dari penduduk negara kita boleh dianggap sebagai belia. Dalam masa sekarang ini bilamana negara kita menghadapi ancaman dadah dan sedang memerangi dadah dengan hebatnya, jelaslah pentingnya program-program untuk membangunkan aktiviti-aktiviti belia.

Saya ingin bertanya kepada Kementerian berkenaan bilakah Dasar Belia Kebangsaan akan diumumkan dan diberitahu kepada rakyat? Saya difahamkan bahawa Dasar Belia Kebangsaan akan diumumkan pada akhir tahun ini. Tidakkah sekarang ini sudah akhir tahun? Akan tetapi sehingga sekarang ini masih tidak kelihatan tanda-tanda dasar ini akan diumumkan. Jikalau saya tidak silap, kononnya sudah hampir sepuluh tahun Kerajaan dalam proses menyediakan dasar ini. Saya harap Kementerian berkenaan menyegerakan penyiapan dasar ini demi untuk membangunkan aktiviti-aktiviti belia mengikut perancangan.

Saya juga difahamkan bahawa terawal daripada ini banyak memorandum telah dikemukakan kepada pihak Kementerian oleh pertubuhan-pertubuhan belia dari semua kaum untuk menyampaikan pandangan-pandangan dan pendapat-pendapat mereka untuk Kementerian merangka dan menggubal dasar ini.

Oleh itu saya juga ingin tahu adakah pandangan-pandangan dan pendapat-pendapat ini telah diberi pertimbangan yang wajar dan teliti dan diambil kira dalam menggubal dasar ini supaya ianya berupa satu dasar yang menyeluruh dan akan memberi manfaat yang sama kepada semua belia tanpa mengira kaum, keturunan dan kepercayaan dalam negara kita dan supaya ianya dapat diterima oleh semua lapisan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai soal pelajaran. Saya mengalu-alukan keputusan dan langkah Kerajaan untuk menubuhkan di Ipoh sebuah kampus cawangan baru Universiti Sains Malaysia yang dijangka dapat menampung 1,500 orang pelajar. Sudah pasti rakyat dari seluruh negara pada amnya dan rakyat Perak khususnya akan menikmati kemudahan pelajaran tinggi dengan adanya kampus cawangan itu.

Tuan Yang di-Pertua, satu isu yang telah menjadi kontroversi yang hangat yang telah banyak dibincangkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini iaitu Program Sekolah Integrasi dan Polarisasi Kaum. Saya ingin juga membincangkan soal isu ini. Saya berasa gembira bahawa Yang Berhormat Menteri Pelajaran seperti mana telah dilaporkan dalam surat khabar pada 29hb Oktober yang lalu telah menyuarakan jaminan kepada orang ramai bahawa pelaksanaan program sekolah integrasi tidak bererti sekolah-sekolah vernacular tidak wujud lagi. Adalah diharapkan jaminan Yang Berhormat Menteri Pelajaran itu akan dapat menghapuskan perasaan kuatir dan takut yang sedang berleluasa di kalangan masyarakat Cina.

Tuan Yang di-Pertua, timbulnya perasaan takut terhadap sesuatu perubahan akan datang merupakan satu reaksi ataupun naluri semula jadi manusia terutama sekali apabila tidak dapat mengetahui langsung tentang

perubahan akan datang itu. Oleh itu dalam hal cadangan program di sekolah integrasi tersebut itu, perasaan takut dan kekeliruan kalangan orang ramai adalah berpunca dari kegagalan dan insensitiviti Kementerian Pelajaran untuk bertindak dengan segera bagi mengumumkan penerangan yang amat perlu kepada ke seluruh rakyat.

Yang Berhormat Menteri Pelajaran tidak seharusnya menyalahkan ahli-ahli politik semata-mata. Seringnya adalah mudah untuk seseorang mempertahankan diri sendiri dengan meletakkan kesalahan kepada orang lain. Akan tetapi ini tidak akan menguntungkan sesiapa pun dan tidak dapat menolong penyelesaian satu-satu isu.

Pada 14hb Oktober 1985, dalam satu pertanyaan soal jawab mengenai Program Sekolah Integrasi, saya telah menyoal tentang butir-butir lanjut berkenaan dengan program ini. Oleh kerana kekurangan masa, jawapan secara mulut kepada pertanyaan saya itu telah tidak diberikan. Dari jawapan bertulis oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran, Dato Dr Ling Liong Sik yang diberi kepada saya kemudiannya, saya mendapati ianya tidak mengandungi apa-apa yang menyenangkan untuk diterangkan kepada orang ramai. Saya sangat hairan mengapa sehingga kini dan pada ketika ini sekalipun Kementerian Pelajaran masih tidak dapat dan tidak sedia untuk mengumumkan maklumat yang detail kepada rakyat yang pada hal berhak untuk mengetahui oleh kerana program sekolah intergrasi itu adalah satu perkara yang amat mustahak dan perlaksanaannya mempunyai kesan-kesan yang meluas.

Perasaan kuatir dan takut serta pandangan berat oleh sekian ramai rakyat dari masyarakat Cina iaitu komuniti yang kedua terbesar dalam negara Malaysia kita hendaklah jangan

dipandang ringan atau diabaikan sebegitu sahaja. Kenyataan Yang Berhormat Menteri Pelajaran pada 29hb Oktober, 1985 seperti mana yang telah dilaporkan dalam surat khabar mungkin boleh dianggap menyenangkan hati sedikit, akan tetapi ianya masih belum dapat menjernihkan suasana yang keruh.

Kita difahamkan bahawa satu Seminar Kebangsaan mengenai program sekolah integrasi akan diadakan di Kuala Lumpur pada bulan Disember akan datang. Akan tetapi ada sebab-sebab yang kurang meyakinkan orang ramai yang seminar tersebut akan menjadi tempat menerima, menampung dan menimbangkan pandangan-pandangan mereka dengan hati terbuka. Kepada mereka ini apa yang akan terjadi ialah selepas seminar itu, Kementerian Pelajaran akan terus memulakan perlaksanaan program sekolah integrasi tanpa mengira sungutan, bantahan dan jeritan dari hati orang ramai yang berkenaan.

Saya menyokong penuh usaha-usaha Kerajaan dan usaha-usaha mana pihak sekalipun untuk melawan dan mengatasi polarisasi kaum. Saya turut serta bersama-sama dengan semua rakyat Malaysia yang ingin melihat jenerasi muda kita membesar hidup dalam harmoni, berfikir dan bergerak geri sebagai Malaysian. Namun demikian kebanyakan kita akan bersetuju bahawa polarisasi kaum yang wujud sekarang ini di pelbagai bidang dalam masyarakat kita tidak dapat diatasi sekiranya usaha-usaha yang menyeluruh tidak dijalankan secara bersama-sama untuk menyelesaikan isu ini pada peringkat punca-puncunya. Sebarang usaha terpencil dengan izin, isolated, tidak akan memberi kesan.

Adalah menjadi satu hakikat, Tuan Yang di-Pertua, yang tidak boleh dinafikan bahawa sekarang ini pelajar-pelajar pelbagai kaum di universiti-universiti-tempatan adalah menuntut

dan bergaul di antara satu sama lain di universiti yang sama. Namun demikian, terdapat juga polarisasi kaum yang serius dan kekurangan perpaduan di kalangan mereka.

Semalam ada seorang Ahli Yang Berhormat yang menyatakan sebab itulah program ataupun konsep program sekolah integrasi itu diadakan. Akan tetapi, saya tidak dapat melihat logiknya.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan hal yang demikian satu soal telah timbul. Apakah program sekolah integrasi yang bercadang mengumpulkan Sekolah Kebangsaan, Sekolah Cina dan Sekolah Tamil di satu kawasan tertentu supaya ketiga-tiga sekolah itu dapat mengadakan kegiatan-kegiatan ko-kurikulum seperti temasya sukan misalnya bagi beberapa kali dalam setahun boleh mencapai tujuan menghapuskan polarisasi kaum, memupuk muhibbah dan perpaduan yang diharapkan yang mana kita telah gagal di kalangan pelajar-pelajar universiti kita, Sedangkan pelajar-pelajar di universiti-universiti kita merupakan pelajar-pelajar yang matang fikiran, yang memang telah banyak mempunyai pengetahuan yang mencukupi mengenai negara kita, saling mengerti di antara satu sama lain dan berkeupayaan untuk berfikir secara rasional.

Tuan Yang di-Pertua, lantaran tersebut di atas maka saya dengan ikhlasnya ingin menyeru kepada Kerajaan di Dewan yang mulia ini supaya mengkaji semula dengan teliti konsep program sekolah integrasi dan pelaksanaan program itu ditunda, digantung buat sementara kepada suatu masa nanti selepas pandangan-pandangan dan pendapat-pendapat orang ramai diperolehi, dikaji dan dipertimbangkan dengan teliti serta secara objektif demi kesejahteraan dan keharmonian masyarakat kita.

Tuan Yang di-Pertua, adalah mendukacitakan bahawa program sekolah integrasi telah mencetuskan kontraversi yang besar. Saya berpendapat ini adalah kerana ianya telah menyentuh satu masalah pokok iaitu pendidikan bahasa community tertentu. Pendidikan sentiasa merupakan satu isu yang menarik perhatian berat kepada semua kaum di negara kita, terutamanya kepada kaum Cina. Peruntukan Perlembagaan Mataysia telah memberi perlindungan kepada pembelajaran dan penggunaan bahasa Cina secara bebas. Akan tetapi disebabkan oleh perubahan undang-undang dan langkah-langkah pentadbiran yang bersifat restriktif yang telah diperkenalkan dari masa ke semasa semenjak negara kita mencapai kemerdekaan, berikutan hasil dari perkembangan-perkembangan politik tanahair kita, masyarakat Cina telah mengalami kejutan saikologi demi kejutan saikologi yang amat sangat sehingga kekurangan keyakinan terhadap hak mereka yang sah itu. Keadaan ini telah juga sentiasa dieksploitasikan oleh pihak pembangkang. Perasaan ini timbul sahaja bila mana dicadang supaya diadakan sesuatu perubahan berkaitan dengan pendidikan di negara kita. Dan dalam kes progratn sekolah integrasi mereka mengkhuatiri status dan character sekolah Cina akan tergutug nanti.

Pada saya perasaan-perasaan curiga dan mengkhuatiri kaum Cina seperti yang tersebut itu adalah tidak dapat dielakkan. Rakyat keturunan Cina tidak seharusnya disalahkan kerana bukan kesalahan mereka yang menyebabkan wujudnya satu spectre, dengan izin, mengapung di atas selama ini.

Tuan Yang di-Pertua, slogan "Bahasa Jiwa Bangsa" bergema dalam tahun 60an dan 70an. Sehingga sekarang slogan ini masih lagi menjadi pegangan dan pedoman seluruh rakyat

Malaysia. Dengan adanya slogan ini lahirilah ilham dan dorongan supaya diadakan usaha bersungguh-sungguh untuk mengembang dan memajukan Bahasa Malaysia menjadi satu bahasa yang moden, saintifik dan progresif sejajar dengan kedaulatan dan darjatnya sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi yang tunggal.

Kita menerima hakikat ini dan turut sama membanggakan perkembangan ini. Akan tetapi, jika sekiranya slogan ini telah melahirkan ilham dan dorongan sedemikian, ianya juga secara natural telah melahirkan ilham dan dorongan kepada rakyat Malaysia terhadap bahasa-bahasa ibunda rakyat Malaysia yang terdiri dari berbilang kaum. Tiada siapa-pun yang dapat menghalang kebangkitan kesedaran ini. Rakyat Malaysia tidak bersalah semata-mata mempunyai kesedaran ini. Padahal di manakah dunia ini terdapat bangsa dan community yang tidak mencintai bahasa dan budaya diri sendiri. Kebenaran manusia adalah untuk seluruh manusia. Adakah di dunia ini sesuatu kebenaran cuma benar kepada sesuatu kaum semata-mata dan tidak kepada kaum-kaum yang lain. Pada saya kesedaran tersebut itu tidak merugikan negara kita. Sebaliknya, ianya akan menguatkan lagi ketahanan negara dan memperkayakan lagi bahasa, budaya negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia mengamalkan dasar demokrasi secara demokrasi berparlimen dan beraja. Kerajaan kita adalah Kerajaan seluruh rakyat untuk rakyat dan dipilih serta diamanahkan oleh rakyat. Oleh itu pada pandangan saya adalah menjadi kewajipan Kerajaan dan terpulanglah kepada kebijaksanaan serta keazaman politik Kerajaan untuk mengikis dan menghapuskan sebarang kekeliruan, ketakutan dan kebimbangan rakyat dalam menghadapi sesuatu isu supaya

dapat dipulihkan keyakinan dan kepercayaan rakyat terhadap Kerajaan dan negara.

Sehubungan dan berkaitan dengan ini, saya ingin menyentuh pengisytiharan bersama yang telah dikeluarkan pada 12hb Oktober, 1985 oleh Persatuan-persatuan Perdagangan China, dengan izin, Chinese Guilds and Associations of Malaysia. Pengisytiharan itu telah mengenal pasti masalah-masalah negara dalam pelbagai bidang seperti politik, ekonomi, sosial, kebudayaan, bahasa dan pendidikan dan telah mencadangkan saranan-saranan sebagai satu penyelesaian baru kepada masalah-masalah itu demi membina sebuah negara yang benar-benar bersatu-padu, berharmoni serta makmur untuk warganegara Malaysia dari semua kaum.

Saya dengan ikhlasnya ingin menyeru kepada Kerajaan supaya tidak keberatan menerima dan mengkaji pengisytiharan itu. Pada saya pengisytiharan itu mengandungi pandangan-pandangan, hasrat dan harapan serta aspirasi-aspirasi dari sebahagian besar rakyat negara ini.

Saya yakin satu sikap terbuka, sensitif dan responsif dari Kerajaan tidak akan merugikan sesiapa pun dan juga tidak akan menjejaskan kewibawaan Kerajaan, kepentingan dan kebajikan negara kita, malah ini akan membantu membina sebuah negara Malaysia yang maju, makmur, bersatu-padu dan berharmoni bagi semua kaum, sebuah negara Malaysia yang diidam-idamkan oleh kita semua.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1986.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Seremban.

4.51 *ptg.*

Dr Chen Man Hin (Seremban): Tuan Yang di-Pertua, dalam membentangkan Belanjawan 1986. Menteri Kewangan tidak menumpukan perhatian kepada masalah-masalah politik dan ekonomi yang wujud di negara. Belanjawan 1986 adalah bertujuan untuk tidak menyakitkan sesiapa serta bersifat manis untuk memancing undi menjelang pilihanraya umum.

Pengangguran kini kian bertambah dan kesan kemelesetan ekonomi sedang dirasakan oleh rakyat. Keyakinan para pelabur telah terjunam dan terdapat ketidakpuas hati politik yang banyak. Kesemuanya ini adalah berlainan dengan ramalan optimis yang terkandung di dalam Belanjawan 1986.

Dalam Laporan Ekonomi, pertumbuhan sebenarnya adalah diramalkan sebanyak 5.2% dalam tahun 1985 dan 6% dalam tahun 1986. Ini adalah sukar untuk dipercayai dengan kejatuhan harga komoditi-komoditi utama seperti getah, bijih timah, petroleum dan kelapa sawit.

Getah kini berada dalam keadaan suram atau doldrums dengan harga getah sebanyak \$1.66 setiap kilogram. Maka dengan sebab itu, adalah amat sukar untuk mencapai harga \$1.90 seperti diramalkan dalam Laporan Ekonomi.

Sekiranya getah berada dalam keadaan suram, pasaran bijih timah adalah lebih teruk pula. Disebabkan pembuangan oleh negara-negara yang tidak menjadi Anggota Persidangan Bijih Timah Antarabangsa, harga bijih timah telah menurun dan pengutus stok penimbal tidak berupaya menyokong harga kerana kekurangan wang. Pasaran kini sudahpun digantung dan masa depan perusahaan bijih timah adalah gelap. Lebih banyak lagi lombong-lombong bijih timah mungkin terpaksa tutup dan pekerja-pekerjanya dibuang kerja.

Harga minyak kelapa sawit sebanyak \$1,000 setiap tan metrik seperti dianggarkan untuk tahun 1980 adalah dianggap sebagai terlalu optimistik oleh pemimpin-pemimpin perusahaan tersebut.

Berhadapan dengan akaun defisit semasa yang besar, Menteri Kewangan telah memilih untuk meningkatkan pengeluaran petroleum sebanyak 18.6% dalam tahun 1986, dari 430,000 tong sehari sekarang kepada 510,000 tong sehari. Beliau juga berharap setiap tong minyak akan perolehi harga US\$26 setong. Laporan terbaru menunjukkan pemimpin-pemimpin OPEC telah lebih menumpang harga petroleum memandangkan "undercutting" yang dilakukan oleh negara-negara bukan anggota OPEC. Harga setiap tong dijangka menurun kepada kira-kira US\$20 dalam tahun 1986.

Besar kemungkinan kadar pertumbuhan sebanyak 6% yang diramalkan untuk tahun 1986 dijangka lebih rendah. Hasil juga tidak akan sampai ke \$22,121 juta seperti dijangka. Keseluruhan defisit yang dianggarkan ialah \$7,441 juta dan ini mungkin akan meningkat lagi.

Perbelanjaan hendaklah dikurangkan tetapi ini tidaklah boleh dibuat dengan mengorbankan kesihatan, pelajaran dan pembangunan ekonomi yang perlu. Akaun Agensi-agensi di Luar Belanjawan hendaklah dikurangkan memandangkan rekod lamanya di mana perbelanjaan dibuat ke atas projek-projek yang tidak feasible. Tidak ada guna untuk menjimat wang dengan mengurangkan perbelanjaan mengurus dan pembangunan sementara Agensi-agensi di Luar Belanjawan meneruskan dengan perbelanjaan yang banyak dan kemudian datang ke Parlimen untuk meminta diluluskan lebih banyak wang apabila peti wangnya kosong.

Timbalan Menteri Kewangan telah berkata bahawa kini terdapat 913 Agensi-agensi di Luar Belanjawan. Tidak ada butir-butir diberitahu tentang Agensi-agensi di Luar Belanjawan kecuali agensi-agensi seperti PETRONAS, MAS, LLN dan Telekom.

Kewujudan Agensi-agensi di Luar Belanjawan hanya diketahui apabila pinjaman-pinjaman besar yang diperolehi oleh agensi-agensi tersebut didedahkan sejak beberapa tahun ini. Berbilion-bilion ringgit hutang telah ditanggung oleh agensi-agensi tersebut dan hutang-hutang tersebut termasuk hutang asing dan hutang tempatan. Apabila hutang asing agensi-agensi tersebut menjejaskan akaun semasa, barulah perhatian diberikan kepada Agensi-agensi di Luar Belanjawan dan pertanyaan-pertanyaan pula mula timbul.

Sebuah bank asing utama iaitu Chase Bank dalam Laporan Ekonominya telah menganggarkan bahawa hutang asing Malaysia pada akhir tahun 1985 adalah berjumlah \$50 bilion bukan \$40 billion. Ini adalah ekses lebih sebanyak \$10 bilion daripada angka yang diberikan oleh Perbendaharaan yang mana angka-angka yang diberikan oleh pihak Perbendaharaan lazimnya adalah dicurigai. Satu perkiraan simple akan menunjukkan bahawa bayaran faedah sahaja ke atas hutang asing akan berjumlah kira-kira \$5 bilion dan ini adalah satu jumlah yang besar untuk dibayar.

Beberapa buah Agensi-agensi di Luar Belanjawan ini telah ditubuhkan oleh Kerajaan Persekutuan sementara yang lain pula oleh Kerajaan Negeri. Setiap negeri mempunyai Perbadanan Kemajuan Ekonominya sendiri dan setiap Perbadanan Kemajuan Negeri telah pula menubuhkan syarikat-syarikat dan anak-anak syarikatnya sendiri. Akibat ini, kini kita diberitahu bahawa terdapat kira-kira 913 Agensi-agensi di Luar Belanjawan.

Apabila Dasar Ekonomi Baru dilancarkan lima belas tahun dahulu, seluruh jentera Kerajaan di peringkat Pusat dan Negeri telah bekejar untuk mencapai matlamat menguasai 30% sektor korporat bagi orang-orang bumiputera. Tidak sesiapa yang menyoal akan feasibility Agensi-agensi di Luar Belanjawan ini kerana tidak seorang pun rela dipanggil sebagai anti DEB (Dasar Ekonomi Baru).

Penubuhan lebih banyak lagi Agensi-agensi di Luar Belanjawan akan juga mewujudkan pekerjaan serta memberi latihan kepada golongan korporat baru bumiputera. Gaji yang ditawarkan bagi pekerja-pekerjanya adalah baik, wang modal mudah diperolehi dari Perbendaharaan atau bank-bank dengan dijamin oleh Kerajaan.

Malangnya dari segi prestasi O.B.A. tidak menikmati keuntungan kecuali beberapa agensi tertentu sahaja. Di Negeri Sembilan sahaja, Gula Negeri Sembilan telah ditubuhkan untuk menanam dan mengeluarkan gula akan tetapi salah pengurusan dan perkiraan silap telah menjahanamkan projek tersebut. Hutang hampir \$100 juta telah ditanggung dan sehingga hari ini Kerajaan Negeri Sembilan masih belum sembuh lagi dari kerugian besar yang dialaminya itu.

Laporan Ekonomi telah mengatakan bahawa satu kajian yang dijalankan ke atas 40 buah Agensi-agensi di Luar Belanjawan, Daripada kajian ini didapati bahawa cuma PETRONAS, LLN, Telekom dan MAS yang mempunyai kelebihan dan surplus dalam akaun semasanya dengan PETRONAS memiliki akaun semasa yang terbesar sekali. Namun, kelebihan atau surplus ini adalah dijejaskan akibat perbelanjaan pembangunan yang besar, yang pula menyebabkan defisit besar pada keseluruhannya khasnya bagi Telekom dan LLN. Adalah amat perlu untuk

mengurangkan jurang pembiayaannya supaya pinjaman asing dapat dikurangkan.

Perbadanan Industri Berat Malaysia (HICOM) adalah satu agensi di Luar Belanjawan yang akaunnya tidak dibentangkan di dalam Parlimen untuk pemeriksaan. Adakah baik untuk menjual semua kereta Proton Saga yang dikeluarkan setakat ini, tetapi disebabkan setiap kereta tersebut disubsidikan, berapa lamakah dan selepas menjual berapa banyak keretakah "break even point" dapat dicapai? Lebih banyak subsidi diberi, lebih banyak pinjaman luar negeri terpaksa diperolehi dan ini tidaklah baik kerana hutang luar sebanyak 50 billion telah mengenakan kesan yang besar terhadap belanjawan kita.

Adalah jelas Agensi-agensi Di Luar Belanjawan kini sukar dikawal. Satu kajian yang menyeluruh tentang Agensi-agensi Di Luar Belanjawan (OBAs) harus dibuat oleh sebuah Jawatankuasa Pilihan Parlimen dan laporan mengenai kajian tersebut dibentangkan secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan krisis survival ekonomi di negara sudah sampai. Berita yang paling memeranjatkan serta menyedihkan baru-baru ini ialah berkaitan dengan bijih timah yang timbul apabila Pengurus Stok Penimbang Majlis Bijih Timah Antarabangsa mengumumkan bahawa tiada wang lagi untuk menyokong harga bijih timah. Mujurnya pertukaran bijih telah digantungkan dengan serta-merta kerana jika tidak, rebutan akan berlaku dan pasaran bijih timah akan musnah. Harga bijih timah telah menghadapi tekanan sekian lama ini. Selain daripada kemelesetan ekonomi, juga terdapat stok penimbang yang besar di pasaran, tetapi masa kecemasan telah berlaku apabila China dan Brazil menjual bijih timahnya dengan harga-harga yang lebih rendah kerana mereka adalah pengeluar-pengeluar kos rendah.

Harga getah telah turun ke paras \$1.60 setiap kilogram. INRO (Majlis Pengeluar-pengeluar Getah) tidak dapat buat apa-apa walaupun harga getah semakin menurun. Ramai pekebun-pekebun kecil telah mengabaikan kebun-kebun mereka. Keadaan ini lebih teruk di ladang-ladang di mana ladang-ladang getah menukar kepada penanaman kelapa sawit. Sungguhpun Malaysia masih adalah pengeluar utama getah, namun negara Indonesia akan menyaingi kita dalam tahun 1990 dan dalam tahun 2,000 kedua-dua negara tersebut adalah pengeluar-pengeluar kos rendah.

Tuan Yang di-Pertua, untuk elakkan sikap berpuas hati negara maju, Malaysia tidaklah seharusnya terperangkap dalam sikap berpuas hati atau "complacency" seperti berlaku di beberapa buah negara perindustrian di mana kilang-kilang mereka masih meneruskan dengan cara-cara pengeluaran yang lama. Tekstil, kasut dan kereta-kereta mereka adalah berharga tinggi berbanding dengan tekstil yang dikeluarkan oleh Hong Kong dan Taiwan dan kereta dari Jepun. Banyak kilang-kilang telah ditutup dan pengangguran telah meningkat. Akibat Amerika Syarikat umpamanya, mengenakan langkah-langkah perlindungan seperti terkandung dalam Rang Undang-undang Jenkins. Jentera industri Jepun telah musnah selepas perang dunia kedua tetapi dengan modenisasi dan perancangan barang-barang kini diminta di seluruh dunia kerana mutu dan harganya yang competitive. Perdana Menteri, Dr Mahathir telah menyeru setiap orang Pandang Ke Timur, tetapi pengajaran yang didapati dari Jepun masih belum lagi menunjukkan apa-apa hasil. Lebih banyak lagi tarif dikenakan pula ke atas industri-industri tempatan seperti HICOM, besi keluli dan simen. Besi kita adalah sangat mahal dan simen

kita juga adalah sangat mahal kalau dibandingkan dengan simen yang diimport dari luar negeri.

Ada orang cakap Proton Saga murah, tetapi saya ingat murah dengan harga \$17,000 tetapi kalau dibanding harga kereta yang dikeluarkan daripada Korea Selatan yang dijual ialah harganya sahaja \$12,000 dan harga kereta-kereta yang dikeluarkan oleh Yugoslavia \$8,000 sahaja. Kalau Saga mahu eksport, dia mesti mahu eksport, kalau tidak eksport Saga, akan lagi rugi, tak boleh tahan subsidi itu, mana kita boleh compete dengan kereta-kereta lain, teruskan.

Ada satu contoh yang baik dalam negara di mana industri ada dapat kejayaan. Ini berkenaan ternakan ayam atau "poultry farming" dan ini adalah satu contoh yang baik di mana kecekapan dan kerajinan telah menghasilkan daging dan telur yang berzat dengan harga yang murah. Sebenarnya harga sebiji telur adalah hampir sama dengan 10 tahun dahulu. Penternak-penternak ayam tidak menerima apa-apa subsidi atau galakan dan disebabkan keuntungan mereka adalah sedikit, bantuan hendaklah diberi kepada mereka dalam bentuk pengecualian cukai ke atas makanan ternakan atau "feedstocks". Ayam-ayam yang dijual sangat murah di negara kita dan ia dieksport ke Singapura. Ini menunjukkan poultry farming ada dapat kejayaan. Kita mahu ikut contohnya.

Tuan Yang di-Pertua, Suruhanjaya khas untuk mengkaji dan mengesyorkan langkah-langkah untuk survival ekonomi. Menteri Kewangan telah memberi insentif bagi pelancongan, pertanian dan pembuatan. Walaupun langkah ini harus dipuji, namun ia adalah kurang mencukupi untuk membantu memperkukuhkan sebuah ekonomi yang menghadapi kesulitan. Sebuah Suruhanjaya khas hendaklah

ditubuhkan untuk mencari sebab-sebabnya petani-petani mengadu tentang kekurangan tanah dan disebabkan itu harga sayur-sayuran, daging dan buah-buahan adalah tinggi dan juga bekalan sayur-sayuran, daging dan buah-buahan tidak mencukupi. Apakah penyelidikan yang cukup telah dilakukan untuk "mechanise" pertanian, kebun-kebun kecil dan ladang-ladang untuk meningkatkan pengeluaran para petani, penoreh getah dan pemetik kelapa sawit?

Ahli-ahli perniagaan, pedagang-pedagang dan pembuat-pembuat mengadu tentang terlalu banyak peraturan, red-tape dan rasuah yang meninggikan kos pengeluaran. Akta Penyelarasan Perusahaan (ICA) telah menjejaskan dan bukan sebaliknya membantu sehingga Akta ICA itu dipanggil Industrial Control Act, bukan Coordination Act.

Struktur tarif juga harus dirombak semula untuk membantu semua industri supaya lebih kompetitif dan murah kalau dibanding consumer goods ada ditunjuk dalam kedai-kedai atau kompleks-kompleks di Malaysia dan Singapura, kita nampak harga consumer goods di negara kita sangat mahal, lebih 50% sampai 100%. Ini menunjukkan kita mesti revise struktur tarif kita.

Sumber manusia hendaklah diguna dan dilatih supaya dijadikan lebih kreatif dan inovatif untuk meningkatkan pengeluaran serta mengurangkan kos. Inilah perkara-perkara dan persoalan-persoalan yang harus ditimbang dan Suruhanjaya tersebut hendaklah membentangkan satu laporan penuh demi survival terusan ekonomi negara kita. Mungkin Menteri Kewangan akan jawab bahawa beliau telah merangka satu Pelan Induk Industri, tetapi pelan tersebut hendaklah dikaji oleh Suruhanjaya tersebut dan pandangan

orang ramai diperolehi. Parlimen juga hendaklah membahaskan pelan tersebut. Sekiranya pelan tersebut dilaksanakan tanpa perbahasan, ia tidak akan begitu berjaya seperti Akta Penyelarasan Perusahaan (ICA).

Tuan Yang di-Pertua, faktor-faktor negatif yang menghalang pemulihan ekonomi. Kemelesetan ekonomi kini telah menyebabkan ahli-ahli perniagaan dan pembuat-pembuat menghadkan perniagaan mereka atau "to go on hold". Insentif-insentif yang terkandung dalam Belanjawan adalah dialu-alukan, tetapi insentif-insentif ini telah diberi sedikit lambat. Perniagaan buat ketika ini adalah tidak bagus dan mungkin akan bertambah buruk. Keupayaan pengeluaran kilang telah dikurangkan kepada paras separuh sahaja. Mereka akan bersukacita sekiranya mereka dapat hidup atau survive kemelesetan ini. Maka dengan itu cakap-cakap mengenai peluasan perniagaan adalah premature pada saat ini.

Perkembangan-perkembangan politik seperti krisis MCA dan masalah di Sabah telah menyebabkan ketidaktentuan di kalangan pelabur-pelabur, baikpun pelabur-pelabur asing atau tempatan. Percubaan politik oleh USNO untuk merampas kuasa daripada parti PBS, parti yang memegang majoriti kerusinya telah menjejaskan imej Malaysia di kalangan antarabangsa. USNO dikatakan disokong secara sulit oleh beberapa partai tertentu di Kuala Lumpur. Mereka ini sebenarnya membahayakan tujuan Belanjawan untuk memulihkan ekonomi.

Faktor negatif utama ialah polarisasi kaum yang bukan sahaja melibatkan pelajar-pelajar kita di sekolah-sekolah, kolej-kolej dan universiti-universiti tetapi juga komuniti perniagaan. Peniaga-peniaga dan tuan-tuan punya perusahaan-perusahaan kecil merasai kesan diskriminasi dalam pemberian

lesen-lesen, tender-tender dan kontrak-kontrak oleh Kerajaan. Peluang perniagaan sukar didapati kerana orang-orang bumiputera memperoleh kebanyakan lesen-lesen, tender-tender dan kontrak-kontrak sementara orang-orang bukan bumiputera terpaksa bersabar dengan apa yang tertinggal sahaja.

Menteri Kewangan harus bertindak ke atas masalah polarisasi kaum ini serta menyahut seruan DAP agar sebuah Suruhanjaya Khas ditubuhkan untuk mengkaji masalah tersebut dan mengemukakan laporannya beserta dengan resolusi-resolusinya.

Tuan Yang di-Pertua, pada akhirnya perkara berkenaan dengan pengangguran. Khabaran mengenai pengangguran adalah muram atau dengan izin, gloomy. Laporan Ekonomi menyatakan bahawa anggaran pengangguran adalah 414,200 atau 7% dari tenaga kerja. Angka-angka ini seharusnya lebih tinggi. Penutupan kilang-kilang elektronik telah menyebabkan pemberhentian kerja beribu-ribu pekerja iaitu 12 1/2% dari tenaga kerja elektronik. Perusahaan bijih timah dengan penurunan harga bijih timah mungkin akan menyebabkan pemberhentian pekerja kira-kira 8,000 pekerja. Di seluruh negara emporium-emporium dan peniaga-peniaga kecil sedang memberhentikan pekerja-pekerja mereka. Dua kilang kereta utama telah juga memberhentikan pekerja-pekerja mereka. Kilang kereta untuk mengassemble atau pembuat kereta itu UMW dan kilang yang membuat kereta Honda.

Pekerja-pekerja Malaysia kini sedang pulang dari Singapura dan Asia Barat. Anggaran bilangan mereka adalah lebih kurang 60,000 ke atas dan bilangan penganggur-penganggur yang sebenarnya mungkin sekurang-kurangnya 100,000 lagi atau berjumlah 514,000 dan ini bermakna kadar

pengangguran sebanyak 8 hingga 9% bukan 7%. Perkara ini adalah serius dan langkah-langkah serta-merta hendaklah diambil untuk mengatasi keadaan ini. Pekerja alternatif hendaklah dicari. Satu program hendaklah dimulakan untuk membantu mereka untuk mendapat career yang baru atau menjadi self-employed. Masalah pendatang-pendatang haram haruslah dihadapi dan Pasukan Petugas VII hendaklah menunjukkan hasil yang positif. Pendatang-pendatang haram kini telah merampas kerja pemuda-pemuda kita dalam bidang pembinaan, ladang-ladang malah perniagaan kecil juga. Pendatang-pendatang haram harus ditangkap dan dihantar balik ke negara mereka.

Tanah hendaklah dibahagikan kepada penganggur-penganggur untuk membantu mereka bercucuk tanam atau menternak. Arah-anarah hendaklah dikeluarkan kepada majlis-majlis bandaraya, perbandaran atau majlis tempatan supaya mengeluarkan lesen kepada peniaga-peniaga kecil dan bukan sebaliknya mengganggu mereka yang hanya cuba mencari rezeki. Satu cara yang paling berkesan ialah untuk menggalakkan perusahaan perumahan. Permintaan bagi perumahan kos rendah dan sederhana di bawah harga \$100,000 adalah besar. \$500 juta telah diperuntukkan bagi pembiayaan "end-financing" untuk rumah-rumah kos rendah daripada Menteri Kewangan. Amaun ini harus digandakan dua atau tiga kali lagi.

Sebanyak \$1 billion yang dimasukkan ke dalam pasaran saham untuk menggalakkan perdagangan dan menyumbang harga saham merupakan satu kegagalan. Wang tersebut telah masuk ke dalam kocek speculator dan orang-orang asing yang menjual saham-saham mereka dengan cepat. Wang ini sebenarnya boleh

dibelanjakan untuk pembinaan rumah-rumah kos rendah dan bukan dalam satu stock market.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

Dr Chen Man Hin: Ada dua paragraph lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan, jangan panjang sangat.

Dr Chen Man Hin: Yang akhirnya, langkah-langkah hendaklah diambil untuk mengurangkan kadar cagaran bagi membolehkan pembelian rumah-rumah dan langkah sedemikian akan menggalakkan para pengguna membeli rumah-rumah kos rendah.

Satu industri perumahan dan pembinaan yang kembang subur akan dapat menampung sebilangan besar penganggur-penganggur kita.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Kluang.

5.16 ptg,

Tuan Quah Wee Liam (Kluang): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Belanjawan Tahun 1986 yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 25hb Oktober yang lalu. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syabas kepada beliau kerana telah bertungkus-lumus untuk memperkenalkan suatu Belanjawan yang tidak menyusahkan rakyat jelata, terutamanya kepada mereka yang miskin dan yang berpendapatan rendah.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang kita semua maklum, masalah yang mendesak pada masa ini dan yang telah diberi perhatian sepenuhnya ialah masalah prestasi ekonomi negara kita yang tidak begitu cerah bukan kerana kejatuhan harga di pasaran luar dan

dalam untuk keluaran utama kita, bahkan juga kerana pertumbuhan ekonomi negara tidak seperti yang diramalkan. Tambahan pula suasana politik yang agak tenang telah menjadikan usaha Kerajaan untuk melegakan kedudukan ekonomi kita lebih rumit.

Tuan Yang di-Pertua, memang tidak boleh dinafikan bahawa pada masa kemelesetan ini adalah perlu dan wajar bagi semua pihak yang terlibat mahupun di dalam arena politik ataupun di bidang perniagaan untuk mengeneppikan segala perbalahan dan seterusnya berganding bahu untuk memajukan masa hadapan negara kita. Jangan kerana hendak memperjuangkan kepentingan sendiri, kepentingan negara dikebelakangkan sahaja.

Saya perhatikan bahawa setakat ini Kerajaan kita hanya mengambil langkah untuk mengatasi masalah ekonomi apabila sahaja telah sampai kepada peringkat yang serius. Sebaliknya, saya ingin mengesyorkan sebagai pendekatan baru iaitu Kerajaan kita patutlah membuat satu kajian mendalam untuk mengenalpastikan segala kelemahan yang selalunya dihadapi oleh apa jua sektor di dalam ekonomi negara dan secara otomatisnya dilaksanakan langkah yang tertentu untuk memperindungi ekonomi kita. Tindakan yang diambil secara ad-hoc walaupun dapat melegakan kesulitan pada jangka masa pendek tidak dapat menyelesaikan masalah ekonomi kita pada jangka masa yang panjang.

Untuk memberi gambaran yang lebih jelas tentang penderitaan kewangan yang kini dialami oleh golongan miskin dan berpendapatan rendah akibat zaman kemelesetan ini, izinkan saya menyebut satu contoh di kawasan saya di Keluang. Pada awal tahun ini sekeluarga peneroka FELDA boleh mendapatkan pendapatan bersih

sekurang-kurangnya \$800 sebulan, setelah di tolak bayaran balik kepada Kerajaan. Amaun yang tersebut mungkin dapat menampung keperluan harian serta perbelanjaan persekolahan anak-anak dan membayar balik berbagai hutang. Tetapi pada masa ini dukacitalah pendapatan bersih yang dapat dinikmati adalah lebih kurang \$300 atau \$400 sebulan sahaja. Ini dengan terangnya menunjukkan iaitu keluarga tersebut berkurangan pendapatan dan sekiranya ditinjau pada keseluruhannya keadaan ini telah menimbulkan satu masalah negara bagaimana Kerajaan kita dapat bertindak untuk meringankan kesulitan yang dihadapi oleh golongan seperti yang saya sebutkan. Keraguan tentang kemampuan Kerajaan kita untuk benar-benar menolong mereka serta keraguan terhadap harga rendah untuk keluaran utama yang semakin merosot.

Tuan Yang di-Pertua, inilah yang menjadi pokok kekhuatiran golongan tersebut. Di sini saya merayu agar Kerajaan kita dapat menimbangkan supaya bayaran balik mereka dibekukan atau ditundakan kerana mereka yang terlibat sebenarnya tidak cukup makan dan oleh itu bagaimanakah dapat mereka hidup dengan senang hati sekiranya baki pendapatan setelah ditolak bayaran balik kepada Kerajaan adalah tidak cukup untuk menampung kehidupan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, supaya orang ramai tidak selalunya bergantung kepada Kerajaan untuk segala kemewahan maka saya rasa Kerajaan kita patut melancarkan satu kempen untuk mendidik semula pemikiran rakyat jelata tentang amalan berdikari. Orang ramai patut diingatkan bahawa Kerajaan hanya memperuntukkan segala kemudahan asas dan kemewahan hidup berpunca dari kemampuan seseorang untuk bekerja

kuat atas daya usahanya sendiri. Orang yang rajin akan maju ke hadapan, manakala orang yang malas akan ketinggalan di belakang. Kerajaan kita patutlah menghidupkan semula konsep berdikari supaya rakyat jelata tidak mempersalahkan Kerajaan setiap kali mereka menghadapi rintangan dalam penghidupan mereka.

Dalam pada itu saya menyokong usaha Kerajaan kita menswastakan beberapa buah agensi Kerajaan. Sebenarnya penswastan bukan satu perkembangan baharu. Di England Jabatan Telekom telah juga dtswastakan. Begitu juga dengan British Airways. Ini bukan bererti bahawa kita patut ikori jejak langkah pihak British. Dasar kita haruslah berasaskan kepada kepentingan negara ini pada masa hadapan. Saya menyokong konsep penswastan ini bukan kerana ini akan meringankan tanggungjawab Kerajaan kita tetapi penswastan akan membawa kepada persaingan dan ini akan memberi dorongan kepada pertumbuhan daya usaha tersendiri akibatnya adalah baik kerana mutu perkhidmatan dapat dipertingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang Dasar Pelajaran, saya mengalu-alukan tindakan Kerajaan untuk menumpukan bantuan kewangan hanya kepada mereka yang ingin meneruskan pelajaran tinggi mereka di universiti-universiti tempatan sahaja. Langkah ini bukan sahaja dapat menjimatkan pengaliran wang keluar negeri tetapi akan dapat memastikan corak hidup serta unsur-unsur kebudayaan negara tidak kehilangan kemurniannya kerana dipengaruhi oleh unsur-unsur kebudayaan barat yang memang tidak sesuai kepada adat resam masyarakat kita.

Tuan Yang di-Pertua, kejatuhan darjat bahasa Inggeris adalah satu perkara yang sangat membimbangkan.

Walaupun Bahasa Malaysia adalah bahasa rasmi, pengetahuan di dalam bahasa Inggeris akan menambahkan peluang di pelbagai bidang kepada sesiapa yang berminat mempelajarinya. Oleh itu, supaya negara kita tidak ketinggalan di dalam memainkan peranan yang bermakna pada peringkat antarabangsa maka Kerajaan kita patut memberi segala galakan kepada semua pelajar untuk mempelajari bahasa Inggeris. Semua kaum akan mendapat faedah kerana Bahasa Inggeris sebagai satu bahasa antarabangsa memang membawa manfaat yang abadi kepada sesiapa yang mengetahuinya. Saya berharap Kerajaan jangan tunduk kepada seruan-seruan dari puak-puak yang tertentu yang menentang penggunaan Bahasa Inggeris konohnya penggunaan luasnya akan melemahkan kedudukan Bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi kita. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merupakan dua daripada beberapa pemimpin negara kita yang berpengetahuan dalam bahasa Inggeris dan kefasihan mereka di dalam penggunaan bahasa ini di forum antarabangsa amatlah membanggakan kita semua. Saya berharap bahasa mahupun bahasa Inggeris ataupun Bahasa Malaysia tidak diperalatkan sebagai isu politik kerana ini hanya akan merugikan negara dan rakyatnya.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan konsep integrasi antara sekolah-sekolah terpilih yang akan dilaksanakan, saya merayu kepada Kerajaan supaya jangan tergesa-gesa melancarkan konsep itu sebelum dikaji dengan mendalam segala implikasi khususnya perasaan syak wasangka yang wujud di kalangan kaum Cina dan India tentang kejujuran Kerajaan dalam melaksanakan konsep integrasi tersebut. Pada awal 60an memang tidak perlu diadakan integrasi seumpama ini, kerana murid-murid daripada berbagai kaum secara

spontan dan tulen telah dapat merapatkan perhubungan mereka dalam suasana penuh muhibah dan persahabatan.

Pergaulan secara bebas wujud tanpa apa-apa campur tangan dari pihak berkuasa. Saya berpendapat bahawa satu langkah yang berkesan untuk menanam semangat tolak ansur dan persefahaman di antara semua kaum khususnya pada peringkat sekolah adalah bagi Kementerian Pelajaran mewajibkan guru-guru menitik-beratkan -tentang perpaduan negara sejajar dengan prinsip Rukunegara kita semua yang mendokong cita-cita hendak memelihara wujudnya dan perkembangan satu masyarakat yang liberal di mana anggotanya bebas mengamalkan agama, adat resam dan kebudayaan masing-masing sesuai dengan kepentingan perpaduan negara.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang dasar luar kita beberapa tahun telah berlalu semenjak tentera Vietnam mencerooboh kedaulatan negara Kampuchea dan walaupun ketetapan demi ketetapan telah dibuat oleh pihak ASEAN serta Bangsa-bangsa Bersatu menggesa supaya pihak Vietnam mengundur diri dari Kampuchea, nampaknya pihak Vietnam masih degil dan langsung tidak menghiraukan seruan itu.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun pihak Vietnam berkelakuan demikian, ASEAN pada amnya dan negara kita khususnya mesti meneruskan usaha mencari jalan damai untuk menyelesaikan masalah Kampuchea. Ini adalah kerana kejadian di Kampuchea menjejaskan keselamatan Mataysia dan selagi masalah Kampuchea tidak dapat diatasi maka ada kemungkinan besar persengketaan itu akan merebak ke bahagian yang lain di rantau ini menyebabkan pengorbanan jiwa dan harta dan

akhirnya tidak ada sesiapa pihak yang akan menerima faedah kecuali kuasa-kuasa besar yang berpeluang untuk terus menapak kaki di rantau ini untuk melanjutkan pengaruh dan kepentingan masing-masing dan dengan itu akan terus menghampakan usaha kita untuk menjadikan konsep ZOPEAN, dengan izin. Zone of Peace and Neutrality sebagai satu kenyataan.

Memandangkan bahawa masa hadapan di mana tidak menentu bagi rantau ini maka saya suka mengingatkan Kerajaan supaya berwaspada pada setiap masa untuk menghadapi sebarang cabaran yang mungkin timbul. Saya berharap masalah pertahanan negara kita tidak diabaikan walaupun terdapat kemelesetan ekonomi. Sebaliknya Kerajaan mesti bersedia untuk melatih serta melengkapi anggota keselamatan kita dengan pengetahuan dan kelengkapan moden supaya Angkatan Tentera kita tidak ketinggalan zaman.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya menyokong Belanjawan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Hilir Padas.

5.44ptg.

Tuan Mohamed Yusof bin Haji Yakob (Hilir Padas): Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri ingin mengambil serta di dalam perbahasan ucapan Belanjawan 1986 yang telah dilafazkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 25hb Oktober, 1985. Saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada beliau yang mana telah dapat membentangkan Belanjawan tersebut dengan begitu adil dan saksama.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membicarakan beberapa perkara yang disentuh di dalam ucapan tersebut, pertama-tamanya saya ingin menyentuh atas cadangan Kerajaan

untuk mengurangkan keenggotaan Perkhidmatan Awam memandangkan saiz Perkhidmatan Awam Malaysia adalah yang terbesar jika dibandingkan dengan beberapa negara lain.

Tidak siapa dapat menafikan bahawa di negara ini Perkhidmatan Awam adalah merupakan majikan yang terbesar. Kenapa ini harus berlaku? Memang benar di negara Jepun umpamanya, bagi tiap-tiap 25 orang penduduk, seorang daripadanya adalah pegawai Kerajaan dan ini memanglah lebih tinggi dari Malaysia yang mana tiap-tiap 17 orang penduduk seorang daripadanya ialah pegawai Kerajaan.

Kita harus menyedari bahawa di negara Jepun itu adalah lebih industrialised, dengan izin, dari negara kita. Ini sudah pasti bermakna lebih ramai penduduk di negara Jepun boleh diresapkan di dalam perkhidmatan swasta terutamanya di bidang perusahaan perindustrian. Saya memang setuju cadangan Kerajaan untuk mengurangkan keenggotaan Perkhidmatan Awam tetapi sebelum ia dilaksanakan, Kerajaan harus ada sesuatu perancangan atau program untuk membolehkan para penduduk berkenaan di negara ini diresapkan di dalam perkhidmatan swasta. Kalau tidak ada sesuatu program sudah pasti timbul satu keadaan di mana peratusan pengangguran di negara ini akan pasti meningkat. Kita harus menyedari bahawa pengangguran sudah pasti akan menggugat kestabilan negara.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Kerajaan telah banyak berkorban demi kepentingan Perkhidmatan Awam sehinggakan negara inilah satu-satu negara di rantau ini yang mempunyai saiz Perkhidmatan Awam yang terbesar sekali.

Di dalam membicarakan tuntutan CUEPACS untuk memohon kenaikan gaji kakitangan Kerajaan, memanglah

ini satu perkara yang biasa. Saya kira tentu sekali kita ingin kepada gaji yang berlebihan tetapi apakah kita sedar mengenai kesannya terhadap masyarakat yang lain yang tidak berkesempatan berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam?

Kenaikan gaji bermakna Kerajaan harus menambah perbelanjaan. Di dalam hemat saya, Tuan Yang di-Pertua, di ketika kita menghadapi kemelesetan ekonomi ini kita semua harus berkorban dan mungkin di suatu ketika nanti di mana ekonomi lebih mengizinkan kenaikan gaji ini boleh dilaksanakan.

Sebenarnya kenaikan gaji ini akan pasti melibatkan kenaikan kadar inflasi di negara ini. Siapakah yang akan menanggung bebanan dari kesan ini? Yang rugi sebenarnya ialah masyarakat terutama sekali mereka golongan petani, nelayan, penoreh getah yang sentiasa terpaksa mengharung hidup ini di dalam keadaan yang diibaratkan kais pagi, makan pagi; kais petang makan petang.

Kita seringkali meluahkan kata-kata pengorbanan. Apakah sebenarnya pengorbanan yang dikehendaki dari kita? Pengorbanan yang dikehendaki ialah pengorbanan yang sejati dari semua golongan masyarakat demi kepentingan bangsa dan negara. Justeru itu, kita semua termasuk kakitangan Perkhidmatan Awam mestilah berkorban demi kepentingan negara. Janganlah Kerajaan dipersalahkan semata-mata ia tidak boleh menunaikan kehendak dari sesuatu golongan masyarakat itu. Kerajaan saya kira sudah pasti mempunyai sebab-sebab yang tertentu untuk bertindak sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong cadangan Kerajaan supaya galakan-galakan cukai yang ada sekarang dijadikan lebih liberal untuk menarik lebih ramai lagi pelancong

dan juga menggalakkan pelancong dalam negeri. Memang galakkan-galakkan cukai yang dimaksudkan mungkin akan menarik pelancong datang ke negara ini.

Di dalam hemat saya demi menjamin bahawa penghijrahan pelancong-pelancong ini berterusan, saya mencadangkan supaya Kerajaan harus mengadakan sesuatu program yang lebih aktif lagi mengenai penggalakan ataupun, dengan izin, tourist promotion di luar negeri.

Di masa-masa yang lalu memang Kerajaan melalui TDC telah menghantar beberapa rombongan keluar negeri demi maksud tersebut. Apa yang mendukacitakan ialah kebanyakan dari rombongan ini wakil-wakil dari Sabah dan Sarawak selalunya tidak ikut bersama atau menyertai oleh kerana mungkin mereka tidak dijemput. Memandangkan bahawa Sabah dan Sarawak tidak kurang terdapat tempat-tempat pelancongan yang menarik, Kerajaan haruslah memberi perhatian yang berat demi memastikan bahawa pergalakkan pelancongan luar negeri bukan sahaja ditumpukan kepada Semenanjung Malaysia sahaja tetapi seharusnya ianya ditumpukan kepada Sabah dan Sarawak. Dengan yang demikian para pelancong yang datang ke negara ini akan lebih mengenali negara Malaysia yang indah dan permai ini.

Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan pelancong-pelancong dari luar negeri yang datang ke negara ini hanya tinggal tidak lebih dari dua minggu dan di dalam masa yang begitu singkat, tidak mungkin mereka arkan dapat mengenali seluruh Malaysia dengan mendalamnya. Orang yang berwajib di dalam mengenalkan Malaysia kepada para pelancong ini bukan sahaja ditujukan kepada pihak TDC. Di dalam hemat saya, pemandu-pemandu pelancong juga harus

mengambil peranan yang penting. Ini bermakna keharuman atau sebatiknya imej negara ini sedikit-sebanyak terletak di atas bahu para pemandu pelancong ini. Demi memastikan bahawa imej negara ini harus dijaga setiap masa, saya mencadangkan supaya sebarang kursus pemandu pelancong yang dikendalikan sama ada oteh Kerajaan ataupun pihak swasta mestilah dilaksanakan dengan lebih komprehensif yang semestinya meliputi pengetahuan sejarah negara ini, kebudayaan, ekonomi dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh sedikit mengenai dengan pengangkutan di negara ini terutama di Sabah. Saya berasa senang hati menyedari bahawa Kerajaan akan menguntukkan sebanyak \$1,359 juta bagi sektor pengangkutan, di mana sebanyak \$965 juta ialah untuk pembinaan jalan-jalan raya dan jambatan.

Tuan Yang di-Pertua, tidak ada seorang dapat menafikan bahawa pengangkutan dan perhubungan adalah penting, lebih-lebih lagi di negara yang sedang membangun seperti negara kita ini. Beberapa ketika dahulu di Dewan yang mulia ini, saya telah pernah menyuarakan dan mengutarakan masalah pengangkutan dan perhubungan yang melanda Negeri Sabah. Saya rasa tidak perlu bagi saya lagi huraikan satu persatu mengenai masalah tersebut kerana saya kira tentu sekali Kerajaan memang mengetahui masalah-masalah yang terutamanya mengenai kekurangan jalan-jalan raya dan kemerosotan atau keadaan jalan-jalan raya yang ada di Sabah ini kebanyakan di dalam keadaan yang paling menyedihkan. Namun demikian, saya ingin merayu Kerajaan sekali lagi supaya dapat mengambil perhatian yang berat dan seterusnya mengambil tindakan segera demi mengatasi masalah-masalah ini. Sejak merdeka lagi memang rakyat di

Sabah mengharap-harapkan supaya jalan raya-jalan raya terutamanya yang menghubungkan bandar ke satu bandar dapat dibina.

Saya tidak menafikan bahawa tidak ada jalan raya yang sedemikian dibina. Memang ada tetapi tidak banyak dan di antara yang telah dibina itu pun sedang berada di daiam keadaan menyedihkan. Jalan raya-jalan raya yang saya maksudkan ialah umpamanya jalan raya Beaufort-Sendumin, Beaufort-Menumbuk, Beaufort-Tenom, Sepitang Tenom, Ranau-Telupid dan beberapa jalan raya yang lain. Jalan raya Beaufort-Sendumin ini adalah sangat penting kerana ia terus menghubungkan pekan Merapok dan Lawas di Sarawak dan keadaan jalan raya ini pun kurang menyenangkan.

Apa yang menyedihkan, Tuan Yang di-Pertua, ialah pengguna-pengguna jalan raya-jalan raya yang saya sebutkan tadi senantiasa mengalami kesulitan dan kerumitan bukan sahaja kepada diri mereka sendiri kerana terpaksa terhuyung-hayang apakala memandu oleh kerana keadaan jalan raya berlubang di sana-sini dan licak di sana-sini tetapi juga mereka terpaksa mengalami kerosakan ke atas kenderaan mereka. Inilah yang sangat menyedihkan. Tambahan lagi apakala kita menyedari bahawa banyak pengguna-pengguna jalan raya tersebut adalah penghuni-penghuni luar bandar yang kebanyakannya orang yang tidak berkemampuan sungguhpun mereka mempunyai kenderaan. Sebenarnya kenderaan yang digunakan kebanyakannya ialah untuk mengeluarkan hasil-hasil pertanian dari kawasan tersebut. Kalaulah keadaan jalan raya sudah begitu rupa, bagaimanakah kita dapat menambah pengeluaran pertanian dan ini sudah pasti tidak mungkin. Oleh hal yang demikian saya merayu kepada Kerajaan supaya dapat menambah lagi peruntukan pengangkutan dan

perhubungan ke negeri Sabah yang masih jauh ketinggalan di dalam bidang ini.

Mengenai pengangkutan, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit sahaja mengenai dengan Sistem Penerbangan Malaysia ataupun MAS. Walaupun ada orang yang mengatakan bahawa makanan yang dihidangkan semasa penerbangan MAS tidak begitu sesuai tetapi bagi saya, rasa hidangan yang disajikan itu kalau dibandingkan dengan penerbangan negara-negara lain adalah lebih baik dan memuaskan. Namun pun demikian, saya tidak setuju mengenai dua perkara. Pertama, adanya minuman keras dihidangkan dan yang kedua kebanyakan dari anak-anak kapal selalu menggunakan bahasa asing terutama bahasa Inggeris apakala bertutur dengan penumpang-penumpang termasuk penumpang keturunan negara ini. Ini menunjukkan seolah-olah Bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi dan Bahasa Kebangsaan negara ini dilupakan begitu sahaja dan tidak diambil penting.

Tuan Yang di-Pertua, banyak sudah diperkatakan mengenai bahasa ini mahupun atas penggunaannya. Memang tidak ada orang mempersoalkan mengenai Bahasa Malaysia ini sebagai Bahasa Kebangsaan dan bahasa rasmi negara. Walaupun pada keseluruhannya bahasa ini diterima sebagai satu bahasa yang kaya yang patut dan yang semestinya ditempatkan ke tahap yang ianya harus diletakkan. Ada juga segelintir masyarakat yang meragui keupayaan bahasa ini sebagai satu bahasa pengantar, sebagai satu bahasa pertuturan dan sebagai satu bahasa itmuan.

Saya bersetuju dengan pendapat bahawa Bahasa Malaysia ini seperti juga dengan bahasa-bahasa yang lain adalah satu benda yang hidup yang

harus bergerak dan berkembang. Di dalam bergerak dan berkembang itulah kita harus berjaga-jaga supaya pertumbuhannya sebagai satu bahasa yang sihat dan kaya tidak akan terjejas. Ada orang yang mengatakan dan berpendapat bahawa Bahasa Malaysia haruslah diperkayakan dengan menambahkan istilah-istilah baru ke dalamnya. Walaupun pada dasarnya saya bersetuju dengan pendapat ini tetapi apa yang meragukan saya, Tuan Yang di-Pertua, ialah banyak istilah-istilah baru yang dipergunakan ke dalam bahasa Malaysia sebenarnya bukan istilah-istilah baru tetapi adalah istilah-istilah daripada bahasa asing terutamanya dari bahasa Inggeris. Apakah masyarakat kita tidak mampu lagi melahirkan istilah-istilah baru yang merupakan suatu istilah yang asli. Apa yang mendukacitakan saya ialah sebenarnya kebanyakan istilah-istilah bahasa Inggeris ini sebenarnya boleh digantikan dengan istilah-istilah Bahasa Malaysia yang saya rasa lebih sesuai dan merupakan istilah asli bahasa itu sendiri.

Ada orang mengatakan bahawa penerimaan istilah-istilah bahasa asing ini ke dalam Bahasa Malaysia sebenarnya bukan sahaja dilakukan ke atas Bahasa Malaysia sahaja tetapi juga ke atas bahasa-bahasa asing, seperti bahasa Inggeris. Memang benar banyak dari istilah-istilah di dalam bahasa Inggeris terdiri daripada bahasa-bahasa lain terutamanya dari bahasa Latin. Walaupun demikian apakah harus kita meniru atau mengikut langkah dan tindakan orang lain. Memang tidak salahnya bagi kita berbuat demikian. Tetapi sebelum kita mengambil sesuatu tindakan untuk meniru orang lain, kita harus mempunyai pendirian kita sendiri. Di dalam hemat saya, soal memperkayakan Bahasa Kebangsaan ini memang benar tertumpu juga ke atas semua lapisan masyarakat. Tetapi pihak yang paling berwajib untuk

melaksanakannya ialah Dewan Bahasa dan Pustaka.

Saya ingin tahu dari pihak yang berkenaan, apakah rancangan atau program mereka untuk memastikan bahawa Bahasa Malaysia ini adalah satu bahasa yang sentiasa kaya dan bermutu. Saya juga ingin tahu apakah ada rancangan mereka untuk mengambil istilah-istilah Bahasa dan pertuturan yang digunakan oleh berbagai-bagai suku kaum bumiputera umpamanya di Sabah dan Sarawak. Saya kira memandangkan bahawa ada terdapat berpuluh-puluh suku kaum di Sabah dan Sarawak, sudah pasti banyak istilah-istilah yang asli dan sesuai boleh diserapkan ke Bahasa Kebangsaan. Usaha ini bukan sahaja akan memperkayakan bahasa itu tetapnya juga satu langkah ke arah rakyat mencapai integrasi nasional yang tulin melalui bahasa.

Perkara yang kedua mengenai bahasa, Tuan Yang di-Pertua, ialah mengenai penggunaannya. Sebenarnya saya pernah membicarakan soal ini beberapa kali di Dewan yang mulia ini di beberapa ketika yang lalu. Kita semua meyakini bahawa Bahasa Kebangsaan ini adalah satu bahasa yang kaya yang boleh dipergunakan dengan berkesan sebagai bahasa pengantar dan bahasa ilmunan. Sementara mengakui bahawa bahasa ini kaya, ada segelintir masyarakat yang masih enggan atau sengaja tidak mahu menggunakan bahasa ini. Kalaupun ada mereka ini terpaksa berbuat demikian dan bukan secara sukarela. Saya yakin kalau sekiranya tindakan ke atas penggunaan Bahasa Malaysia tidak dibuat di Dewan yang mulia ini beberapa ketika yang lalu sudah pasti ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak akan menggunakan Bahasa Malaysia di Dewan ini.

Di dalam hemat saya untuk menghormati Bahasa Kebangsaan, kita harus menggunakan secara

sukarela dan bukan ketika dipaksa. Kita mahu bahasa ini digunakan dengan hati yang jujur dan ikhlas oleh masyarakat kita. Dengan yang demikian sahajalah yang akan memberikan mereka kesedaran bahawa Bahasa Malaysia ini adalah kepunyaan dan milik kita semua sebagai rakyat yang cintakan negara ini. Siapakah orang yang harus dipertanggungjawabkan untuk memastikan penggunaan Bahasa Malaysia ini selain daripada Dewan Bahasa dan Pustaka? Orang yang bertanggungjawab berbuat demikian ialah kita sendiri sebagai masyarakat di negara ini.

Apa yang mendukacitakan saya, Tuan Yang di-Pertua, ialah ada terdapat dari kalangan masyarakat yang lebih senang menggunakan bahasa asing dan anggapan setengah dari mereka bahawa Bahasa Malaysia ini adalah mutunya rendah dan hanya digunakan oleh orang-orang kampung sahaja.

Kalau kita pergi ke tempat-tempat awam seperti di kompleks beli belah, di restoran-restoran, hotel-hotel yang besar seolah-olah kita ini berada di tempat asing kerana hampir ke semua pekerja di tempat-tempat itu menggunakan bahasa Inggeris seolah-olah mereka ini sendiri tidak faham Bahasa Malaysia. Sudahpun demikian apa yang menyedihkan lagi ialah ada terdapat sebilangan kakitangan Kerajaan yang gemar menggunakan bahasa Inggeris di dalam urusan seharian. Ini termasuk pengendalian sesuatu mesyuarat. Ini mungkin seolah-oleh Kerajaan itu sendiri yang tidak mengindahkan pelaksanaan penggunaan Bahasa Malaysia itu sendiri. Apa yang mendukacitakan lagi ialah banyak dokumen dan risalah rasmi Kerajaan dicetak di dalam dua bahasa iaitu Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris seperti apa yang terdapat di Dewan ini.

Saya rasa semua Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini boleh membaca dan faham Bahasa Malaysia. Oleh yang demikian, saya mencadangkan supaya dokumen dan risalah yang diedarkan di Dewan ini tidak perlu lagi dicetak di dalam bahasa Inggeris kecuali ianya sangat memerlukan. Ini bukan sahaja akan menjimatkan kos perbelanjaan percetakan tetapi juga akan memberi galakan kepada semua Ahli Yang Berhormat dan orang-orang yang berkenaan menggunakan Bahasa Malaysia.

Seperkara lagi yang saya ingin bicarakan ialah mengenai penterjemahan bahasa Inggeris ke Bahasa Malaysia. Banyak istilah-istilah di dalam penterjemahan ke dalam Bahasa Malaysia yang saya anggap tidak begitu sesuai. Di dalam hemat saya, kebanyakan dari penterjemahan itu tidak mengambil kira istilah asli Bahasa Malaysia tetapi mengambil istilah Bahasa Inggeris itu sendiri dengan menukarejaan dan bunyiannya sahaja.

Saya bersetuju supaya seberapa banyak istilah-istilah baru dimasukkan atau diserapkan ke dalam Bahasa Malaysia. Namun pun demikian biarlah istilah-istilah itu merupakan istilah-istilah asli dan saya kira kita tidak kurang dengan istilah-istilah itu. Kalau pihak Dewan Bahasa dan Pustaka mempunyai atau menghadapi masalah di dalam memberi istilah-istilah yang sesuai di dalam penterjemahan ini, mereka haruslah menyelidiki perkara itu sedalam-dalamnya dan saya kira sudah pasti ada istilah-istilah asli yang sesuai daripada menggunakan istilah bahasa asing itu sendiri.

Sesuatu bahasa yang kaya dan berdaulat seharusnya boleh digunakan oleh semua lapisan masyarakat. Jika sekiranya pihak yang bertanggungjawab berterusan meng-

gunakan istilah-istilah bahasa asing sudah pasti sebilangan besar masyarakat terutamanya di luar bandar tidak akan dapat menggunakan bahasa itu dengan lebih berkesan. Saya ingin tahu apakah ada program dari Dewan Bahasa dan Pustaka untuk memberikan penerangan kepada masyarakat terutamanya di luar bandar mengenai istilah-istilah baru ini dan perkembangan bahasa ini?

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pengangkutan, saya ingin mencadangkan supaya Kerajaan dapat mengurangkan tambang penerbangan MAS dari Sabah dan Sarawak ke Semenanjung Malaysia dan vice-versa, dengan izin, dan dengan yang demikian, sudah pasti banyak lagi penduduk dari Sabah dan Sarawak akan dapat melawat ke negeri-negeri Semenanjung dan ini sudah pasti akan merapatkan lagi silatur-rahim yang sedia terjalin di antara rakyat di Sabah dan Sarawak dan Semenanjung dan ini secara langsung akan menyumbangkan daya usaha Kerajaan ke arah mencapai integrasi nasional.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh beberapa perkara mengenai soal dadah dan penyalahgunaan dadah. Memang sudah banyak diperkatakan mengenai hal ini. Siapa yang harus dipersalahkan atas gejala ini? Ada orang yang menyalahkan pengedar-pengedar dadah, tidak kurang juga yang menyalahkan ibu bapa dan Kerajaan tetapi hanya sedikit orang sahaja yang menyalahkan penagih-penagih dadah itu sendiri.

Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, kemerbahayaan dadah adalah atas penyalahgunaannya. Orang-orang yang menyalahgunakan dadah itu juga haruslah dianggap orang-orang yang merbahaya yang akan membahayakan masyarakat itu sendiri. Mereka yang terlibat ini ialah pengedar dadah dan juga penagih itu sendiri. Kita harus

menyedari bahawa penyalahgunaan dadah ini tidak akan timbul kalau salah satu dari mereka ini tidak wujud. Sekiranya tidak ada pengedar, memang tidak ada penagih dadah yang merbahaya ini dan kalau tidak ada penagih dadah, sudah pasti pengedar pun tidak wujud.

Oleh yang demikian di dalam hemat saya, jalan yang paling berkesan sekali untuk membanteras dadah ini ialah menghapuskan kewujudan pengedar dan penagih ini. Kerajaan memang sudah mempunyai langkah dan tindakan melalui beberapa undang-undang yang membolehkan Kerajaan menghukum dengan seberat-beratnya ke atas pengedar-pengedar dadah. Saya berpendapat bahawa demi untuk membenteraskan kegiatan penyalahgunaan dadah dengan lebih berkesan lagi, saya mencadangkan seseorang penagih dadah harus juga dihukum dengan hukuman yang setimpal kerana mereka juga adalah seolah-olah accomplice, dengan izin, kepada pengedar itu sendiri. Bukanlah hajat saya untuk menentang usaha pihak Kerajaan di dalam membina beberapa pusat pemulihan penagih dadah tetapi saya khuatir, Tuan Yang di-Pertua, bahawa seorang manusia itu kalau terlalu dimanjakan, sudah pasti ianya akan menjadi seorang yang tidak bertanggungjawab.

Saya mempunyai kepercayaan dan keyakinan bahawa seorang yang pernah mengalami penderitaan dan kesiksaan akan menjadi seorang yang lebih bertanggungjawab. Kalau seorang yang didapati bersalah itu diberi layanan tanpa menjatuhkan sebarang hukuman, sudah pasti ia akan melakukan perbuatan salah itu lagi, oleh kerana ianya tidak pernah mengalami siksa hasil dari kesalahan itu. Demi kepentingan masyarakat semua, saya mencadangkan supaya penagih-penagih dadah yang telah dewasa itu dijatuhkan hukuman yang

setimpal dengan harapan supaya mereka tidak akan mengulangi lagi perbuatan mereka itu.

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya pembicaraan mengenai hal keselamatan di Sabah menjadi pokok persoalan di akhir-akhir ini. Saya ingin bertanya kepada Kementerian Dalam Negeri sama ada keadaan keselamatan yang ada di Sabah dewasa ini akan sentiasa dapat dikawal dan dijamin demi memastikan bahawa keraguan rakyat terhadap ketidak-stabilan politik di negeri itu dapat diatasi.

Keselamatan adalah merupakan perkara yang terpenting di dalam hidup kita kerana tanpanya sudah pasti keraguan akan sentiasa mengawasi sanubari kita dan akhirnya segala kegiatan akan tidak dapat dilaksanakan dengan jayanya. Tidak ada manusia yang ingin hidup di dalam ketakutan dan semua kita mahu ingin hidup di dalam keadaan yang tenteram, aman dan sejahtera. Demi memastikan bahawa semua penduduk di Sabah terutamanya mereka yang menghuni di pulau-pulau yang berhampiran, hidup di dalam aman dan sejahtera, saya merayu kepada Kerajaan supaya menambahkan lagi kontingen keselamatan sama ada di darat mahu pun di laut. Kita harus menyedari bahawa pantai-pantai Sabah terutamanya di sebelah timur adalah kawasan yang selalu dilanda oleh serangan lanun di mana bukan sahaja musnahnya harta benda tetapi juga telah mengorbankan banyak nyawa. Perkara ini adalah amat serius yang tidak harus dibiarkan. Oteh hal yang demikian saya merayu pihak Kementerian berkenaan supaya dapat menumpu pengawalan tentera laut yang lebih ketat ke tempat-tempat yang saya maksudkan tadi.

Saya mencadangkan supaya satu pengkalan tentera diwujudkan di salah sebuah pulau yang saya sebutkan tadi

demi mengawal keamanan di persekitaran kepulauan tersebut. Saya berharap supaya insiden yang telah berlaku di pekan Lahad Datu tidak akan berulang lagi.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Ucapan Belanjawan tahun 1986.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Serian.

6.01 ptg.

Tuan Richard Dampeng anak Laki (Serian): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyertai rakan-rakan saya dari Sarawak atas perbincangan Belanjawan 1986 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 25hb Oktober, 1985.

Belanjawan 1986 adalah merupakan Belanjawan sederhana dan telah diterima oleh rakyat jelata tanpa banyak rungutan. Di atas perkara ini saya mengucapkan syabas kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan. Ini menunjukkan bahawa Kerajaan Barisan Nasional adalah sebuah Kerajaan yang sensitif terhadap kehendak-kehendak rakyat serta memahami akan kesulitan yang dialami oleh mereka. Belanjawan ini bolehlah dikatakan sangat sesuai biasanya dalam keadaan ekonomi dunia yang meleset.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh beberapa perkara yang dihadapi oleh kehidupan harian rakyat jelata, khasnya rakyat negeri Sarawak. Pertama saya ingin menyentuh cukai eksport lada hitam dan lada putih. Di sini saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan dan Kerajaan kerana telah menyambut seruan terutamanya Wakil Rakyat dari Barisan Nasional bagi pihak penanam-penanam lada di negeri Sarawak.

Mengenai cukai eksport ke atas lada hitam dan lada putih, dengan mengurangkan cukai tersebut telah memberi galakan kepada penanam-penanam lada hitam dan lada putih yang mana sejak awal tahun 50an lagi hanya baru sekarang harga lada mencapai harga pasaran yang menggalakkan. Dengan ini juga boleh menolong penanam-penanam lada mengeluarkan lebih banyak lagi lada dan seterusnya menambahkan pertukaran wang asing negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua saya ingin sentuh adalah mengenai import baja. Walaupun negara kita adalah negara yang menuju ke arah negara perusahaan perindustrian tetapi ia masih dianggap negara pertanian di mana pada dasarnya sektor pertanian masih memainkan peranan yang penting dalam aktiviti ekonomi negara ini.

Sebagaimana yang kita ketahui, di dalam bidang pertanian, selain dari tanah dan tenaga kerja, baja juga memainkan peranan yang utama. Di dalam hal ini saya ingin merayu kepada Kerajaan supaya mengurangkan cukai import ke atas baja, terutamanya baja yang tidak boleh didapati di negara ini, kerana dengan mengurangkan cukai import ini, sekurang-kurangnya dapat meringankan beban para petani dan peladang.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai perkara parit dan taliair terutamanya di negeri Sarawak. Walaupun Sarawak merupakan negeri yang terbesar di Malaysia di mana keluasan negeri itu hampir sama dengan keluasan seluruh Semenanjung, tetapi tanah yang sesuai untuk pertanian adalah sangat terhad. Ini disebabkan permukaan bumi Sarawak kebanyakannya sama ada terlalu berbukit atau terlalu swampy, dengan izin, too hilly or too swampy. Dengan itu, untuk menambahkan lagi tanah-tanah yang sesuai untuk

pertanian yang juga selaras dengan dasar baru Kerajaan untuk menggunakan sepenuhnya tanah-tanah, maka saya merayu supaya Kerajaan hendaklah memberi peruntukan yang lebih untuk parit dan taliair di negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam industri pelancongan, usaha Kerajaan untuk meningkatkan perusahaan ini adalah satu keputusan yang sangat wajar dan adalah kena pada masanya. Walau bagaimanapun, beberapa faktor hendaklah ditekankan di sini terutamanya menyediakan bilik-bilik hotel yang bukan sahaja kemas tetapi kadar sewa yang sederhana dan mencukupi untuk para pelancong. Di samping itu pihak-pihak yang terlibat dengan industri hotel ini hendaklah menyediakan para pekerja yang terlatih.

Saya juga ingin menekankan bahawa Kerajaan bukan sahaja perlu menyediakan pengangkutan awam yang mencukupi tetapi mempunyai pemandu-pemandu terutamanya pemandu-pemandu pengangkutan awam seperti bas, teksi dan sebagainya, mempunyai budi bahasa yang tinggi kerana ianya akan menggambarkan imej negara ini.

Dengan demikian saya suka mencadangkan supaya Kerajaan atau badan-badan swasta yang terlibat dalam pengangkutan awam menganjurkan seminar atau kursus yang sesuai untuk meninggikan lagi mutu pengangkutan awam di negara ini di samping dapat menyediakan pemandu-pemandu yang berbudi bahasa yang tinggi. Ini termasuklah pegawai-pegawai yang terlibat di dalam pengangkutan udara atau dengan lebih tepat lagi iaitu kakitangan-kakitangan perkhidmatan MAS, begitu juga dengan pegawai-pegawai Immigresen dan Kastam. Mereka juga perlu diberi kursus tertentu di dalam mengendalikan

urusan yang melibatkan pelancong-pelancong luar negeri kerana cara menjalankan tugas dan budi bahasa mereka juga akan menunjukkan imej negara kita. Saya harap Kerajaan akan mengambil tindakan yang serius di dalam perkara ini.

Selaras dengan itu, saya juga ingin menyentuh mengenai operator telefon sama ada persendirian atau awam. Mereka juga perlulah diberi latihan yang secukupnya bukan sahaja dari segi kemahiran menggunakan alat-alat tetapi juga ketika menjalankan tugas-tugas mereka kerana mereka inilah yang terlebih dahulu menunjukkan imej individu atau organisasi mereka.

Begitu juga dengan pegawai-pegawai perkhidmatan kaunter di Pejabat Pos. Adalah didapati ramai Pegawai-pegawai Pos yang tidak memakai tanda nama semasa menjalankan tugas. Dengan ini mungkin terdapat orang-orang yang akan mengambil kesempatan untuk menyamar sebagai Pegawai Pos. Oleh itu perkara ini perlu diberi perhatian.

Seperkara lagi yang ingin saya menarik perhatian ialah kaunter-kaunter di Pejabat Pos. Adalah didapati banyak sungutan-sungutan yang diterima kerana kaunter-kaunter di Pejabat Pos tidak menunjukkan papan tanda waktu buka dan waktu tutup kaunter untuk urusan-urusan pos, pembayaran bil-bil telefon, elektrik atau urusan mengambil dan membaharui Lesen Radio dan Televisyen serta urusan-urusan lain yang memerlukan perkhidmatan kaunter.

Sebagai contoh oleh kerana ketiadaan papan tanda waktu buka dan tutup, di suatu kaunter ramai yang sudah beratur untuk membuat pembayaran terpaksa berpindah ke kaunter yang lain kerana kaunter tersebut tiba-tiba memberhentikan perkhidmatannya walaupun masih

ramai lagi yang beratur di kaunter tersebut dan ini telah membuang masa seseorang itu. Dengan itu saya berharap supaya Kementerian berkenaan dapat mengkaji dengan serius dan seterusnya mengatasi kesulitan yang dihadapi oleh orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merayu kepada Kementerian Kesihatan supaya Kementerian tersebut dapat memberi pertimbangan untuk membuka lebih banyak lagi klinik-klinik serta hospital-hospital di Negeri Sarawak di samping dapat meninggikan lagi taraf hospital-hospital di Sarawak untuk menampung permintaan rawatan yang meningkat. Pada masa sekarang ramai pesakit-pesakit yang memerlukan rawatan pakar terpaksa dihantar ke Hospital Besar Kuala Lumpur atau Hospital Universiti. Ini bukan sahaja mendatangkan masalah kepada pesakit-pesakit tersebut tetapi juga kepada saudara-saudara pesakit itu yang mengiringinya ke Kuala Lumpur terutama masalah tempat tinggal.

Untuk makluman, kebanyakan mereka yang datang untuk mendapat rawatan di Kuala Lumpur ini bukanlah dari golongan yang mampu untuk menyewa tempat penginapan semasa berada di sini. Oleh yang demikian, saya berharap agar Penguasa Hospital atau Kementerian Kesihatan dapat mengambil tindakan yang sewajarnya supaya menyediakan tempat tinggal untuk mereka yang mengiringi pesakit yang datang ke Kuala Lumpur dengan kadar sewa yang berpatutan dan munasabah. Saya kira perkara ini bukan sahaja perlu ke atas pesakit-pesakit yang datang dari Sabah dan Sarawak tetapi juga dari negeri-negeri lain di Malaysia ini yang terpaksa datang ke Kuala Lumpur untuk mendapatkan rawatan.

Walaupun pada masa sekarang pihak hospital membenarkan mereka tinggal di kawasan hospital, tetapi

tempatnyanya bukanlah sesuai. Mereka terpaksa tidur di corridor hospital sahaja untuk maklumat juga. Wakil-wakil Rakyat telah mengalami masalah memberikan tempat tinggal serta pengangkutan kepada mereka ini semasa berada di Kuala Lumpur.

Menyentuh tentang keselamatan, seperti yang telah diketahui umum kadar jenayah yang berlaku di negara ini telah meningkat. Jenayah-jenayah ini bukan sahaja berlaku di Wilayah Persekutuan atau bandar-bandar besar tetapi juga di kawasan-kawasan luar bandar. Di negara-negara lain seperti Jepun, Korea dan Taiwan terdapat sistem yang berlainan dengan negara kita bagi mengurangkan kes jenayah. Di negara tersebut kita dapati di rumah-rumah kediaman tidak ada grill dipasang pada pintu-pintu atau tingkap-tingkap dan juga tiada pagar tinggi di sekeliling rumah mereka. Walaupun demikian, kes mencuri pada siang hari adalah tidak berlaku. Ini adalah sangat berlainan di negara kita di mana kes kecurian serta pecah rumah sering terjadi di mana untuk mengatasi masalah ini saya ingin mencadangkan supaya:

- (1) Sebuah pondok polis didirikan pada setiap hujung dan pangkal jalan utama.
- (2) Tiap-tiap seorang penduduk di satu kawasan hendak didaftarkan pada balai polis yang berhampiran dengan kawasan tersebut supaya mereka ini dapat diketahui di mana mereka menetap, atau dengan lain perkataan, setiap penduduk sesuatu kawasan hendaklah didaftarkan di dalam Rekod Daftar Polis supaya pihak polis dapat mengenali penduduk di kawasan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai kemudahan-kemudahan asas seperti jalan raya, bekalan elektrik dan air di Negeri

Sarawak. Kemudahan-kemudahan asas tersebut adalah sungguh mundur. Oleh yang demikian, saya merayu kepada Kerajaan supaya memberi peruntukan yang lebih kepada Negeri Sarawak bagi menyediakan kemudahan-kemudahan asas tersebut. Seorang wartawan dari Semenanjung yang melawat Sarawak pernah menyatakan bahawa roads in Sarawak are equivalent to the Federal roads in Semenanjung, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Parti-parti Pembangkang terutamanya Parti DAP telah menggunakan isu tersebut untuk menyatakan kepada rakyat Negeri Sarawak bahawa mereka telah diabaikan dari segi memberi kemudahan-kemudahan asas seumpama itu oleh Kerajaan Pusat. Oleh yang demikian, saya berharap agar Kerajaan dapat menyelesaikan masalah ini setelah situasi ekonomi bertambah baik walaupun Kerajaan telah memperuntukkan \$4 juta untuk memasang paip air di luar bandar dan di bandar di Sarawak tetapi peruntukan sebanyak itu bagi sebuah negeri yang luas seperti Sarawak adalah saya kira tidak mencukupi. Peruntukan tambahan untuk perkara ini perlu diberi perhatian oleh Kerajaan.

Bagi skim elektrik di luar bandar, walaupun Kerajaan telah menambah sedikit peruntukan untuk tahun ini tetapi saya kira ia masih tidak mencukupi memandangkan tenaga elektrik sangat diperlukan oleh rakyat, maka saya merayu kepada Kerajaan supaya sebuah Jawatankuasa Hydro Elektrik dibina di setiap bahagian di Negeri Sarawak. Sebagai contoh sebuah Hydro Elektrik Paleh dibina di Bakun untuk Bahagian ke 7. Saya juga berharap dengan adanya Stesyen Hydro Elektrik di Batang Ai, kadar bayaran elektrik dapat dikurangkan.

Menyentuh tentang kemudahan pelajaran bagi rakyat Negeri Sarawak dan juga Sabah, saya suka

mencadangkan kepada Kementerian Pelajaran supaya membina sebuah universiti penuh sama ada di Sarawak atau di Sabah. Kalau dilihat di Semenanjung terdapat enam buah universiti penuh. Oleh itu adalah wajar jika sebuah universiti ditempatkan di Sarawak atau di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang Sistem Keselamatan Jalan raya (KEJARA). Di sini saya ingin mendapat penerangan Kementerian berkenaan sama ada pesalah-pesalah yang didenda di dalam sistem ini diberitahu akan kesalahan mereka. Sekiranya kesalahan mereka diberitahu adalah diharapkan pihak yang mengeluarkan notis pemberitahu itu mestilah menyatakan bersama-sama butir-butir kesalahan seperti tempat di mana berlakunya kesalahan. Masa dan jenis kesalahan dengan tepat supaya ianya tidak mendatangkan keraguan kepada mereka.

Seperkara lagi saya juga ingin mendapat penerangan sama ada pesalah-pesalah yang telah membayar denda masih juga dikenakan markah denda dalam Sistem KEJARA ini,

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menarik perhatian Kementerian Pengangkutan. Semenjak Kerajaan Pusat mengambil alih Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan di Sarawak, beberapa kesulitan telah dihadapi oleh pemegang-pemegang lesen atau permit pengangkutan di mana proses yang diambil untuk membaharui segala lesen atau permit pengangkutan telah mendatangkan masalah dan mengambil masa yang panjang.

Sebagai contohnya, untuk membaharui sesuatu permtt pemegang permit tersebut pergi ke Pejabat Daerah tetapi untuk mengambil permit yang telah diperbaharui itu pemegang tersebut dikehendaki mengambilnya

pula di Pejabat Bahagian. Ini bukan sahaja mendatangkan masalah dan kesulitan tetapi juga mengeluarkan belanja yang besar hanya untuk membaharui permit tersebut. Sementara itu tanpa permit berkenaan kenderaan-kenderaan yang berkaitan tidak boleh diperiksa oleh Jabatan Pengangkutan Jalan. Ini juga telah mendatangkan kerugian kepada pemilik-pemilik kenderaan kerana masa yang diambil adalah terlalu lama sehingga kadangkala memakan masa berbulan-bulan. Oleh yang demikian, diharap perkara ini dapat diambil perhatian oleh Kementerian berkenaan.

Seperkara lagi yang saya hendak sentuh ialah mengenai permohonan lesen memandu yang baru iaitu lesen berlapis. Banyak rungutan-rungutan yang telah diterima mengenai borang-borang permohonan tersebut di mana borang-borang berkenaan tidak disertakan bersama syarat-syarat memohon lesen tersebut seperti tidak dinyatakan perkara-perkara yang perlu dilampirkan atau disertakan bersama.

Ketika mengemukakan borang permohonan lesen ini telah menyusahkan orang ramai yang hendak memohon lesen berkenaan; kerana sebahagian dari mereka setelah berbaris berjam-jam tetapi apabila tiba gilirannya di kaunter borang permohonannya telah ditolak kerana tidak mencukupi syarat. Oleh itu, saya memohon agar Kementerian berkenaan memberi perhatian yang sewajarnya untuk memperbaiki perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin memberi perhatian mengenai peruntukan Agensi Di Luar Belanjawan (Off-Budget Agency—OBA). Adalah didapati belanjawan yang diperuntukkan kepada Agensi Di Luar Belanjawan ini adalah hampir sama dengan peruntukan yang diberikan untuk belanjawan

penggunaan Persekutuan dan Negeri. Oleh itu, saya berharap agar Kerajaan dapat memberi perhatian ke atas perkara ini terutamanya di dalam keadaan negara sedang menghadapi kemelesetan ekonomi dan juga di dalam negara sedang dalam proses berjimat cermat.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Jerantut.

6.24ptg.

Wan Abu Bakar bin Wan Mohamad (Jerantut): Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut bangun dan berucap bagi menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1986.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah kepada Menteri Kewangan yang telah membentangkan belanjawan tahun 1986 yang tidak membebankan mana-mana pihak.

Saya juga mengalu-alukan belanjawan ini yang sangat sesuai dalam keadaan kemelesetan ekonomi. Sebanyak \$30,812 juta telah diperuntukkan bagi belanjawan Kerajaan Persekutuan bagi tahun 1986. 71% daripadanya iaitu sebanyak \$21,954 juta adalah untuk perbelanjaan Mengurus dan 29% daripada belanjawan iaitu \$8,858 juta adalah diuntukkan untuk perbelanjaan Pembangunan.

Peruntukan belanjawan keseluruhannya bagi tahun 1986 bertambah sebanyak 6% ataupun sebanyak \$1,621 juta berbanding dengan peruntukan bagi tahun 1985.

Tuan Yang di-Pertua, kalau diperiksa lebih lanjut adalah didapati peruntukan perbelanjaan Mengurus bertambah sebanyak \$417 juta iaitu kira-kira 2% berbanding dengan peruntukan belanjawan 1985.

Sebenarnya peruntukan perbelanjaan Mengurus telah bertambah pada tiap-tiap tahun. Pertambahan ini agak besar. Kalau kita lihat pada tahun 1981 peruntukan perbelanjaan Mengurus ialah lebih kurang \$15.5000 juta dan ianya terus meningkat dari tahun ke tahun hinggalah ke angka \$21,954.2 juta pada tahun 1986 yang dijangkakan iaitu peningkatan hampir 30% dalam masa enam tahun. Sebaliknya Tuan Yang di-Pertua, peruntukan perbelanjaan Pembangunan berkurangan iaitu daripada lebih kurang \$12,000 juta dalam tahun 1981 menurun tahun demi tahun ke angka \$8,857 juta bagi tahun 1986 iaitu menurun hampir 33% dalam tempoh 6 tahun. Jadi, kalau kita lihat daripada kecenderungan yang jelas kelihatan di sini ialah peruntukan Pembangunan terpaksa dikorbankan untuk menampung peruntukan perbelanjaan Mengurus.

Apa yang membimbangkan ialah kenaikan perbelanjaan Mengurus yang sekarang ini pada kadar yang sangat tinggi. Kira-kira 35% ataupun \$7,696 juta adalah diperuntukkan untuk emolumen. Ini menunjukkan bahawa negara kita mempunyai anggota Perkhidmatan Awam yang sangat besar. Malahan menurut Menteri Kewangan sendiri di dalam ucapan beliau semasa membentangkan belanjawan 1986 telah menyatakan bahawa saiz Perkhidmatan Awam Malaysia adalah yang terbesar jika dibandingkan dengan negara-negara yang lain.

Pada tahun 1983, bagi setiap 17 orang penduduk Malaysia seorang daripadanya adalah pegawai Kerajaan berbanding dengan 29 orang penduduk bagi Brunei, 43 orang penduduk bagi Filipina, 45 orang penduduk bagi India dan 48 orang penduduk bagi Britain.

Tuan Yang di-Pertua, Menteri Kewangan juga telah menyatakan semasa merasmikan Persidangan Ke-7

Persatuan Keselamatan Sosial Antarabangsa bagi Rantau Asia dan Oceanic di Kuala Lumpur pada 4hb November, 1985 bahawa Kerajaan dijangka terpaksa membayar sejumlah \$3.1000 juta setahun bagi tujuan membayar pencen menjelang tahun 2000. Jumlah ini adalah sangat besar bagi sebuah negara kecil seperti Malaysia. Peruntukan sebanyak itu dengan tidak termasuk bayaran gaji dan lain-lain perbelanjaan yang berkaitan adalah lebih besar faedahnya

jika digunakan bagi maksud Pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan hingga pukul 2.30 petang esok, 7hb November, 1986.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6,30 petang.